



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

MY DOCTORAL *Journey*

5



Pahit Akan
Manis Akhirnya **2022**

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

My Doctoral Journey 5 : Pahit Akan Manis Akhirnya

2022

MY DOCTORAL JOURNEY 5: PAHIT AKAN MANIS AKHIRNYA

Diterbitkan

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Kementerian Pendidikan Malaysia

ARAS 1-3, BLOK 2250, JALAN USAHAWAN 1

63000 CYBERJAYA, SELANGOR

Tel: 03-83126600

Faks: 03-83126655

(www.ipgm.moe.edu.my)

eISBN:

e ISBN 978-967-2999-57-7



Hak Cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia 2022

Sebarang bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia terlebih dahulu.

Dicetak oleh :

The background is a solid black color. Scattered throughout are watercolor-style illustrations of leaves in shades of grey, blue, and yellow. Small, irregular gold speckles are also scattered across the black background, particularly in the upper and lower corners.

Alu-Aluan



KATA ALU-ALUAN

Rektor

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

-----Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan limpah kurnia-Nya maka *My Doctoral Journey 5: Pahit Akan Manis Akhirnya* berjaya diterbitkan. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan penulis dan editor dalam menjayakan penerbitan naskhah ini. *My Doctoral Journey 5: Pahit Akan Manis Akhirnya* menghimpunkan pelbagai bentuk pengalaman berharga dan ilmu yang tidak ternilai yang diperoleh ketika para penulis melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Kedoktoran sehingga berjaya dianugerahkan gelaran Doktor Falsafah.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pusat Pembangunan Latihan, Institut Pendidikan Guru Malaysia yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menghimpunkan dan membukukan pengalaman-pengalaman penulis yang sangat berharga ini. Budaya menulis seperti ini perlu sentiasa digalakkan dalam budaya kerja warga IPG selaras dengan perkembangan pendidikan masa kini yang menitikberatkan penulisan akademik, penulisan ilmiah dan penulisan kreatif.

Diharapkan penerbitan naskhah ini dapat memanfaatkan pembaca khususnya mereka yang akan atau sedang melanjutkan pengajian pada peringkat PhD. Diharapkan juga karya-karya yang dihasilkan oleh para penulis ini akan menambah baik pembudayaan ilmiah sekali gus menjadikan sebagai inspirasi kepada para pembaca dalam era pendidikan alaf ke-21.

Sekian, terima kasih

Dr. Rusmini binti Ku Ahmad

Rektor

Institut Pendidikan Guru Malaysia





KATA ALU-ALUAN

Timbalan Rektor, Pusat Pembangunan Latihan

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

-----Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pengajian Ijazah dan Pembangunan Profesional yang telah berusaha sedaya upaya bagi menjayakan penerbitan *My Doctoral Journey 5: Pahit Akan Manis Akhirnya*. Syukur ke hadrat Illahi kerana penerbitan yang bertujuan untuk menghimpun perkongsian pengalaman Pegawai Perkhidmatan Pendidikan menggulung ijazah kedoktoran berjaya dilaksanakan.

Bagi koleksi naskhah kali ini, para pegawai di Pusat Pembangunan Latihan dan Pusat Kecemerlangan Akademik IPGM turut menyumbang coretan pengalaman berharga diperoleh sewaktu dalam pengajian ijazah kedoktoran. Selain itu, para pensyarah di kampus-kampus serta nukilan daripada pensyarah Kolej Vokasional juga turut menyumbang penulisan dalam naskhah ini. Syabas dan terima kasih daun keladi saya ucapkan. Saya berharap penulisan kreatif sebegini tidak terhenti setakat dalam koleksi tahun ini dan saya mengalu-alukan lebih banyak penulisan sebegini bagi terbitan akan datang. Gaya penulisan yang kreatif dan olahan yang menarik tentunya dapat menarik para pembaca untuk mendasari pengalaman para penulis yang unik dan bervariasi dalam perjalanan mendalami ilmu dan menggenggam ijazah kedoktoran.

Akhir kata, saya juga berharap para pembaca dapat menikmati nukilan para penulis dan bagi mereka yang akan menyambung ijazah kedoktoran atau sedang dalam pengajian, diharapkan naskhah ini dapat memberi gambaran serba sedikit cara usaha perlu dipanjatkan bagi menggapai impian. Sudah tentu, setiap perjalanan Phd yang pahit itu, dengan usaha, doa dan tawakal kepada Allah SWT akan manis akhirnya.

Salam kasih sayang

Dr. Yazid bin Abdul Manap

Timbalan Rektor

Pusat Pembangunan Latihan

Institut Pendidikan Guru Malaysia





SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Dr. Rusmini binti Ku Ahmad
Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENASIHAT

Dr. Yazid bin Abdul Manap
Timbalan Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

KETUA EDITOR

Dr. Syamsina Zahurin binti Shamsuddin
Jabatan Pengajian Siswazah dan Pembangunan Profesional
Pusat Pembangunan Latihan
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

EDITOR

Dr. Nor'Ain binti Sulaiman
Dr. Zalifah binti Sidek
Dr. Mazlili binti Suhaini
Pusat Pembangunan Latihan
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia




Dr. Zabedah binti Mohammed
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr. Kee Li Li
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn
Kementerian Pendidikan Malaysia

EDITOR GRAFIK

Muhamad Firdaus bin Mohammad
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Kementerian Pendidikan Malaysia



PENGHARGAAN

Sidang Editorial Buku My Doctoral Journey 5 2022
merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada
Rektor IPGM,
Timbalan-timbalan Rektor IPGM,
Pengarah-pengarah IPG,
Ketua-ketua Penolong Pengarah PPL
Pensyarah-pensyarah yang terlibat atas kerjasama serta
sokongan yang tidak ternilai diberikan dalam
penerbitan buku My Doctoral Journey 5 :
Pahit Akan Manis Akhirnya tahun 2022.

TERIMA KASIH



Kandungan

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
KATA ALU-ALUAN REKTOR	iv
KATA ALU-ALUAN TIMBALAN REKTOR PPL	v
SIDANG EDITORIAL	vi
PENGHARGAAN	viii

BIL	TAJUK/ PENULIS	HALAMAN
1	SAINTIS VS JURUTERA DR. YAZID ABDUL MANAP Timbalan Rektor Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	2
2	INDAHNYA PELANGI SETELAH HADIRNYA HUJAN DR. ZANARIAH IBRAHIM Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	6
3	PHD: PERJUANGAN MENGENAL DIRI DR. NOR'AIN SULAIMAN Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	8
4	READ MORE AND READ BETTER (YOU WRITE BETTER TOO) DR. SYAMSINA ZAHURIN SHAMSUDDIN Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	10
5	REFLEKSI PERJALANAN KEDOKTORAN SAYA DR. BUSHRA LIMUNA HJ ISMAIL Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	12

6	KEHIDUPAN SAYA SEBAGAI SEORANG PELAJAR PHD DR. ZALIFAH SIDEK Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	14
7	PHD BUKAN ASSIGNMENT!! DR. SYARINA RAMLI Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	17
8	MAK... BERKATNYA DOAMU.. DR. MAZLILI SUHAINI Pusat Pembangunan Latihan Institut Pendidikan Guru Malaysia	19
9	PKP PHD PKP DR. FAZIDAH NAZIRI Pusat Kecemerlangan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia	21
10	PENGAJIAN PHD SEMASA PANDEMIK COVID-19 DR. MARTINA MAAMIN Pusat Kecemerlangan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia	24
11	PERSEPSI PROFESSOR TERHADAP PERJALANAN PENGAJIAN DOKTOR FALSAFAH (PHD) SAYA DR. AHMAD ZOHRI HJ ISHAK IPG Kampus Pulau Pinang	27
12	TRAVELOG PHD: ILMU ITU MILIK ALLAH DR. HAIZUL RASDY SAIDIN IPG Kampus Pulau Pinang	30
13	PHD SATU UJIAN DR. MOHD FAIZAL HASSAN IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan	33
14	MY PHD JOURNEY: SELF-REDEMPTION DR. NUR LENNA ABDUL RAHMAN, Kolej Vokasional Dato' Maharaja Lela	35



15	RAPPORT ATAU SILATURAHIM...?? DR. NURUL HUDAA HASSAN IPG Kampus Pendidikan Islam	38
16	PHD SATU ANUGERAH: REZEKI TAK SALAH ALAMAT DR. NORLIZA NOR HASHIM IPG Kampus Pendidikan Islam	44
17	AKU DAN PHD DR. ISMAIL SAID IPG Kampus Perlis	48
18	MELUNASI AMANAH DR. MOHD. HANAPIAH KHAMIS IPG Kampus Tun Hussein Onn	50
19	“ZERO” TO “HERO”: PERSIAPAN MENTAL, FIZIKAL, DAN EMOSIMU DEMI KEMBARA MENUJU PHD DR. ROSMAWATI MOHAMED IPG Kampus Sultan Mizan	53
20	BERKAT ILMU DAN SEMANGAT DR. ZAMANI IBRAHIM, AMP IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan	57
21	DESTINASI IMPIAN PHD KU DR. SITI FATIHAH OSMAN IPG Kampus Temenggong Ibrahim	60
22	I AM NOT A PASSENGER BUT A CHALLENGER! DR. YEE BEE CHOO IPG Kampus Tun Hussein Onn	63
23	RANJAU SEPANJANG JALAN DR. WAN LOKMAN BIN WAN AHMAD IPG Kampus Dato’ Razali Ismail	66
24	FAKTOR INTERNAL DAN EKSTERNAL KEKUATAN MENTAL SEMASA PHD DR. KHOO BEE LEE IPG Kampus Pulau Pinang	69



25	HOW COLOURFUL MY PHD JOURNEY WAS! DR. KEE LI LI IPG Kampus Tun Hussein Onn	71
26	ONAK DAN LIKU PHD KU DR. TS. HAJAH ROHANI SEMAN IPG Kampus Perlis	77
27	IJAZAH DOKTOR FALSAFAH... TIKET TERBANG TINGGI DR. RAYNER TANGKUI IPG Kampus Keningau	86
28	MENGGAPAI LANGIT BIRU DR. SURIATI SULAIMAN IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan	90



The image features an abstract, textured background with a color palette of deep navy blue, dark teal, and shimmering gold. The gold elements are applied in a marbled or splattered style, creating organic, flowing shapes and patterns. The word "Journey" is written in a large, elegant, cursive script in a bright gold color, positioned centrally across the middle of the frame. The overall aesthetic is sophisticated and artistic, suggesting themes of travel, exploration, and personal growth.

Journey

Saintis vs Jurutera
Dr. Yazid Abdul Manap
Timbalan Rektor
Pusat Pembangunan Latihan, IPGM

Anugerah Doktor Falsafah dengan gelaran “Dr” merupakan lambang keserjanaan dan pengiktirafan bagi mereka yang memiliki PhD. PhD itu sendiri adalah proses pembelajaran yang dilalui oleh seseorang individu untuk menjadi seseorang yang mencintai ilmu, menghargai ilmu, berkongsi ilmu, lebih sistematik, matang berhujah, lebih kritis dan kreatif, cenderung membuat penyelidikan dan lebih berdikari. Lulusan PhD terdidik dengan budaya perkongsian ilmu sama ada dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan nilai. Perkongsian ilmu boleh dalam bentuk penyertaan dalam persidangan atau menulis artikel untuk dibaca dalam bentuk cetak atau platform dalam talian. Perkongsian ilmu adalah suatu amalan yang biasa dalam organisasi atau masyarakat kita, iaitu sekumpulan individu bertukar pengalaman, ilmu pengetahuan sama ada yang tersurat atau tersirat untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta sikap individu. Mengapakah perkongsian ilmu itu sangat penting? Satu hadis riwayat at-Thabrani, Rasulullah SAW berkata,

“Perumpamaan orang yang berilmu yang mengajarkan kebaikan kepada manusia dan melupakan dirinya seperti lampu yang menerangi orang lain dan membakar dirinya sendiri

Perkongsian ilmu dengan menyampaikan ilmu kepada orang lain adalah suatu amalan yang mulia yang sangat hebat impaknya. Menurut Robert Boyce,

Knowledge is power. Knowledge shared is power multiplied.

Pada zaman silam, cendekiawan berkongsi ilmu dalam pelbagai bentuk antaranya melalui dialog, forum, hujah dan debat. Kebanyakan isu atau perkara yang dibincangkan adalah berkaitan fenomena atau kejadian alam yang mereka perhatikan. Al-Biruni, sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir masih berbincang dengan rakan-rakan yang berada di sekelilingnya berkaitan permasalahan yang beliau belum dapat penyelesaiannya. Robert Boyle pula kerap membincangkan isu atau fenomena alam yang berlaku dalam kehidupan harian. Boyle Bersama rakan-rakannya menubuhkan *Royal Society For The Advancement of Learning* sebagai medan percambahan fikiran dan pertukaran idea mengenai fenomena alam. Pada hari ini amalan perkongsian ilmu dalam bentuk formal dan berskala besar seperti persidangan akademik diadakan sebagai satu usaha manifestasi pembelajaran sepanjang hayat terutama dalam kalangan sarjana. Apakah kebaikan berdialog, berbincang, berhujah atau bertanya berkaitan sesuatu isu atau fenomena? Wacana sedemikian dapat mencambahkan pemikiran, menjadikan pemikiran lebih tajam dan idea lebih bernas. Atas alasan itulah PhD dinilai dalam bentuk viva dan bukannya ujian bertulis. Situasi yang sama diamalkan oleh mereka yang menuntut di kelas pondok suatu ketika dahulu.

Menyertai persidangan akademik dengan pelbagai nama seperti seminar, konvensyen, kolokium, persidangan, simposium sama ada bertaraf kebangsaan mahupun antarabangsa merupakan antara syarat yang mesti dilalui oleh pelajar untuk bergelar doktor falsafah. Mengapakah kebanyakan institusi pendidikan mewajibkan pelajar doktor falsafah menyertai persidangan akademik ini? Persidangan akademik ialah perhimpunan penyelidik, profesional, cendekiawan, ahli akademik terkemuka dalam bidang tertentu dan sarjana membentangkan idea mereka, terlibat dalam perbincangan dan interaksi kritikal dengan pakar dan rakan sebaya yang lain. Komponen utama teras persidangan akademik ini ialah pembentangan penyelidikan baharu dalam bentuk pembentangan kertas kerja diikuti sesi soal jawab berkaitan bahan pembentangan. Persidangan akademik boleh disertai sama ada sebagai peserta atau sebagai pembentang kertas kerja. Jika pilihan kedua diambil, kita dapat




membentangkan kertas kerja dan jika kertas kerja kita berkualiti akan diterbitkan dalam jurnal berimpak. Sepanjang pengajian Phd, penulis telah membentangkan tujuh kertas kerja penyelidikan, empat di peringkat antara bangsa yang bertajuk *23rd Regional conference Solid State Science and Technology, ISESCO International workshop and conference on Nanotechnology, International Conference on Advancement of Materials and Nanotechnology, The Second International Conference on Solid State Science and Technology* dan tiga di peringkat kebangsaan yang bertajuk *National Metallurgical Conference, National Physics Conference, dan Annual Fundamental Science Seminar.*

Dua daripada pembentangan kertas kerja dalam persidangan yang disertai penulis telah ditaja oleh penaja penulis, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia sementara lima lagi persidangan ditaja oleh geran penyelidikan. Tajaan yang diterima penulis berupa yuran persidangan, tambang dan penginapan serta elaun makan. Jika ketika itu persidangan peringkat kebangsaan yurannya antara RM200-RM400. Persidangan peringkat antarabangsa pula yurannya antara RM700–RM1200. Penulis rasa bersyukur dan berterima kasih kepada pensyarah Fizik penulis ketika mengikuti ijazah pertama di UTM yang telah membiayai sepenuhnya lima persidangan akademik yang penulis sertai melalui geran penyelidikan beliau. Benarlah kata pujangga, *ketika kita menolong orang lain sebenarnya kita sedang menolong diri kita sendiri.* Bagi menggunakan geran penyelidikan ini penulis perlu memasukkan nama pensyarah tersebut sebagai *author* dalam kertas kerja yang penulis hantar kepada urus setia persidangan. Ini memberikan kredit kepada beliau.

Daripada tiga persidangan peringkat kebangsaan yang penulis sertai, satu daripada persidangan itu, iaitu *National Metallurgical Conference* dibuka terutamanya kepada sarjana bidang kejuruteraan atau jurutera. Inilah kali pertama penulis membentangkan kertas kerja bertajuk *A Design Test Chamber System For Gas Sensor* di pentas yang pesertanya majoriti terdiri daripada ahli akademik bidang kejuruteraan. Dalam kertas kerja ini, format penulisan yang ditetapkan oleh urus setia persidangan perlu mengandungi tajuk, abstrak, pengenalan, kaedah, keputusan dan perbincangan, kesimpulan dan rujukan. Penulis tidak berhajat menceritakan keseluruhan kertas kerja ini tetapi penulis hanya ingin menceritakan bahagian yang menjadi tumpuan ahli sarjana bidang kejuruteraan semasa pembentangan ini, iaitu rekabentuk *Gas Test Chamber*.

Rajah 1 ialah lukisan reka bentuk *Gas test chamber* yang penulis bersama-sama seorang lagi rakan PhD di UTM reka dan hasilkan dalam pengajian PhD penulis. Rekaan ini merupakan komponen utama yang penulis perlu reka dan hasilkan sebelum lain-lain komponen dihasilkan dan ibarat seperti jantung dalam tubuh manusia.



Rajah 1: *Gas Test Chamber*

Tanpa komponen ini sudah tentu kajian PhD ini tidak dapat diteruskan. Jika dilihat kepada reka bentuk lukisan *Gas test Chamber* ini, penulis memerlukan ilmu lukisan kejuruteraan dan teknologi kimpalan, iaitu gabungan bidang kejuruteraan dan bidang vokasional. Inilah cabaran terbesar yang penulis hadapi semasa pengajian PhD ini kerana penulis tidak mempunyai asas kemahiran dalam bidang ini kerana ketika zaman persekolahan dahulu penulis bukan daripada aliran teknik mahupun vokasional. Cuma penulis bernasib baik kerana pernah ditempatkan sebagai guru Fizik di Sekolah Menengah Vokasional Kluang yang kemudiannya dinaik taraf menjadi Sekolah Menengah Teknik Kluang.

Pengalaman berkhidmat di Sekolah Menengah Teknik Kluang inilah memberikan sedikit pendedahan berkaitan ilmu lukisan kejuruteraan dan teknologi kimpalan. Walau bagaimanapun dari segi penguasaan ilmu penulis dalam bidang ini, jika skala lima adalah skala tertinggi penulis hanya memiliki pengetahuan bidang ini hanya pada skala dua sahaja. Penulis teringat kata-kata Vincent T. Lombardi,

The difference between a successful person and others is not a lack of strength, not a lack of knowledge but rather a lack of will.

Kata-kata ini memberikan semangat kepada penulis untuk mempelajari ilmu dalam kedua-dua bidang ini bagi membina *Gas Test Chamber*. Sebagai seorang guru, kata-kata yang selalu penulis gunakan ketika memberi ceramah kepada guru-guru dalam perkhidmatan *If you are an educator, don't ever stop learning* benar-benar mencabar dan memotivasi penulis untuk mempelajari ilmu atau kemahiran-kemahiran dalam bidang-bidang baharu.

Berbalik kepada *National Metallurgical Conference tadi*, Persidangan ini diadakan di Putra Palace Hotel, Kangar, Perlis anjuran Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang dikenali sebagai Universiti Malaysia Perlis pada hari ini. Apakah membezakan persidangan ini dengan persidangan-persidangan lain yang penulis sertai sepanjang pengajian? Dalam persidangan ini penulis banyak berinteraksi dengan jurutera berbanding dengan saintis. Rajah 1 yang penulis bentangkan mencuri perhatian penonton atau sarjana bidang kejuruteraan. Ini kerana bagi mereka *“design is not just what it looks like and feels like. Design is how it works.”* Tambahan pula apabila terdapat angka-angka yang penulis labelkan pada Rajah 1 tersebut. Mereka sangat peka dengan angka yang digunakan. Ada antara soalan yang diajukan, dapat dijawab oleh penulis dan sebaliknya. Penulis sangat bertuah ketika itu kerana soalan yang tidak dapat dijawab, telah dijawab oleh seorang Profesor Fizik daripada UKM satu-satunya Profesor Fizik yang menyertai persidangan ini. Penulis teringat satu hadis riwayat Muslim, *Dan Allah akan sentiasa membantu hamba-Nya selagi mana hamba tersebut membantu saudara-Nya.*

Penulis tidak serik menyertai persidangan ini malah pengalaman berharga yang penulis perolehi dalam persidangan *Metallurgical* ini ialah pemilihan angka sangat penting dalam bidang kejuruteraan. Angka yang dipilih mestilah mempunyai justifikasi pemilihan dan bukan berdasarkan anggapan atau *try and error* sahaja. Ketepatan amat penting untuk mendapat keputusan yang betul dan tepat. Daripada beberapa persidangan yang penulis sertai bersama para saintis, penulis boleh membuat kesimpulan bahawa saintis cenderung meneroka dan menemukan pengetahuan baharu tentang alam semesta atau mencipta teori baharu.



Sementara persidangan bersama-sama jurutera seperti persidangan *Metallurgical* ini, penulis boleh membuat kesimpulan bahawa jurutera menggunakan teori atau pengetahuan sains untuk menyelesaikan masalah praktikal dalam kehidupan harian dengan mengoptimumkan kos, kecekapan, atau beberapa parameter lain.

Akhirnya jurutera sangat peduli pada reka bentuk dan pengoptimuman, sementara para saintis mengambil berat mengenai penyelidikan dan hasilnya. Ini mengingatkan penulis bahawa saintis *is about knowing, engineering is about doing*. Di sini menunjukkan bahawa perkongsian ilmu kepada peserta yang berbeza memberikan perspektif yang berbeza terhadap sesuatu bidang ilmu.



Indahnya Pelangi Setelah Hadirnya Hujan

**Dr. Zanariah Ibrahim
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Pembangunan Latihan, IPGM**

SANGGAR RASA

*Terhimpun segala emosi
lara, pilu, hampa
semua dirasa
jenuh, jeran, jerih dan perih
berbaur pedih
hanya tasbih, pengubat lelah
hanya kitab suci, peneman duka
hanya illahi, tempat mengadu
hajatku hanya satu
kudratku tiadalah lesu
andai di darat, kucekal berkayuh,
andai di laut, kugigih berdayung
andai di gunung, kugagah mendaki
biar rasa membungkam resah
biar ribut menghayun rebah
segalanya kupasrah
segalanya kuredha
demi melunaskan hutangku
demi mengotakan janjiku
bergelar graduan doktor falsafah
kerana kupercaya
indahya pelangi setelah hadirnya hujan*

Kumulakan coretan kali ini dalam ruangan *My Doctoral Journey 5: Pahit Akan Manis Akhirnya* dengan seuntai sajak. Begitulah gambaran jerih perih yang kualami sewaktu bergelar pelajar PhD. Laluanku penuh liku. Namun bukan itu matlamat perkongsian ceritaku kali ini. Sajakku menggambarkan rona duka daripada suka. Persepsi pembaca pasti berbeza. Terpulang kepada pembaca untuk mentafsirkannya. Yang pasti gelodak rasa menjelaskan segalanya.

Indahnya pelangi setelah hadirnya hujan. Inilah frasa yang ingin kukongsikan kali ini. Mengapa aku tamat jua pengajian peringkat PhD adalah disebabkan asakan frasa ini. Aku percaya, alam diciptakan Illahi untuk manusia mengganggu kekuasaan-Nya. Kewujudan pelangi bagi pemikir Sains dikaitkan secara saintifiknya dengan pantulan, pembiasan dan belauan sinar mentari apabila bertemu dengan titisan hujan. Proses Sains ini dengan kuasa Illahi menghasilkan warna spektrum iaitu ungu, indigo, biru, hijau, kuning, oren dan merah. Bersandarkan teori gelombang cahaya, lebar, kedudukan dan jarak jalur pelangi berubah-ubah bergantung pada saiz titisan hujan. Jika titisan itu besar, warna merah bagi pelangi kedua bertindih dengan warna hijau pelangi pertama. Warna-warna ini berpadu membentuk satu jalur kuning yang lebih lebar daripada biasa. Selain itu, titisan yang disinari mentari yang berbeza saiz pada tempat yang berbeza akan membentuk pelangi dengan urutan warna yang luar biasa.

Proses pembentukan pelangi nan indah ini kuanalogikan dengan manfaat yang kuperoleh setelah bergelar pemegang ijazah doktor falsafah. Titisan hujan yang besar pasti datangnya daripada proses yang kompleks kerana pembentukan satu titisan hujan memerlukan gabungan berjuta-juta titisan awan. Begitulah analoginya dengan proses mendapatkan PhD. Terlalu kompleks bagiku. Tercalar emosi, terjejas kesihatan, tergugat hubungan kekeluargaan. Segalanya kurasa. Namun aku percaya pelangi tidak terbentuk tanpa proses



pembentukan hujan. Indahnya pelangi kerana kitaran alam semula jadi. Kuzahirkan analogi tersebut dengan kegigihanku untuk lulus PhD. Segala kegetiran pasti akan berakhir. Indahnya kerjaya selepas memperoleh ijazah kedoktoran kukecapi kini. Banyak manfaat yang kuperoleh. Teringat dengan kata-kata seorang profesor yang mengajarkan penulisan akademik, *'kerjaya anda bermula selepas lulus doktor falsafah.'*

Antara manfaat yang kuperoleh adalah keyakinan dan keberanian. Keyakinan untuk menulis artikel ilmiah mahupun karya kreatif semakin membugar di jiwaku. Disebabkan gelaran doktor falsafah ini, aku mewajibkan diriku menghasilkan sekurang-kurangnya satu penyelidikan dengan menerbitkan penulisan ilmiah yang berwasit setiap tahun. Aku juga pastikan ilmu yang kuperoleh dalam pengajian PhDku dimanfaatkan semaksimumnya dalam kerjayaku. Ilmu bahasa khususnya dalam bidang pragmatik acap kali aku praktikkan dalam tugas harianku sebagai seorang yang bekerjaya. Keyakinan mempraktikkan ilmu bahasa ini menyebabkan aku dirujuki. Saban waktu, aku dilantik sebagai penilai sama ada untuk pertandingan penyelidikan, pakar kesahan instrumen, pembaca pruf pelbagai dokumen dan laporan, pertandingan pengucapan awam atau apa-apa sahaja isu yang melibatkan bahasa Melayu dalam penulisan. Tidak kurang juga yang mengundangku sebagai penceramah bagi pembangunan profesionalisme berterusan bukan sahaja dalam kalangan warga pendidik tetapi juga dalam sektor awam di pelbagai kementerian selain Kementerian Pendidikan. Yang paling menggembirakan apabila penulisan tesis PhDku dibukukan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan menggunakan geran penulisan daripada UKM. Harapanku agar penerbitan buku tersebut bermanfaat kepada semua khususnya para guru pelatih sewaktu menjalani latihan mengajar.

Analogi indahinya pelangi setelah hadirnya hujan juga kumpamakan dengan manfaat peningkatan profesionalisme kerjayaku. Setelah bergelar PhD juga aku berjaya mendapat perjawatan sebagai Pensyarah Cemerlang Bahasa Melayu Gred DG52. Peningkatan akademik PhD menjadi faktor penyumbang kepada kejayaan tersebut. Laba yang kuperoleh berlipat ganda dengan beberapa anugerah dalam perkhidmatan sebaik aku lulus PhD. Antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang buat kesekian kalinya pada tahun 2018. Anugerah Prestasi Tinggi IPGKBM Tahun 2018 dan 2019. Segalanya dengan izin-Mu, ya Illahi. Bagiku, pengalaman memerah kudrat, mengasak minda untuk berfikir memberikan dampak secara langsung kepada karakter diriku. Kesukaran melaksanakan tugas dan mendepani cabaran dalam kerjaya tidak menjadi isu bagiku. Segalanya pasti dihadapi dengan tenang. Yang pasti yang terbelit perlu dirungkai agar leraianya memberi manfaat kepada semua. Umpama menarik benang dalam tepung, benang tidak putus, tepung tidak berselerak.

Hakikatnya, apa jua cabaran dan dugaan dalam kehidupan, hadapilah dengan ketenangan. Hanya dengan kewarasan fikiran, kita mampu sudahi segala tugas yang diamanahkan. Hanya dengan kegigihan, kita mampu tamatkan segala perjalanan yang kita mulakan. Hanya dengan kesungguhan, kita mampu gapai bintang di langit walau di lembah penuh onak dan duri. Sesungguhnya dengan usaha dan doa, kita tidak akan bermimpi di siang hari. Yakinlah pada kekuasaan Illahi. Hanya Allah yang maha mengetahui, maha pemurah lagi maha mengasihi. Begitulah kesan langsung pengajian PhD dalam kehidupanku. Yakinlah bahawa indahinya pelangi setelah hadirnya hujan. Tanpa hujan, tiadalah pelangi. Tanpa usaha dan kegigihan tiadalah kejayaan.



PhD : Perjuangan Mengenal Diri

Dr. Nor'Ain Sulaiman
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Pembangunan Latihan, IPGM

Untuk siri *My Doctoral Journey 5: Pahit Akan Manis Akhirnya*, aku terbaca semula diari 2019 ketika aku berasa amat tertekan kerana berada dalam bidang yang langsung tiada kaitan dengan bidang PhD yang aku pelajari. Terasa pedih dan sedih namun aku sahut cabaran itu sehingga berjaya memahami kepuasan berada dalam "Sumber Manusia". Tapi siri kali ni aku tidak mahu memberi penekanan mengenai kisah itu.

Sebelum kita teruskan dengan tajuk kali ini "PhD: Perjuangan Mengenal Diri", jom baca sebahagian petikan daripada diariku:

Hello Diary,

I am writing today to reminisce over the sweet memories you have had from 2014 to 2018, your Phd journey. During these years of struggle, you have been tested with everything: theories, data, chapters, thesis, the naggings of your husband (sorry Mr. Yus), and perhaps the most important struggle of all: coping with your own tantrums, moods and other madness. This is not a joke, in Glasgow, you could experience four seasons in one day - trust me! Laugh out loud (LOL). Sigh, I really miss the old me, as a student, as well as the weather and the smell of books.

I miss 556 at St Andrews, I miss Papercup ... and the list goes on.

Ain, you must always look back on these times, not to compare them with your life now, but so as to be grateful that you survived each obstacle and for everything which happened post-2018 as a result of your research experience. Remember every challenge you faced during your time at Human Resources (Pejabat Pendaftar or Sektor Khidmat Pengurusan). Being hated from the beginning because you were placed at a very "famous" also known as "wanted" post. Being hated because many thought you wanted it. Being hated because you challenged people in their comfort zones to form one department out of another, and one teacher institute to another, according to their subject matter expertise (disclaimer, major construction is happening next month from April 2019 to June 2019).

But they will not thank you when they get their promotion, they will not thank you for anything when it is okay, and who are you to question that?

Ok, I think that's enough for Part 1.

Hey, get ready for your retirement on December the 17th, 2039.

03032019

Menarik tak?

Sepanjang perjalanan PhD setiap orang, kita cepat rasa sedih, kecewa dan pilu walaupun hanya tidak mendapat e-mel balas daripada *supervisor* (SV). Perasaan *overthinking* tu tak payah cakap la, sering bermain di fikiran. Dalam situasi aku setiap bulan aku akan menghadap SV dan perasaan panik, risau dan *butterflies in my tummy* sentiasa ada. Aku pun pelik mengalahkan viva. Doa suami, keluarga dan rakan-rakan seperjuangan tak pernah kulupakan. Setiap bulan mereka mendoakan. Percayalah di sebalik setiap kejayaan sentiasa ada iringan doa dan bantuan semua orang di sekeliling kita termasuklah pokok dan haiwan. Maka berbaiklah kepada semua.



Perkongsian yang ingin aku tekankan di sini adalah buat semua bakal Phd dan rakan-rakan perjuanganku, setiap orang akan lalui pengalaman mereka sendiri dalam mengejar ilmu. Emosi yang kita lalui akan sentiasa bertukar. Terpulang kepada kita untuk mengawalinya, hargailah emosi itu. Emosi semasa PhD itu menjadikan kita kuat, emosi itulah mendewasakan kita, dan sekiranya kita berjaya melalui emosi itu apa-apa jua rintangan lain yang akan kita lalui, insya-Allah kita akan berjaya hadapi.

Satu lagi pengajaran dan peringatan buat semua dan diri ini ialah sekiranya kita berjaya bersyukurlah dan jangan lupa membantu orang lain tanpa mengharap balasan selain kebaikan buat semua. Janganlah sesekali kita menghakimi rakan-rakan yang tamat di luar tempoh apatah lagi yang tidak berjaya ke mercu kejayaan. Setiap orang menghadapi dugaan yang berbeza. Sekiranya kita terkandas jangan sesekali putus asa, bernafaslah PhD bukan segalanya dalam kehidupan kita.



Read More and Read Better (You Write Better Too)

Dr. Syamsina Zahurin Shamsuddin
Assistant Director, Training Development Centre, IPGM

I enjoy reading because it allows me to visualise the scenes, objects, characters, settings, and actions in the stories I read. Visualisation has improved my understanding of what I always read. When I read, I usually imagine myself as one of the characters who can see what is going on in the story from all possible angles.

As a matter of fact, when I began my PhD studies, I presumed it would be effortless because reading is part of my daily routine. “Boy! Was I mistaken!” I realised that I needed to read a variety of materials related to my field of study, which was not an easy task.

My first semester was spent reading journals, articles and books related to my area of research, and English Literature students' theses. I was awestruck by how my seniors wrote their theses. Their studies were well-presented, and their arguments were both critical and outstanding. I was curious if I could write like them. Since my research was based on Southeast Asian women, I found it difficult to find studies conducted on Southeast Asian women and studies on works by the author Minfong Ho, of whom I chose to focus on for my PhD studies. “Little did I know that I have found the gap in my research!”

I began reading all kinds of materials related to my research topic after obtaining permission from my SV to proceed with my own research. This time, I wasn't reading to fill a gap, but rather to get the ball rolling on my thesis writing. It was extremely difficult because I needed to digest and comprehend numerous journal articles, theories, issues and studies before I could begin writing it.

I recalled calling my brother, Ajib, and asking him to *balik kampung* to meet me and assist me with my readings of theories related to my research topic because I was concerned that I might be misinterpreting the content of a few books that I read. At the time, Ajib, who was also pursuing his PhD studies, returned to our hometown with his family to go over my readings with me. We discussed the theories and drew maps to better understand the theories presented by Stuart Hall (1932-2014), a Jamaican-born British cultural theorist and sociologist on identity and decentering of subjects that are closely related to my field of research. Despite doing his PhD studies in Artificial Intelligence, he was willing to assist me in my readings and went over the theories that had nothing to do with his research at all.



Ajib, at his lab doing experiment



I guessed we were on the same wavelength because we both understood our assignments: to read as many articles, studies, books, journals and materials as possible in order to fully comprehend our field of research. I was grateful and truly appreciated his assistance because it helped me get through what I considered to be the most difficult stage of my PhD journey.

Reading eventually became a bigger part of my daily routine; I read in the morning, afternoon, and late at night. I read during meals, in Grab rides, while driving and being stuck in traffic, and wherever else I could be. I had to read when I was together with my family as well. I kept copies of journal articles in hand to keep the momentum going. When I had to accompany my husband on official duty abroad, I even brought a few copies of journal articles to read. In short, my life revolved around reading about my research. My readings became easier, and I gained confidence to write better thesis chapters.

Following that, I began taking notes based on my readings. I colour-coded my notes according to the novels I was studying. As I was writing the final chapter of my thesis, the colour-coded notes became more useful and effective. As I was gearing towards the end of my PhD studies, my husband began his master's degree in social science with a focus on defence studies, and I realised that the time had come for me to help him with his readings, just as my brother did for me. As a result, we spent many nights reading, rereading, and discussing the theories that my husband should then understand and comprehend. I also remembered how we carried our laptops wherever we went, because all of our reading materials were stored on them, and how, in our spare time, we resumed our reading and writing consistently.

I had already submitted my thesis and was awaiting my viva at the time. Sometimes I read my thesis or my note cards repeatedly to prepare for my viva, while my husband listened and commented on my points to help me improve my presentation skills. It was fun and interesting as we spent more time together, and whenever we felt we could not take the pressure any longer, we went out for a drink or some ice cream, or even shared a meal.

Looking back, I miss reading as much as I miss spending time with my loved ones as we embarked on the journey of knowledge during my time as a PhD candidate. I learned that in order to be a good writer and build a solid foundation of writing, one must read, reread, and truly comprehend the reading materials. I believe that you should not force yourself to read; instead, fall in love with reading and the rest is history! I wish all PhD candidates the best of luck and hope that the readings you do lead you to success!



My husband and I during my convocation



One of our outings



Refleksi Perjalanan Kedoktoran Saya

Dr. Bushra Limuna Hj Ismail
Penolong Pengarah, Pusat Pembangunan Latihan, IPGM

Selepas hampir tiga tahun perjalanan pengajian kedoktoran saya, saya berasakan satu kepuasan yang tidak dapat dibayangkan dengan kata-kata. Tiga tahun pengajian ijazah kedoktoran telah memberikan seribu satu perasaan yang tidak mungkin dapat dijual beli. Saya sebenarnya keletihan secara fizikal dan mental apabila saya memulakan langkah terakhir perjalanan kedoktoran saya. Saya merupakan pelajar sepenuh masa dan juga merupakan Pembantu Penyelidik (Research Assistant) di bawah penyeliaan *supervisor*. Walau bagaimanapun, di sebalik keletihan yang tidak dapat dibayangkan ini, saya berasa diberi kuasa dan bermotivasi kerana kini saya dapat melihat hasil kerja dan dedikasi saya. Akhirnya, segala penat dah lelah telah dibayar setelah saya melihat hasil tesis saya dibukukan atas kerja keras saya untuk mencapai matlamat tersebut.

Saya mengambil masa satu semester, iaitu lebih kurang enam bulan untuk mencari tajuk yang sesuai bagi kajian penyelidikan saya. Terlebih dahulu saya ada juga mencari kesesuaian tajuk dengan bidang kajian saya, namun agak sukar. Pada suatu hari selepas saya pulang dari sebuah perpustakaan salah sebuah universiti awam bagi mencari idea daripada tesis-tesis senior, saya singgah di sebuah surau bagi menunaikan solat Asar. Namun tidak disangka, deringan telefon memecah kesunyian bilik surau menjawab segala kesulitan dan memberi idea. Penyelia bertanya khabar sama ada saya sudah mempunyai tajuk atau tidak. Sudah pasti jawapan saya masih buntu mencari. Penyelia memaklumkan bahawa beliau telah mendapat geran penyelidikan dan meminta saya untuk menjalankan kajian tersebut. Sudah pasti saya akan menerimanya.

Penyelia memaklumkan bahawa beliau ada tajuk untuk saya dan tajuk tersebut merupakan tajuk geran yang beliau dapat semasa membuat permohonan geran penyelidikan tempoh hari. Agak terekjut juga bahawa geran itu bernilai RM200,000 termasuk gaji pembantu penyelidik. Lumayan juga nampaknya, namun ada tanggungjawab yang besar yang perlu saya hadapi nanti. Penyelia baharu saya memaklumkan bahawa bidang ini agak baharu baginya dan beliau meminta saya mencari dan mendapatkan bahan-bahan sendiri. Agak menggerunkan juga kerana tajuk penyelidikan ini bukan bidang kepakaran penyelia. Saya hanya memohon petunjuk daripada Tuhan. Pada masa yang sama, fikiran negatif dan tidak bermotivasi untuk meneruskannya hadir setiap hari kerana terpaksa mencari sendiri bahan-bahan kajian. Akhirnya, selepas bercakap dengan beberapa individu dan mendengar nasihat mereka, saya memutuskan untuk meneruskan dengan tajuk yang telah diberikan.

Terdapat banyak perjuangan sepanjang laluan perjalanan ini. Pada awal pengajian saya terpaksa menyewa sebuah bilik berdekatan kampus untuk memudahkan urusan pengajian memandangkan semester pertama semua pelajar diwajibkan untuk mengambil kertas metodologi. Ini merupakan subjek wajib bagi pelajar peringkat kedoktoran. Walaupun setiap minggu berulang alik dari Putrajaya ke Tanjung Malim, namun tidak mematahkan semangat untuk menyelesaikan kertas metodologi bagi semester pertama ini. Saya akan cuba pastikan untuk hadir ke kelas, menyiapkan tugas dan yang paling tidak dapat dilupakan menjadi ketua kelas bagi pelajar-pelajar kertas penyelidikan. Ini kerana sebagai ketua kelas adalah menjadi penghubung dengan pensyarah untuk memastikan kehadiran dan juga semua tugas pelajar dihantar tepat pada masanya.

Penghujung tahun 2017, ibu saya telah disahkan menghidap kanser limfoma. Memandangkan saya cuti belajar, maka saya mengambil tanggungjawab untuk menjaga ibu kerana beliau sering kali masuk ke hospital dan memerlukan rawatan. Lebih kurang selama kira-kira sebulan, membantu adik beradik dan bergilir menjaga ibu akhirnya ibu saya pergi menghadap



Ilahi pada Februari tahun 2018. Menghadapi kematiannya membuat saya hilang motivasi buat sementara waktu. Namun begitu, saya bersyukur saya telah selesai mengutip data kajian saya dan sudah tentu ibu tidak mahu saya terus mengalah dan meneruskan perjuangan ini. Didikan, kasih sayang dan pengorbanan ibu menjadikan saya seorang yang seperti saya pada hari ini. Sebenarnya, ibu hanya bersekolah sehingga peringkat rendah sahaja. Walau bagaimanapun, dia memahami nilai pendidikan. Ibu menekankan satu-satunya tanggungjawab kami adalah pergi ke sekolah, mempunyai gred yang baik, dan mendapat segulung ijazah. Mendapat ijazah kedoktoran ini merupakan penghormatan paling bermakna saya kepada pengorbanan ibu saya untuk pendidikan anak-anaknya. Saya tahu bahawa dia menggembirakan saya dan memotivasi saya untuk menyiapkan tesis saya.

Melengkapkan ijazah kedoktoran bukanlah mudah. Pada permulaan program kedoktoran saya, saya sangat teruja. Walau bagaimanapun, saya berasa sangat rendah diri daripada rakan sekelas saya semasa kursus pertama saya. Mereka semua kelihatan lebih bijak dari segi metodologi. Walau bagaimanapun, saya mendapat sokongan daripada rakan-rakan saya dari segi nasihat dan doa. Saya masih ingat pertama kali menghantar draf proposal kepada penyelia untuk disemak. Panjangnya adalah sepuluh muka surat. Apabila saya mendapatkannya semula beberapa hari kemudian, telah menjadi lima belas muka surat kerana semua pembetulan dan komen yang dibuat. Saya sedar bahawa permulaan ini akan menjadi perjalanan yang panjang dan mencabar.

Rasa tidak yakin dan keraguan diri saya adalah pendorong yang membuat saya bekerja lebih keras. Saya belajar dua kali lebih gigih dan menulis dua kali lebih lama daripada orang lain. Saya bekerja lebih keras dan lebih lama untuk mengimbangi kekurangan saya. Saya menetapkan tarikh akhir sendiri pada semua kertas kerja saya kerana saya perlu menyerahkan draf saya kepada penyelia untuk dinilai. Tugas ini memberi tekanan yang besar kepada saya dengan penyelidikan, penulisan yang mengambil masa berjam-jam lamanya. Kehendak dan keazaman saya membantu saya mengatasi ketakutan saya untuk gagal. Menulis tesis adalah usaha yang paling mencabar, melelahkan, namun memberi pengalaman yang banyak bukan sahaja untuk saya tetapi juga untuk keluarga yang menyokong saya sepanjang proses itu. Daripada pengalaman saya, mudah tersesat di sepanjang jalan, tetapi dengan ketekunan dan kerja keras, garisan penamat boleh dicapai.

September 2019 adalah hari graduasi. Saya berjalan di atas pentas, disaksikan keluarga dan ijazah kedoktoran telah dianugerahkan kepada saya. Detik ini adalah detik yang menggembirakan saya—suatu pencapaian sepanjang hayat yang saya bangga dan bersyukur. Perjalanan kedoktoran ini merupakan proses transformatif bagi saya. Perjalanan ini adalah pengalaman penemuan diri tentang sejauh mana saya boleh bertahan untuk mencapai sesuatu yang saya anggap berbaloi.

Saya berterima kasih kepada Allah SWT yang memberi saya kekuatan, ketahanan, dan kesihatan untuk melengkapkan perjalanan ini. Kepada keluarga tersayang, menggembirakan saya dan menyokong saya melalui banyak suka dan duka dalam tiga tahun yang lalu. Kepada anak-anak saya, Ummar dan Anas, atas sokongan mereka. Kepada rakan-rakan di atas doa dan dorongan berterusan mereka. Kata-kata dorongan, doa dan sokongan yang berterusan adalah penting bagi saya untuk melengkapkan perjalanan ini. Saya tidak mempunyai kata-kata untuk menyatakan rasa terima kasih saya kepada anda. Semoga tuhan merahmati kamu semua. Insyallah

Pengijazahan saya adalah detik yang menggembirakan: satu pencapaian sepanjang hayat yang saya bangga dan bersyukur. Pengalaman itu menyedarkan saya bahawa saya lebih daripada yang saya fikirkan. Segalanya mengubah saya. Saya menjadi lebih kuat dan lebih baik dalam mengatasi ketakutan dan kekurangan saya. Apa-apa pun saya bersyukur atas semua anugerah ini. Amin.



Kehidupan Saya Sebagai Seorang Pelajar PhD

Dr. Zalifah Sidek

Penolong Pengarah, Pusat Pembangunan Latihan, IPGM

Tanggal 3 September 2016, secara rasmi saya menjadi pelajar dewasa setelah dua tahun melepaskan gelaran tersebut dua tahun dulu. Impian dan cita-cita yang telah lama disimpan sejak dibangku sekolah hampir tercapai. Menyimpan sebuah semangat dengan harapan satu hari nanti saya juga akan bergelar seorang Dr. Falsafah. Suami tercinta, ibu tersayang dan keluarga telah memberi sokongan sepenuhnya apabila saya berjaya mendapat tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dengan biasiswa dan cuti untuk pengajian saya. Berbanyak terima kasih kepada Bahagian Tajaan KPM kerana telah memberi peluang kepada saya untuk belajar dan menimba ilmu di peringkat PhD ini. Sokongan dan kata-kata semangat daripada rakan-rakan menguatkan lagi impian saya untuk mendapatkan segulung Ijazah Kedoktoran.

Hari 1 pendaftaran di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Selangor. Melalui minggu orientasi selama 3 hari. Kami diperkenalkan dengan setiap pensyarah, Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti. Seterusnya kami diminta untuk berjumpa dan beramah mesra dengan penyelia masing-masing. Perkara yang mengejutkan saya ketika berjumpa dengan penyelia utama, beliau terkejut dan terperanjat kerana dilantik sebagai penyelia. Menurutnya, nama saya tiada dalam senarai pelajar seliaannya. Saya pun menunjukkan surat tawaran daripada universiti dengan nama penyelia utama saya "Prof. Dr. Saemah binti Ahmad" dan nama penyelia kedua "Dr. Shahlan bin Surat". Beliau terus menelefon pejabat pengurusan fakulti dan selepas perbincangan, Prof. Saemah telah meminta saya untuk mencari penyelia lain kerana alasannya, dia akan bersara dalam tempoh dua tahun lagi. Saya dalam keadaan reda tidak reda terpaksa akur dengan keputusan tersebut. Fikir akan datang akan menyusahkan segala urusan dan fikir siapalah nak ganti menjadi penyelia utama. Kepala dah serabut fikir macam-macam perkara untuk diselesaikan dalam masa seminggu ini. Namun begitu penyelia membantu saya dan telah mencadangkan Dr. Shahlan bin Surat sebagai penyelia utama dan penyelia kedua ialah Dr. Faridah Mydin Kutty. Saya bersyukur kerana kedua-dua penyelia baharu ini bersetuju untuk menerima saya sebagai pelajar mereka. Selesai masalah utama pada minggu pertama sebagai seorang pelajar PhD. Lega sangat dan bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana membantu saya untuk menyelesaikan masalah saya ini.

Kemudian, perjumpaan bersama penyelia utama dengan penyelia kedua telah diatur untuk berbincang berkenaan kajian yang akan saya laksanakan di samping berkenalan dengan mereka berdua. Salam perkenalan dihulurkan dan saya dapati kedua-dua penyelia ini sangat *sporting* dan sangat baik. Saya diminta untuk membentangkan kajian yang ingin saya laksanakan. Hampa sungguh, kedua-dua penyelia tidak bersetuju dengan kajian saya. Mereka mencadangkan saya mencari sesuatu yang baharu dalam era penyelidikan masa kini. Seminggu diberikan masa untuk saya mencari kajian baharu dan selepas itu dibentangkan semula kepada mereka.

Maka bermulalah kehidupan saya sebagai pelajar berulang alik dari rumah ke UKM setiap hari. Setiap hari mencari dan membaca artikel-artikel terkini sama ada secara dalam talian atau melalui tesis-tesis berkaitan dan sesuai untuk dirujuk dalam pendidikan di Malaysia masa kini. Seminggu saya membuat pembacaan, mencari dalam talian dan perpustakaan kajian-kajian terkini yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk menjalankan kajian. Selepas selesai penulisan serba sedikit mengenai kajian, sekali lagi saya telah berjumpa dengan kedua-dua penyelia. Namun begitu apabila dibentangkan, mereka tidak bersetuju dengan kajian saya. Berbagai-bagai komen dan nasihat diberikan kepada saya untuk kebaikan kajian saya akan datang. Balik dengan perasaan hampa dan sedih, letih dan kecewa setelah penat



seminggu bercengkam mata membaca dan mencari bahan untuk kajian tersebut. Akhirnya kajian itu tidak digunakan. Selama tiga semester saya mengambil masa untuk mencari kajian-kajian terkini dan sesuai dengan kemampuan dan *eager* untuk melakukannya.

Semester ketiga dan cadangan kajian ketiga diusulkan kepada penyelia. Kali ini, hati terlonjak kegembiraan kerana penyelia bersetuju dengan tajuk diusulkan. Boleh teruskan kajian. Cuma metodologi kajian perlu buat yang terkini. Saya perlu membuat analisis data menggunakan perisian AMOS untuk analisis *Structural Equation Modelling* (SEM). Apabila dibaca artikel-artikel menggunakan analisis SEM, hati mula bergetar dan ketakutan untuk menggunakan analisis ini. Namun tiada pilihan. Kena ambil cabaran ini. Mencari kursus-kursus yang berkaitan dengan analisis ini. Dapatlah kursus SEM AMOS di UPM di bawah salah seorang pensyarah yang tersohor dan *expert* dalam analisis ini. Tanpa kawan-kawan bersama, hadir kursus ini di UPM. Teraba-raba untuk faham kerana untuk analisis ini perlu faham analisis univariat dan multivariat.

Tidak cukup dengan kursus SEM AMOS, saya juga telah mengambil penyelia luar dari universiti lain untuk belajar dalam SEM AMOS ini. Setiap minggu berjumpa untuk mendapatkan pemahaman lebih mendalam untuk menggunakan analisis ini. Apabila dapat info ada kursus analisis ini, akan cuba untuk hadir. Dalam masa yang sama penulisan kajian tetap dilakukan dan pembacaan, pencarian kajian-kajian terkini berkaitan isu yang sama kajian dilakukan. Selama berminggu-minggu *stuck* dalam permasalahan kajian. Penyelia masih tidak berpuas hati dengan permasalahan kajian saya. Selama sebulan saya buat penulisan ini dan akhirnya penyelia berpuas hati, dan paling *best* setiap kali pelajar baharu dan pelajar lain di bawah seliaan penyelia yang menghadapi masalah untuk menulis permasalahan kajian, penyelia minta rujuk saya. Saya juga diminta untuk mengajar menulis permasalahan kajian kepada pelajar-pelajar lain di bawah penyelia saya. Penyelia sangat bangga dengan permasalahan kajian saya.

Rutin harian setiap hari kecuali hujung minggu keluar ke UKM jam 9.00 pagi sama ada menuju ke Pusat Sumber Fakulti Pendidikan atau Perpustakaan Tun Seri Lanang. Kadang-kadang untuk mengambil *mood* baharu, bertukar ke Perpustakaan UKM di Lingkaran 2. Kehidupan sebagai seorang pelajar PhD, setiap hari sibuk untuk menyiapkan penulisan dalam kajian. Apabila ada kursus luar berkaitan analisis data dan penyelidikan, saya akan cuba untuk hadir sebagai peserta. Kadang-kadang hingga ke UPSI, USM, UPM dan UM mencari ilmu untuk lebih faham dalam penyelidikan. Tetapi seronoknya, kawan-kawan seperjuangan sentiasa bersama walau ke mana-mana sahaja pergi. Memang seronok kami seramai 5 orang dalam *study group* ini tidak pernah berpisah.

Cabaran untuk menyiapkan Bab 1 hingga Bab 3 untuk dibentangkan dalam *proposal defense* seterusnya mendapat kelulusan tajuk kajian amat pedih dirasai. Masa untuk pembentangan sudah dekat tetapi masih terkial-kial untuk menulis dan masih banyak perlu dibuat rujukan dan pembacaan supaya penulisan lebih jelas dan difahami oleh pembaca. Setiap malam bersengkang mata untuk menyiapkan penulisan. Teori kajian masih kabur begitu juga dengan kerangka konseptual kajian. Pada saat akhir, seminggu sebelum tarikh pembentangan, senarai rujukan pula hilang dalam penulisan. Pada masa ini Allah sahaja yang tahu betapa sedih dan *stressnya* saya menghadapi saat ini, menangis dan *anxiety*.

Hari pembentangan tiba, dalam perjalanan ke UKM, kereta dilanggar daripada belakang. Nasib baik sikit saja. Kemudian meneruskan misi pada hari itu untuk lulus dalam *proposal defense*. Alhamdulillah pembentangan berjalan lancar. Sikit sahaja perlu ditambah baik dan komen daripada pembaca amat positif. Hati sangat gembira, terus pergi belanja kawan-kawan makan meraikan kejayaan hari itu.

Seterusnya kajian lapangan dijalankan. Data responden guru dimohon daripada JPN negeri Selangor. Nama setiap guru di setiap sekolah terpilih telah diterima daripada JPN. Surat-menyerat untuk memohon pelepasan memasuki sekolah dan menjalankan kajian

dilaksanakan selama sebulan. Selepas itu, bermulalah misi untuk menghantar soal selidik ke setiap sekolah terpilih. Banyak pengalaman ditimba sepanjang mengutip data di sekolah. Berjumpa pengetua dan diajukan dengan pelbagai soalan yang kadang-kala sukar untuk memberi jawapannya. Selama sebulan proses kutipan data berjalan. Alhamdulillah semuanya selesai dengan baik seperti yang dirancang. Walaupun ada sedikit pertukaran sekolah berlaku ketika itu. Selesai kutip data, saya mendapat berita yang amat menggembirakan, iaitu panggilan untuk mengerjakan haji. Syukur ke hadrat Illahi semua kerja di lapangan siap dan proses *key in* data dalam sistem SPSS juga telah selesai dibuat selama seminggu.

Semester lima, pembentangan analisis data. Ketika ini sudah ramai kawan-kawan satu *batch* telah bentang pematapan. Namun saya tetap bersyukur kerana masih lagi bersemangat untuk mengejar kawan-kawan yang telah maju ke depan. Sebelum pembentangan, saya telah merujuk kawan-kawan senior untuk menyemak analisis saya. Analisis mempunyai masalah dan tidak tepat. Tarikh pembentangan tinggal seminggu. *Stress* gila datang lagi. Memang kalau nak baiki, tak sempat. Hanya berserah kepada Allah sahaja masa itu. Sekali lagi Allah bantu dan pembentangan dapat dibuat dengan sempurna hanya menyakinkan pembaca dengan analisis saya. Selepas daripada itu, kerja-kerja untuk membuat analisis semula dilakukan. Merata-rata tempat, kawan dan pensyarah dirujuk untuk mendapatkan kesahihan analisis yang betul. Alhamdulillah, selama sebulan saya dapat selesaikan semua laporan berkaitan analisis. Objektif dan persoalan kajian perlu dibaiki semula selepas analisis terkini dibuat.

Sebelum tamat tempoh penajaan pengajian selama 3 tahun, saya berjaya membuat pembentangan bab 5, iaitu bab akhir dalam penulisan kajian. Pembentangan lulus tetapi banyak yang perlu diperbaik dan ditambah baik. Namun begitu saya tetap bersyukur kerana fasa pembentangan yang melibatkan masa untuk hadir ke universiti telah habis kerana selepas itu saya kena melapor diri untuk bekerja.

Inilah liku-liku kehidupan saya sebagai seorang pelajar PhD. Walaupun perit, namun dalam perit dan pahit itu ada kemanisannya juga. Banyak pengalaman dilalui bersama untuk menjadikan saya lebih matang berfikir dan membuat segala keputusan. Tempoh belajar ini memberi seribu kenangan dan pengalaman dalam kehidupan sebagai seorang pelajar dewasa. Saya harap selepas ini pelajar-pelajar baharu dapat melalui dengan seronok nikmat semasa belajar ini. Sekian untuk nukilan dan perkongsian pengalaman saya sewaktu belajar dahulu.



PhD Bukan Assignment!!

Dr. Syarina Ramli

Penolong Pengarah, Pusat Pembangunan Latihan, IPGM

Semasa awal semester pertama pengajian PhD, dapat dilihat semua rakan-rakan seperjuangan bersemangat berkobar-kobar untuk membuat kajian masing-masing. Pelbagai ragam dan cara kerja boleh dilihat semasa dalam kelas kuantitatif dan kelas kualitatif yang menjadi subjek wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar PhD di UKM semasa semester pertama. Di situ, kita dapat pelajari pelbagai kaedah analisis sama ada jenis kuantitatif, kualitatif mahupun *mixed-mode* dalam kelas tersebut. Ada yang laju, bab 1 hingga 3 semua dah siap hanya tinggal untuk *polish* sahaja. Namun tidak bagiku. Aku seperti kosong, *blur* dan terkapai-kapai untuk memulakan kajianku. Sudah 10 tahun aku meninggalkan dunia penyelidikan. Itulah risiko jika terlalu lama jarak antara pengajian peringkat Master dengan peringkat PhD. Selepas perjumpaan dengan penyelia buat kali pertama, aku berterus terang yang aku masih mencari-cari tajuk yang sesuai. Namun, setelah penyeliaku bertanya tajuk yang aku cadangkan semasa temuduga HLP dia terus bersetuju. Aku terkedu, kerana tajuk itu aku pun tak berapa faham. Hanya sekadar cadangan untuk melepasi temu duga tersebut. Rupanya aturan Allah itu cantik dan indah, rezeki buatku kerana aku tidak perlu melalui kesukaran tajuk ditolak oleh penyelia. Ini kerana menurut rakan-rakan di bawah penyeliaan penyeliaku, rupanya penyeliaku sudah lama berminat dengan tajuk tersebut. Tajuk tersebut adalah berkaitan dengan *Green Skills*. Bermulalah misi Iqra'ku untuk tajuk tersebut. Perjumpaan kedua dengan penyeliaku adalah semasa sesi *potluck* bersama-sama rakan-rakan di bawah penyeliaan beliau. Masihku ingat, pertama kali aku kena *sound* sebab menghadiri seminar penulisan tesis tanpa mendapat kebenaran beliau. Hatiku memberontak, kerana aku rasa diriku tidak sebebaskan rakan-rakanku yang lain. Di mana peringkat PhD ni adalah peringkat diri sendiri yang membuat segala keputusan. Terasa diri ini seperti pelajar *undergrad*. Rakan-rakan ku yang lain bebas untuk menghadiri mana-mana seminar dengan bayaran yang agak tinggi untuk setiap kelas yang dihadiri. Aku pula disebabkan aku hanyalah Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB), maka aku terpaksa berpegang kepada peringatan daripada penyeliaku supaya mendapat kebenaran daripada beliau dahulu ditambah pula aku juga perlu berjimat kerana wang gaji yang diterima perlu disimpan untuk membayar yuran pada setiap semester. Apabila terkenang kembali kisah ini, aku rasakan sungguh bertuah walaupun satu ketika dulu aku tertekan dan memberontak, halangan daripada penyeliaku membuatku lebih berhati-hati dan tidak terjebak dengan kelas-kelas persendirian yang tidak menyumbang secara langsung kepada penyelidikan. Ramai dalam kalangan rakan-rakanku yang terjebak dengan perkhidmatan penulisan tesis yang mengenakan bayaran tinggi dan mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan daripada pelajar-pelajar HLP ini.

Pada semester kedua, penyelia menyuruhku menyertai kelas *environment* di fakulti alam sekitar. Sekali lagi aku perlu berjuang dengan rasa berat hati kerana aku berseorangan perlu menghadiri kelas pada setiap minggu sedangkan rakan-rakanku yang lain boleh bebas menulis dengan rancaknya. Walaupun kurang faham dengan istilah-istilah alam sekitar, namun agak menyeronokkan dan Dr. Andre yang mengajarkan subjek tersebut sangat *supportive*. Aku hanya menghadiri kelas tersebut pada 2 bulan pertama sahaja. Kemudian, aku memohon menarik diri dari kelas tersebut kerana aku telah sarat mengandung. Pencarian maklumat untuk kajian ku terhenti di situ dan *progress* tesisku kosong. Permintaan penyeliaku untuk menyediakan artikel (*concept paper*) juga dipandang sepi kerana aku ingin fokus kepada kelahiran ketigaku ini. Dipendekkan cerita, selepas sebulan bersalin, aku menerima surat amaran daripada penyeliaku. Selepas habis fasa *down* dek kerana surat amaran tersebut, aku bangkit dalam keadaan protes dan terus menulis tesisku sehingga bab tiga. Kemudian, aku e-mel kepada penyeliaku. Keesokannya, aku menerima e-mel balas daripada



penyeliaku berbunyi “*Saya tak nak terima cara macam ni!! this is not the way...PhD is a process...bukan assignment!!!u have to go thru all the process..., set kan appointment dengan saya..jumpa saya dan bawa kerangka kajian sehingga kerangka u diterima..*”

Sejak daripada peristiwa draf tesisku ditolak mentah-mentah kerana tidak mengikuti proses yang betul, aku berjumpa dengan penyeliaku hampir setiap minggu sehinggalah penyeliaku berpuas hati dengan kerangka kajiaku. Bagiku *part* paling susah dalam tesis adalah memilih dan merungkai teori yang sesuai sehingga dapat menyokong kerangka kajian. Aku berasa sangat lega selepas kerangka teoriku diterima dan aku boleh bermula menulis tesis. Tanpa membuang masa, pada semester yang sama, iaitu semester ketiga, aku memberanikan diri mendaftar untuk membentangkan usulan (*defends proposal*) pada semester tersebut. Falsafah hidup aku semasa itu adalah “*Don’t make it right, make it written*”. Tips yang dapatku kongsi kepada semua yang sedang berjuang, untuk memahami teori, bermulalah dengan menulis artikel konsep (*concept paper*). Dengan menulis kertas konsep, kita akan membuat *systematic literature review* dengan merujuk kepada beratus-ratus artikel. Kita akan tahu, mana-mana yang penting, mana-mana yang sesuai dengan perkara yang kita hendak kaji. Selain dapat memahami perkara yang kita akan kaji, kita dapat memenuhi syarat untuk menerbitkan artikel secara berwasit dan berimpak tinggi. Ramai yang berfikir, untuk menerbitkan artikel berwasit memerlukan data. Namun, setelah aku melaluinya sendiri, jika kena dengan prosesnya, perkara tersebut tidak perlu. Aku berjaya menerbitkan dua kertas konsep bertaraf Scopus dan juga ERA.

Bermula semester tersebut juga, aku sudah mula menyenangkan penyeliaku. Aku telah nampak *side* positif yang ada pada dirinya dan aku bersyukur kerana aku berjaya membuang egoku dan terselamat daripada terus lalai dalam perjalanan PhD ini. Terima kasih kepada suamiku yang selalu mengingatkanku dan mengubah persepsi diriku terhadap penyeliaku. Untuk pertama kali, penyeliaku bersama-sama menemaniku dalam pembentangan usulan. Aku bertuah kerana sebelum ini pelajar-pelajar lain di bawah penyeliaannya, dia tidak hadir untuk sesi pembentangan usulan. Mungkin kerana pemeriksa dalaman yang menilaiku adalah professor yang sangat *fussy* dan digeruni di fakulti Pendidikan UKM. Alhamdulillah, meskipun lambat bermula penuliskanku, akhirnya pada penghujung semester ketiga aku berjaya membentangkan usulan dan telah lulus. Seakan tidak percaya, daripada kosong aku dapat meneruskan perjuangan ini. Pelbagai cerita yang aku dengar, rakan sekelas semasa semester pertama, tesis hanya tinggal untuk *polish* sahaja, yang turut sama membentangkan usulan bersama-samaku mendapat keputusan tidak lulus. Ada yang perlu menukar tajuk, ada yang bertukar penyelia, dan ada juga yang terhenti terus (*give up*) dalam perjuangan ini meskipun baru dalam semester ketiga.

Sesungguhnya, perjalanan PhD ini bukanlah seperti yang disangka. Orang itu pandai, dia boleh berjaya tamat. Salah sama sekali. Sebijak dan sepintar mana pun kita, jika Allah tidak menghendaki itu yang berlaku, kita akan gagal untuk teruskan. Kekuatan emosi dan kebergantungan kepada Allah serta sikap yang tidak putus asa memainkan peranan penting dalam perjalanan ini. Barulah aku mengerti dan faham dengan kata-kata penyeliaku, iaitu PhD bukanlah *assignment*, *it is process*. Jika kita berjaya melalui setiap proses itu, insya-Allah kita akan berjaya sampai ke garisan penamat. Nasihat saya kepada rakan-rakan yang sedang dan akan menyambung PhD, jangan mudah terpedaya dengan khidmat tesis yang mengenakan bayaran tinggi dan juga khidmat tidak masuk akal seperti meroket siap tesis dalam masa tiga bulan. Begitu juga kelas-kelas yang tidak menyumbang apa-apa kepada tesis kita. Selepas kerangka kajian sesuai, pilihlah kaedah yang sesuai dan barulah menyertai kelas yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan kita. Jangan buang masa, jangan buang duit. *Get your Phd first, shake the world later.*



Mak... Berkatnya Doamu...

Mazlili Suhaini

Penolong Pengarah, Pusat Pembangunan Latihan, IPGM

“Mak.. *bestnya* jadi doktor.. dah besar nanti nak jadi doktor tau mak..” luah rasa hati aku hampir 30 tahun yang lalu. “Jadilah apa-apa pun Li, janji dapat bahagiakan semua orang dan bantu orang selalu ya.. jangan susahkan orang kalau diri awak tu boleh buat sendiri.. ikhlas Li ikhlas..” Aku masih ingat pesan mak yang sering kali diulang-ulang sampailah dah meningkat dewasa kini. Zaman kanak-kanak aku tak jauh beza dengan yang lain. Kadang aku rajin kadang datang rasa malasnya. Seingat aku, zaman sekolah rendahku banyak terisi dengan bermain sahaja. Misi ke sekolah selain belajar, aku juga tertunggu-waktu untuk bermain dengan kawan-kawan. Indahya zaman sekolah rendahku, sedikit pun tidaklah aku sesali melaluinya. Perjalananku diteruskan di sekolah menengah dan aku mendapat kesedaran untuk berubah dan belajar bersungguh-sungguh. Tapi semangat aku ketika itu ada naik dan turunnya. Sekejap insaf sekejap tu leka, sekali lagi aku hanyut.

Tiba hari peperiksaan besar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), hari-hari meminta mak aku. “Mak jangan lupakan doakan Ili dapat 9A ya..” keesokan harinya dan sehinggalah hari terakhir itulah dialogku pada mak. “Hihi! *Result* nak gempak tapi banyak main.. boleh ke?” bisik hatiku. Mak macam biasalah dengan jawapan *cliche*.. “Ye, tak cakap pun mak hari-hari doa.. buat yang terbaik ya sayang.” Namun, kita merancang dan Allah jua merancang dan Allah jua sebaik-baik perancang. Sebaik-baik sahaja keputusan SPM keluar, aku berlari ke sekolah. Setelah aku buka keputusan aku termangu dan terkedu kerana aku tahu keputusan aku tidak mencukupi untuk aku mohon jurusan perubatan. Aku masih ingat lagi peristiwa itu sampai hari ini. Perasaan beribu sesalan yang aku lalui sehingga hari. Tapi aku yakin ada hikmah di sebalik yang terjadi. Daripada peristiwa itu, aku menasihati semua anak-anak buah acap kali untuk tidak mengulangi peristiwa yang aku dah lalui ini. Jangan leka dengan mainan dunia. Nasib tidak menyebelahi aku untuk menyambung pengajian dalam bidang perubatan. Cita-citaku untuk menjadi seorang doktor sejak kecil lagi telah musnah. Aku reda kerana aku tahu salahku sendiri. Benarlah peribahasa Melayu berbunyi apa yang disemai itu yang dituai.

Hidupku tetap diteruskan. Sejak itu, apa-apa sahaja yang mak suruh akan kuturuti. Sehinggalah aku berjaya menggenggam segulung ijazah sarjana. Pada ketika itu, aku rasa cukuplah setakat ini. Aku ingin fokus untuk menjadi seorang guru cemerlang. Aku bukanlah seorang insan yang bercita-cita tinggi. Cukuplah sekadar aku dapat mengurus diri aku sendiri, bahagiakan diri sendiri dan membahagiakan orang tuaku dan keluarga. Kehidupan hari-hari aku berlalu seperti biasa sebagai seorang guru dan warden di asrama. Alhamdulillah aku sangat bahagia dengan pekerjaan yang aku lalui hari-hari tanpa sebarang rungutan walaupun bebanan kerja yang banyak namun aku akur kerana itu jiwa aku. Jiwa aku di Temerloh. Walaupun jiwa ku di Temerloh, namun aku tetap pulang ke pangkuan keluargaku tersayang di Kuala Lumpur. Setiap kali aku kembali, setiap kali itu jugalah mak akan nyatakan hasratnya secara berseloroh, sambunglah lagi Li belajar.. Aku terkulat-kulat mendengarnya, mujur juga mak tak minta calon menantu. Pada mulanya hasrat mak itu hanyalah sekadar seloroh, tapi lama-lama dia berbunyi lebih serius. Aku mula rasa ketegangannya.

Mak tak henti-henti menyuruh aku untuk cuba mengisi borang biasiswa. Entah dari mana mak tahu biasiswa tu pun aku tak tahu.. hari demi hari, tahun demi tahun mak aku terus nyatakan hasratnya, walaupun tidak pernah sekali dalam kamus hidupku untuk belajar sehingga peringkat tertinggi ini. Bagiku cukuplah apa yang telah aku perolehi ini. Aku bukanlah seorang yang bercita-cita tinggi. “... Mak... kenapa minta macam ni??” bisik hati kecilku.. Aku sepatutnya bersyukur sebab mak bukan paksa kahwin pun kan, mak suruh belajar je.



Bermulalah episod tidur malam tak kena, hari-hari jadi tak setenang biasa memikirkan hasrat mak yang satu ini. Tibalah satu hari aku terbuka lama laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia menawarkan permohonan cuti belajar bergaji penuh. Aku tekadkan niat dengan memohon permohonan biasiswa ini bagi memenuhi hasrat mak yang satu.

Pejam celik pejam celik. Hari keputusan permohonan telah pun tiba. Kawan-kawanku heboh meminta aku untuk buat semakan permohonan. Seperti biasa, aku memang tidak teruja untuk membuat semakan itu. Terasa seperti tak mungkin semudah itu untuk aku dapat. Tiba-tiba sahaja, terdengar jeritan rakan sekerjaku.. “Wehhhh.. dapat!!” Aku tumpang gembira mendengar berita itu kerana kufikirkan rakan sekerjaku yang berjaya memperoleh biasiswa. Namun aku tersilap, rupa-rupanya jeritan kegembiraan itu adalah untuk aku.. Kelat rasa tak tau nak gembira ke nak sedih.. Ketika ini aku terasa kebesaran Allah SWT. Wajah mak terpampang besar di awang-awangan. Tanpa lengah aku terus sujud syukur. “Masya-Allah.. berkatnya doa mak ni.. Allahu Akbar.. Mak.. tak dapat jadi Doktor Perubatan, jadi Doktor Falsafah pun jadilah ye mak.... Alhamdulillah...” bisik hatiku. Indah sungguh perancangan Allah. Selangkah lagi perjalananku menuju cita-cita berkat daripada doa mak. Sayang mak dunia akhirat.



Okey Fazidah, boleh *proceed*....tertangkap ungkapan keramat penasihatku Prof. Madya Dr. Sattar di cuping telinga yang ditutupi tudung kelabu. Bagai panahan cinta pandang pertama maka senyuman yang diukir tanpa lukisan yang nyata. Siapa yang tidak gembira apabila kebenaran diberi agar tesis kajianku dibenarkan untuk memasuki fasa peperiksaan lisan atau dikenali viva. Pintu bilik *supervisor* aku kuak laju, langkah semakin bergaya umpama model berjalan di atas pentas dengan gaya *catwalk*nya. Senyum terus menerus. Masih kuingat tanggal 20 Disember 2019 dan borang kuning igauan pelajar kuambil di kaunter fakulti pendidikan. Hati bernyanyi riang, siulan gembala lagu Sudirman Hj Arshad...hahaha.

Setelah selesai menjilid tesis yang mengandungi 450 muka surat, kuhantar bersama borang kuning yang telah ditandatangani oleh Penyelia Utama, Prof Madya Dr Mohamad Sattar dan Penyelia kedua, iaitu Dr Haryanti Mohd Affandi. Kedua-dua *supervisor* ini menjadi insan yang amat kukagumi kerana profesionalisme mereka sebagai pensyarah, pembimbing, pendengar, kaunselor dan guru terbaik. Tanggal 31 Januari 2021, borang penyerahan tesis dan tesis telah kuserahkan dengan sepenuh jiwa ragaku....alahai. Minda siap mencongak, tiga bulan ini dah boleh bersedia untuk membuat persediaan *PowerPoint* yang canggih dan doa-doa yang indah agar urusan vivaku berjalan lancar. Oleh sebab tesis telah dihantar, kerja pejabat diteruskan seperti biasa. Persediaan diteruskan sambil kerja hakiki dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab kerana banyak jawatan yang dipegang disebabkan orang baharu dan perlu belajar lebih banyak perkara berkaitan pembangunan akademik pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Akulah pegawai meja bagi bidang Reka Bentuk dan Teknologi bagi program persediaan dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).

Selain itu, aku juga yang bertanggungjawab sebagai Penyelaras Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan juga pegawai meja bagi 14 bidang Reka Bentuk dan Teknologi dan Teknik Vokasional. Ingin kunyatakan di sini, memegang tanggungjawab sebagai pegawai meja dalam pembangunan Maklumat Kursus (MK) PDPP bagi bidang 1) Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Rendah; 2) Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah; 3) Teknologi Automotif; 4) Teknologi Elektrik; 5) Teknologi Elektronik; 6) Teknologi Kimpalan; 7) Teknologi Pembinaan; 8) Teknologi Permesinan Industri; 9) Teknologi Penyejukan dan Penyejukan Udara; 10) Pelancongan; 11) Pengurusan Perniagaan; 12) Perakaunan; 13) Pertanian dan 14) Sains Rumah Tangga. Semua MK yang perlu dibangunkan adalah sebanyak 79 buah dengan jumlah bidang sebanyak 63 bidang. Fuhhhhhh..

Dalam kekalutan membangunkan MK dan menyelaras bidang PDPP, dunia dikejutkan dengan Covid-19 yang melanda. Bermula dari negara China hinggalah merebak ke bumi tercinta Malaysia. Ya..pukulan hebat buat semua penduduk dunia termasuk renjatan pembentangan pemeriksaan vivaku. Bulan Mac 2020 yang kuharapkan untuk mendapat tarikh jangkakan viva terpaksa ditunda. Kenapa?????... Ya...tempoh 3 bulan selepas borang dihantar maka adalah tempoh mendapat tarikh untuk viva tapi disebabkan Covid-19, maka pihak fakulti perlu menghentikan semua tarikh seminar siswazah dan juga peperiksaan lisan. Maka, terkedu daku apabila mendapat panggilan telefon yang mengatakan peperiksaan lisan perlu ditangguhkan pada masa tertentu sehingga pihak universiti membuat penetapan.

Penantian adalah satu penyiksaan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 hinggalah PKPB demi PKP kemudian PKPB dan PKPB...



Akhirnya setelah menunggu selama 7 bulan maka ketetapan untuk peperiksaan lisan dibuat pada tarikh 17 Ogos 2020. Ya..tarikh yang ditunggu dan masa ini Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di mana perlu memohon kebenaran untuk hadir ke universiti. Hantar e-mel kepada pihak universiti dan penetapan peperiksaan lisan dibuat secara hibrid. Hibrid adalah situasi di dalam bilik telesidang hanya ada pengerusi, wakil dekan, urus setia, penyelia utama, penyelia kedua, pemeriksa dalaman, aku dan pemeriksa luar, iaitu Profesor Madya Dr. Yusri Kamin dalam talian dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor. Menunggu masa untuk masuk ke bilik telesidang sangat mendebarkan dengan pelbagai ayat dan doa dibaca...hahaha semua pendinding dibaca untuk menepis segala kemungkinan. Alhamdulillah.. masa yang kulalui selama 2 jam adalah momen indah untuk kukenang hingga akhir hayat. Kenapa??? Aku diberi jangka masa 6 bulan untuk memperbaiki tesis dan pernyataan demi pernyataan adalah untuk menambah baik tesis yang dihasilkan.

Secara jujurnya, terima kasih kuucapkan dari sudut hati yang amat dalam kepada semua insan istimewa dalam kehidupanku sebagai mahasitua di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyelia utamaku, Prof Ts Dr Mohammad Sattar Rasul, penyelia bersama Prof Madya Ts Dr Haryanti binti Mohd Affandi, pemeriksa dalaman yang sentiasa tersenyum Prof Madya Ts Dr Mohd Effendi @ Ewan bin Matore, pemeriksa luar dari UTM. iaitu Prof Madya Dr Yusri bin Kamin, pengerusi viva Prof Dr Lilia dan wakil dekan. Semua kakitangan di Fakulti Pendidikan, UKM dan warga akademik serta semua pakar kajian serta Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional seluruh Malaysia yang telah menyumbang kepada penghasilan sebuah Model Penyeliaan Guru Reka Bentuk dan Teknologi Kementerian Pendidikan Malaysia.



Gambar: Prof Dr Ts Mohammad Sattar Rasul(Penyelia Utama), Prof Madya Dr Mohd Effendi (Pemeriksa Dalam) wakil Dekan, Fazidah, Prof Madya Dr Yusri Kamin (Pemeriksa Luar) dan Prof Dr Lilia (Pengerusi)

Pembetulan tesis dilaksanakan dengan giat tanpa mengenal erti lelah dan selamat menghantar ke Pejabat Pengurusan Akademik pada akhir bulan November 2020. Tarikh dan masa yang amat bererti apabila segala beban di bahu yang menjadi tanggungjawabku selama ini terbayar dan terima kasih kepada semua pembayar cukai yang telah menaja pengajianku selama 3 tahun 4 bulan. Walaupun aku pernah memohon untuk menangguhkan pengajian disebabkan masalah kesihatanku yang menyebabkan aku terlantar di hospital, namun perjalanan itu menjadi titik permulaan untuk terus berjaya. Allah sentiasa inginkan kita bersyukur dengan apa-apa yang ada serta menghargai orang di sekeliling kita. Sejauh mana langkah kakimu dihayun, tetaplah kamu mengejar akhirat kerana sesungguhnya Allah akan mencukupkan kamu seisi dunia apabila hatimu tetap kepada-Nya.... Allah Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani...





Gambar: Kenangan di akhir sesi peperiksaan lisan



Gambar : Prof Ts Dr Mohammad sattar Rasul dan DF



Pengajian PhD Semasa Pandemik Covid-19

Dr. Martina Maamin

Penolong Pengarah, Pusat Kecemerlangan Akademik, IPGM

Pengajian Doktor Falsafah (PhD) saya bermula secara rasminya pada 12 September 2018, iaitu tarikh saya melapor diri sebagai pelajar Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Matematik di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Saya berasa amat bersyukur kerana telah terpilih untuk menerima biasiswa program Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2018. Namun, saya juga merasa sedikit tertekan kerana kebimbangan tidak mampu menyelesaikan pengajian ini dalam tempoh yang diberi, iaitu dari 12 September 2018 hingga 31 Ogos 2021 seperti yang tertera dalam surat kelulusan cuti belajar. Ini bermakna saya perlu menghabiskan pengajian dalam tempoh tiga tahun atau enam semester. Walau bagaimanapun, pepatah ada mengatakan bahawa jika kita gagal untuk merancang maka kita merancang untuk gagal. Maka, saya perlu membuat perancangan agar amanah yang diberikan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Semasa taklimat pelajar baharu, saya telah diberi penerangan yang terperinci berkaitan dengan program pengajian Doktor Falsafah di Fakulti Pendidikan, UKM. Keperluan program adalah seperti berikut :

- Lulus kursus GC8014 Penyelidikan Kualitatif dan GC8024 Penyelidikan Kuantitatif
- Syarat penerbitan iaitu dua artikel berindeks Scopus atau sekurang-kurangnya satu jurnal Scopus dan satu artikel dari kategori berikut iaitu jurnal penerbit UKM dan fakulti/institut atau bab dalam buku diterbitkan oleh penerbit tersenarai dalam Thomson Reuters WOS atau penerbit UKM atau MAPIM, semua penerbitan pelajar wajib ditulis bersama penyelia sahaja

Justeru, saya mula membuat perancangan pengajian menggunakan maklumat yang telah diperolehi. Saya telah menghabiskan semester satu pengajian dengan mengikuti kursus GC8014 dan GC8024 di samping membuat pembacaan artikel yang berkaitan dengan bidang. Saya juga aktif menghadiri seminar dan bengkel yang berkaitan dengan bidang. Hasilnya, saya mula menulis pernyataan masalah yang menjadi kunci kajian saya. Pada semester dua, saya mendisiplinkan diri untuk hadir setiap pukul lapan pagi di UKM sama ada di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Pusat Sumber dan Bilik Siswazah Fakulti Pendidikan. Sekiranya saya tidak berada di tempat tersebut, saya akan berada di bengkel yang dijalankan oleh Pusat Siswazah, UKM. Pada semester dua juga saya telah mula menulis artikel kajian ulasan sistematik dan berjaya menerbitkan artikel pertama berindeks Scopus pada 7 Januari 2020 dan secara tidak langsung syarat bergraduasi yang pertama telah saya peroleh.

Pada awal semester tiga, tesis saya telah diperakukan oleh penyelia untuk dimajukan ke peringkat usulan pembentangan seminar siswazah. Walau bagaimanapun, pembentangan seminar siswazah pada 28 Mac 2020 dibatalkan selaras dengan pengumuman Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, iaitu Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin berkenaan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan Coronavirus Disease-19 (COVID-19). Akibat daripada PKP, sebarang aktiviti yang melibatkan perjumpaan orang ramai tidak dapat dijalankan. Oleh itu, saya hanya menerima laporan pembaca bagi tesis peringkat usulan melalui e-mel dan Alhamdulillah, tesis peringkat usulan saya telah lulus dengan pembetulan. Seterusnya, saya mengorak langkah mendapatkan kesahan pakar bagi instrumen kajian. Proses ini ini juga dijalankan secara dalam talian kecuali pakar pengukuran dan penilaian yang telah dijalankan secara bersemuka kerana pada ketika itu, aktiviti merentas negeri telah dibenarkan. Apabila PKP dilaksanakan, rutin harian saya sebagai pelajar PhD telah berubah, iaitu pada pukul lapan pagi setiap hari saya pasti berada di meja belajar di rumah untuk membuat pencarian artikel, pembacaan dan penulisan dalam bidang pengajian. Apabila instrumen kajian saya telah mendapat kesahan pakar, saya terus



membuat permohonan untuk menjalankan kajian dengan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).

Alhamdulillah, selepas permohonan untuk menjalankan kajian mendapat kelulusan daripada BPPDP, kerajaan telah membuat pengumuman pembukaan semula sekolah setelah penutupan dilaksanakan untuk mengekang wabak COVID-19. Saya amat bersyukur kerana dengan izin-Nya saya dapat menjalankan kajian rintis pada 15 hingga 31 Julai 2020. Walaubagaimanapun terdapat beberapa kekangan yang perlu dihadapi semasa menjalankan kajian kerana saya perlu mengikuti *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh KPM dan sekolah. Selesai menjalankan kajian rintis, saya menjalankan analisis faktor penerokaan (EFA) dan analisis faktor pengesahan (CFA) soal selidik kajian yang mengambil masa sebulan. Seterusnya, kajian sebenar dijalankan pada 25 Ogos hingga 9 Oktober 2020, saya sendiri telah mengedarkan soal selidik ke 50 buah sekolah yang terlibat dalam kajian. Saya perlu cepat adalah perkataan yang sentiasa bermain di fikiran. Setelah data kajian dianalisis, saya perlu memilih peserta kajian untuk mengumpulkan data temu bual. Ketika ini, penutupan sekolah dilaksanakan sekali lagi dan menjadi cabaran kepada saya untuk mendapatkan peserta kajian.

Prosedur untuk menjalankan sesi temu bual perlu saya patuhi. Apabila saya telah mengenal pasti peserta temu bual, saya perlu memohon kebenaran daripada pentadbir sekolah, ibu bapa dan murid sebelum sesi temu bual dapat dijalankan. Namun, saya tidak dapat melakukan perkara tersebut secara bersemuka. Oleh itu, saya telah menghubungi beberapa orang pentadbir sekolah yang terlibat secara *WhatsApp* untuk memohon kebenaran mengadakan sesi temu bual kepada murid yang telah dikenal pasti berdasarkan kriteria yang tertentu dan amat dukacita kerana mesej saya tidak mendapat respon. Kejadian ini memang amat menyedihkan tetapi saya tidak berputus asa dan terus berusaha menghubungi pentadbir sekolah seterusnya sehingga berjaya mendapat kebenaran. Setelah mendapat kebenaran daripada pentadbir sekolah, saya perlu memohon kebenaran ibu bapa murid yang terlibat dan murid itu sendiri. Alhamdulillah, saya berjaya mengutip semua data, membuat analisis data, menulis Bab 4 dan menghantar borang perakuan seminar siswazah untuk tesis peringkat kemajuan pada 30 November 2020. Tempoh menunggu laporan tesis peringkat kemajuan, saya gunakan dengan menulis artikel kajian tinjauan sistematik yang kedua. Syukur kepada Allah swt, artikel kedua saya yang berindeks Scopus telah diterbitkan pada 18 Februari 2021. Saya merasa amat gembira kerana syarat untuk bergraduat telah diperolehi, oleh itu saya boleh memberi tumpuan kepada penulisan tesis.

Pengajian PhD saya diteruskan lagi dengan menghantar tesis peringkat pementapan pada 29 Mac 2021. Pada ketika ini, pembentangan seminar siswazah masih tidak dapat dijalankan, oleh itu laporan pementapan diterima melalui e-mel. Alhamdulillah, tesis peringkat pementapan saya lulus dengan pementapan. Akibat kekangan menjalankan kajian kesan penularan COVID-19 di negara ini, Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, KPM telah memberi perlanjutan tempoh belajar selama sebulan kepada semua penerima CBBP Tahun 2018. Ini bermakna tempoh belajar saya berakhir pada 30 September 2021. Walaubagaimanapun, saya telah menghantar tesis lengkap untuk peperiksaan lisan pada 13 September 2021 dan peperiksaan ini juga telah dijalankan secara dalam talian. Akhirnya, pada 1 November 2021, saya telah lulus peperiksaan lisan dan memperoleh surat senat serta dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah pada 18 Mei 2022. Saya amat bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyelesaikan amanah atau pengajian dalam tempoh yang diberi. Saya juga amat berterima kasih kepada penyelia-penyelia, suami, ibu bapa, anak-anak, adik-beradik, sahabat-sahabat dan insan-insan yang memberi kerjasama sepanjang pengajian PhD ini. Semoga segala kebaikan kalian semua mendapat balasan yang setimpal daripada Allah SWT.



GAMBAR-GAMBAR SEPANJANG PENGAJIAN PHD

1. BENGKEL PENULISAN PROPOSAL & PEMBINAAN MODEL 21 & 22 JULAI 2018

2. BENGKEL SEM AMOS VS HLM 1 & 2 FEB 2020

3. BENGKEL KUALITATIF 1 DIS 2019

4. MENULISKAN KAJIAN KRITIS 15 - 31 JULAI 2020

5. MENULISKAN KAJIAN KRITIS 15 - 31 JULAI 2020

6. MENULISKAN KAJIAN KRITIS 15 - 31 JULAI 2020

7. MENULISKAN KAJIAN KRITIS 15 - 31 JULAI 2020

8. MENULISKAN KAJIAN KRITIS 15 - 31 JULAI 2020

9. MENULISKAN KAJIAN KRITIS 15 - 31 JULAI 2020

GAMBAR-GAMBAR SEPANJANG PENGAJIAN PHD

Peperiksaan lisan 1 November 2021

Salinan tesis kepada penyelia utama

Artikel 3 Q1 WOS

Salinan tesis kepada penyelia bersama

Surat senat

Persepsi Profesor Terhadap Perjalanan Pengajian Doktor Falsafah (PhD) Saya

**Dr. Ahmad Zohri Hj. Ishak,
Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang**

Aku lahir dan dibesarkan di kawasan kampung yang serba kekurangan dari segi bekalan elektrik dan air. Begitu juga dari segi pendidikan, aku memulakan persekolahan rendah di sebuah sekolah yang terletak berhampiran kampungku. Walaupun pada peringkat sekolah menengah, aku menerima tawaran meneruskan persekolahan di bandar namun, apakan daya tawaran tersebut terpaksa ditolak kerana faktor kemiskinan dan tidak mendapat kebenaran ibu bapa. Sawah padi yang terbentang di hadapan rumahku membayangkan hanya tiga pekerjaan yang boleh aku ceburi pada akhir persekolahan nanti, iaitu sama ada menjadi petani, pekerja kontrak ataupun pekerja kilang kayu yang terletak berhampiran dengan tempat tinggalku.

Semasa aku hendak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), bapaku dimasukkan ke hospital selama 14 hari dan meninggal dunia akibat penyakit asma. Kehilangan ayah menyebabkan aku menjadi tulang belakang keluarga untuk meneruskan usaha menanam padi untuk menyara kehidupan keluarga kami. Dengan berbekalkan keputusan SPM yang dikatakan sebagai “cukup makan” sahaja aku mengambil keputusan untuk memohon kemasukan latihan di Maktab Perguruan. Selesai latihan di Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim (MPSAH), Sungai Petani, Kedah maka pada tahun 1989 bermulalah karierku dalam profesion pendidikan menjadi seorang guru.

Semasa dalam perkhidmatan sebagai guru di sekolah rendah, aku menyambung pengajian dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. Aku berulang-alik menimba ilmu selama empat tahun demi menggenggam segulung ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Setelah tamat pengajian pada tahun 2000, aku ditukar mengajar ke sekolah menengah. Sejak dari itu, aku terus menanam azam untuk meningkatkan ilmu dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling. Aku berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Pendidikan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Pada tahun 2008 aku ditawarkan untuk bertugas sebagai pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang (IPGKPP). Semasa bertugas di IPGKPP aku mendapat tawaran cuti belajar untuk mengikuti kursus Sabatikal Penyelidikan anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selama tiga bulan di IPG Kampus Perlis (IPGKP). Kenangan manis semasa akhir kursus Sabatikal Penyelidikan, semua peserta kursus perlu membentangkan hasil penyelidikan di Hotel Majistret, Pulau Pinang. Hasil pembentangan, Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Abas dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaku jemputan utama telah mengumumkan bahawa hasil penyelidikanku adalah antara tiga penyelidikan yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa. Ketika majlis itu, Datuk meminta aku bangun untuk diperkenalkan kepada semua tetamu dan hadirin. Setelah tamat kursus, aku ditawarkan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah (PhD) melalui Hadiah Latihan Pelajaran (HLP) secara cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa KPM bermula pada tahun 2010 di USM, Pulau Pinang.

Di sinilah bermulanya memori pengajian PhD yang tidak dapat dilupakan. Pada mulanya dirasakan kehadiranaku sebagai mahasiswa USM menjadi mimpi ngeri seperti burung di dalam sangkar yang tidak dapat lari daripada tanggungjawab besar yang akan diharungi. Keputusan nekad untuk menyambung pengajian ke peringkat PhD ini terpaksa dibuat demi masa depan kerjaya profesion pendidikan yang dinamik. Antara kunci amalan yang perlu aku lakukan adalah berpandukan tokoh pendidikan yang telah berjaya. Menurut Datuk Mahpor Baba:

Mantan Pengarah EPRD/BPG (2009), “Usaha untuk mencapai mutu dan kecemerlangan pendidikan selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020 dapat dilakukan dengan lebih efektif lagi sekiranya kita dapat mengamalkan ‘Research Thinking And Orientation’ dan ‘Research Based Decision Making’ dalam tugas harian kita”.

Alhamdulillah aku mendapat seorang penyelia atau *supervisor* seorang profesor yang amat komited dan tegas. Bermula dengan kosong, aku mula belajar untuk memenuhi amanah sebagai seorang mahasiswa PhD. Tugas yang sangat mencabar, tiap-tiap hari perlu membuat pembacaan seperti buku, jurnal, kajian penyelidikan, tesis dan penulisan ilmiah. Pernah penulisku hendak dicampak dan mendapat teguran keras sehinggakan aku diminta supaya menukar penyelia kerana penulisan yang menyimpang. Aku mengingatkan diri bahawa kita hidup di dunia bukan di syurga, maka jangan harap ada kebahagiaan yang murni dan abadi. Kebahagiaan dan kesedihan akan datang silih berganti, maka jangan sampai goyah dalam langkah perjalanan panjang menuju ke syurga.

Setiap kali perjumpaan di Bilik Pensyarah, perbincangan antara aku dengan penyelia akan memakan masa selama tiga hingga empat jam, tidak pernah profesor membincangkan perkara selain penyelidikan. Masa yang ada digunakan sepenuhnya mengenai penyelidikan secara serius dan berdisiplin. Walaupun cuti belajar namun setiap hari aku perlu belajar, destinasiya adalah Pusat Sumber USM dan Bilik Pensyarah Penyelia. Setelah aku dapat membuat banyak pembacaan, penulisan dan pembentangan, profesor telah mengubah tempat perjumpaan. Kali ini perjumpaan bersemuka diadakan di luar USM seperti di Restoran Nasi Kandar, McDonald dan kedai-kedai makan yang beliau gemari. Di situ perbincangan dan penyemakan penulisan dilakukan melalui komputer dan perbincangan berkisar kepada topik-topik penyelidikan. Jika profesor hendak ke luar negeri, beliau akan menyemak penulisan di lapangan terbang sementara menunggu kapal terbang berlepas. Pernah profesor bercuti namun beliau memanggil aku ke rumahnya untuk membetulkan penulisan tesis. Di situ aku melihat kegigihan dan kesungguhan profesor dalam membantu dalam proses kejayaan menyiapkan tesis. Semangat profesor perlu aku ikuti bersama-sama untuk meningkatkan usaha, motivasi dan disiplin dalam perkembangan diri.

Aku berasa beruntung kerana waktu cuti belajar juga dapat dimanfaatkan terutama pada waktu malam dengan mengikuti kuliah-kuliah agama di masjid yang berhampiran tempat tinggal. Hasil kuliah melalui kitab-kitab tasawuf oleh Tuan Guru dapat meningkatkan kekuatan dan kekentalan dalaman diri bagi mengharungi pengajian PhD yang sedang dilalui. Sesungguhnya maut, rezeki dan jodoh sepenuhnya di tangan Allah SWT. Bersungguh-sungguhlah dalam mendekati diri pada-Nya apabila ingin yang terbaik. Sebelum praviva, aku merasakan keyakinan dan kepercayaan profesor terhadap kemampuanku tidak sampai seratus peratus. Pada penghujung pengajian ini, aku sempat membentangkan hasil penyelidikanku di Simposium Penyelidikan Universitas Pendidikan Bandung, Indonesia yang merupakan universiti pendidikan yang tertua di Indonesia. Rombongan kerjasama antara universiti ini terdiri daripada barisan pensyarah serta mahasiswa dan mahasiswi dari USM. Pengalaman yang aku kutip sepanjang menjalani pembentangan penyelidikan telah memberi keyakinan dan semangat yang kental dalam diri.

Setelah dapat menyelesaikan praviva dan viva dengan cemerlang, aku mula dapat melihat ada sinar cahaya di wajah profesor dalam mengiktiraf aku sebagai pelajarnya.

Masihku ingat selepas viva, profesor membuat perjumpaan dan melahirkan kegembiraannya. Profesor mengungkapkan kata-kata yang begitu bermakna “Dengan ini saya melepaskan kau sebagai pelajar PhD”. Beberapa faktor dijelaskan sebagai dokongan utama kejayaan aku ialah hendaklah kita menjadi pelajar yang paling banyak atau kerap berjumpa dengan profesor untuk berbincang tentang penyelidikan dan penyediaan tesis. Kesungguhan usaha, komitmen dan disiplin diri yang tinggi adalah merupakan antara faktor untuk mencapai kejayaan sebagai pemegang PhD. ‘Saat anda menyampaikan kebenaran, maka anda

menemukan dua reaksi yang berbeza, yang bijak akan merenung dan yang bodoh akan tersinggung. Sulit meyakinkan lalat kalau bunga lebih indah daripada sampah'; Imam Syafi'i.

Aku pasrah dan terus melakukan sujud syukur kepada Allah SWT atas anugerah kurniaan-Nya kepadaku. Akhirnya pada tahun 2014 aku berjaya dikurniakan PhD oleh USM, Pulau Pinang. Aku difahamkan bahawa tesis penyelidikanku yang diserahkan kepada pihak USM telah terpilih antara tesis terbaik yang dipamerkan di Pusat Sumber USM. Profesor juga memaklumkan terdapat pelajar yang sedang meneruskan pengajian PhD di USM bertanya dan mahu membaca tesisku sebagai rujukan cara penulisan penyelidikan yang berkualiti. Sekali lagi aku berasa bangga dan bersyukur atas nikmat dan kejayaan ini. Nasihatku wahai teman dan sahabat, berhentilah melihat nikmat orang lain, tetapi mulai merasa bahagia dengan nikmat yang sedang Allah SWT. limpahkan kepadamu. Ucapan berbanyak terima kasih kepada profesor atas bimbingan, tunjuk ajar dan bantuan. Aku mohon agar profesor halalkan ilmu yang diberikan. Akhir sekali tidak lupa kepada USM, Pulau Pinang, IPGM KPM kerana telah memberi peluang kepadaku untuk menyambung pengajian ke peringkat PhD. Hanya Allah SWT yang dapat membalasnya. Terima kasih.



Travelog PhD: Ilmu Itu Milik Allah
Dr. Haizul Rasdy Saidin
Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang

Saya merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Ayah saya seorang anggota tentera dan ibu saya seorang suri rumah sepenuh masa. Saya amat berbangga dengan ayah saya sebagai anggota tentera dan sudah pastilah menjadi tentera merupakan cita-cita awal saya. Saya bukanlah seorang pelajar yang pintar semasa di bangku persekolahan. Kata orang, pelajar dalam kategori akademik sederhana sahaja. Bidang kokurikulum? Lagilah saya kurang berminat. Masuk kokurikulum sekadar untuk memenuhi peraturan sekolah sahaja. Malah, mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan juga bukanlah satu mata pelajaran kegemaran saya. Memang pelik, tapi itulah hakikatnya ... Alhamdulillah, alam persekolahan saya bermula di Tadika Kemas sehinggalah ke tingkatan enam.

Selepas memperoleh sijil STPM, saya berjaya menyambung pengajian ke Maktab Perguruan Kuala Terengganu dalam opsyen Pengajian Melayu. Satu 'perjalanan cita-cita' yang tidak pernah ada dalam perancangan hidup saya. Kenapa? Ya, seperti yang saya maklumkan dari awal cita-cita saya ingin menjadi anggota tentera... menjadi seorang pegawai tentera. Namun segala-galanya berubah dan saya akur dengan ketetapan-Nya. Saya berpegang pada prinsip *Mindset Is Everything*. Saya kena 'jatuh cinta' dengan profesion perguruan ini. Itu nekad saya.

Semasa di maktab perguruan, berjauhan dengan keluarga di Taiping pada awalnya amat sukar bagi saya, maklumlah selama ini tidak pernah berpisah jauh dengan keluarga. Syukur alhamdulillah dengan sokongan rakan-rakan dan para pensyarah akhirnya saya dapat menimba seberapa banyak ilmu profesion pendidikan (terutamanya dalam bidang sukan yang pada hakikatnya memang saya tidak minat) dan menamatkan pengajian sekaligus memperoleh Sijil Asas Perguruan. Maka bermulalah detik dan saat saya bergelar seorang guru.

Perjalanan yang diaturkan oleh Allah SWT itu maha besar rahmatnya. Saya ditempatkan di sekolah rendah di daerah asal saya, iaitu di Taiping. Biasalah sebagai seorang guru baharu dan masih muda, pelbagai tugas diberi. Antaranya sebagai Setiausaha Sukan, Ketua Panitia mata pelajaran PJK dan ketua guru penasihat pengakap. Tugas berkaitan kokurikulum yang mesti dipikul. Di sinilah segala ilmu semasa di maktab terutamanya perihal sukan, saya cuba aplikasikan dengan sebaik-baiknya. *Believe in yourself. You are braver than you think. More talented than you know and capable of more than you imagine*. Alhamdulillah, saya mampu melakukannya serta lebih menyukai profesion perguruan. Sebagai guru muda, saya suka akan cabaran dan inginkan perubahan. Cukup tempoh tiga tahun dan disahkan dalam jawatan, saya mengambil keputusan untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda.

Syukur ke hadrat Allah SWT. kerana diberi peluang untuk saya menyambung pengajian sepenuh masa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam bidang Pendidikan Sains Sukan. Tidak terlintas dalam fikiran saya untuk sambung pengajian dalam bidang ini ... bidang yang sangat jauh di hati saya sewaktu di alam persekolahan dahulu. Saya juga bersyukur kerana pengajian saya ini ditanggung oleh pihak kerajaan dalam Program Khas Pensiswazahan Guru (rezeki anak sulung kerana waktu itu, saya baru beroleh cahaya mata pertama). Selama tiga tahun, saya didedahkan dengan pelbagai ilmu terutamanya berkaitan sukan. Masa ini, sukan sudah menjadi sebahagian dari hidup saya. Akhirnya saya berjaya menamatkan pengajian dan ditempatkan semula di sekolah menengah daerah yang sama



sebelum ini. Terasa hebatnya perancangan dan kurniaan Allah SWT yang memudahkan segala urusan saya.

Bermulalah tugas saya sebagai guru akademik (diberi tanggungjawab mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan lima) dan guru sukan. Kedua-dua bidang ini saya garapkan sebaik-baiknya atas tuntutan amanah dan kepercayaan yang diberikan. Alhamdulillah, ada beberapa kejayaan manis dalam sukan yang diperoleh. Menjadi johan dalam sesuatu pertandingan itu sudah semestinya. Masih ingat lagi kata-kata pensyarah Sains Sukan saya di UPSI, *Rule Number One, Never Be Number Two*. Namun, kepuasan masih belum lagi saya kecapai dalam perjuangan sebagai pendidik ... saya masih dahagakan ilmu. Lantaran itu, sekali lagi saya memohon untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana selepas enam tahun mengajar di sekolah menengah.

Allah SWT mengaturkan perjalanan profesion saya dengan baik sekali. Saya berjaya memperoleh biasiswa di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) ketika menyambung pengajian sepenuh masa (sarjana Pendidikan Sains Sukan) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selama dua tahun saya menimba ilmu baharu dan mencabar dalam bidang sukan terutamanya berkaitan pemakanan sukan (bidang kajian penulisan tesis saya). Seusai dua tahun tamat pengajian, sekali lagi perjalanan saya dipermudah oleh Allah s.w.t.. Saya ditempatkan semula di sekolah menengah saya mengajar sebelum ini.

Seperti sebelum ini, tugas yang sama diamanahkan kepada saya (menjadi guru Bahasa Melayu tingkatan lima dan guru sukan). Itu semua bukan menjadi penghalang kepada saya, maulumlah terasa *fresh* baru habis belajar, banyak input baharu yang ingin disampaikan kepada para pelajar. Naluri dan keghairahan mengejar ilmu serta cita-cita mengatasi segala-galanya walaupun ketika itu saya sudah berjawatan sebagai Guru Kanan Kemanusiaan. Selepas habis tempoh 'edah' (penerima biasiswa HLP ada tempoh perjanjian selama lima tahun), saya memohon sekali lagi menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah. Saya akui, bukan calang-calang boleh mengharungi pengajian di peringkat ini. Namun bagi saya, *I just want to make my parents happy and proud of me*. Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. sekali lagi kerana diberi peluang menyambung pengajian sepenuh masa (saya dapat biasiswa HLP buat kali kedua) di peringkat doktor falsafah dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Sukan. Untuk kali ini saya memilih Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai tempat menggali ilmu baharu.

Peristiwa yang manisnya, tarikh pendaftaran sebagai calon kedoktoran di USM adalah sama dengan tarikh hari lahir saya. Maka bermulalah perjalanan PhD saya ... perjalanan seorang pelajar mengejar cita-cita. Walaupun ada suara-suara negatif tentang kesukaran dalam PhD, namun itu semua saya tidak endahkan kerana bagi saya, *keep your energy focused on your goals and dreams*.

Dalam pengajian kedoktoran ini, saya telah memilih Profesor Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman sebagai penyelia utama dan Profesor Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad sebagai penyelia bersama. Bidang kajian saya adalah berkenaan gangguan makan (*eating disorders*) dan ketidakpuasan badan (*body dissatisfaction*). Pemilihan Dr. Tajuddin kerana kepakaran beliau dalam pendidikan kesihatan dan Dr. Nor Shafrin pakar dalam kaunseling kerana sampel kajian saya adalah pelajar sekolah. Alhamdulillah, mereka amat membantu dan membimbing saya dengan cukup sempurna dalam pengajian saya ini. Hasilnya, syukur sangat-sangat saya berjaya menamatkan pengajian kedoktoran saya cukup tiga tahun. Satu nikmat dan keistimewaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambaNya.

Apa jua yang dapat disimpulkan sepanjang pengajian kedoktoran saya, pemilihan universiti dan bidang yang sesuai dengan kita amat membantu. Universiti yang terbaik sudah pastinya memiliki tenaga pengajar yang terbaik. Jarak universiti dengan kediaman kita juga mesti mudah untuk kita berurusan kerana masa dan kewangan amat penting diurus dengan sempurna. Maulumlah, segala-galanya memerlukan kos. Bagi mencapai kejayaan, bidang



kajian yang dipilih mestilah bidang yang kita minati. Pemilihan bidang yang tidak relevan dengan kita atau mengikut kata orang lain, akan menyukarkan kita sepanjang pengajian. Apabila kita membuat sesuatu yang kita minat dan suka, sudah pastilah kita amat senang melakukannya walaupun sesusah mana pekerjaan tersebut.

Seterusnya sebelum kita mendaftar sebagai pelajar PhD, kita seharusnya menguasai dan mantap dalam asas penyelidikan (*academic research*). Ini kerana, jika kita kurang mendalami asas penyelidikan kita akan terumbang-ambing dalam hala tuju kajian kita. Walau bagaimanapun, kita boleh mempelajari dan mendalami asas penyelidikan dengan mengikuti bengkel penyelidikan yang disediakan oleh pusat pengajian.

Pemilihan penyelia juga tidak kurang pentingnya. Penyelia yang dipilih akan membimbing kita dari awal sehinggalah kita bergraduat. Semasa pemilihan penyelia, kita boleh lihat profil (*curriculum vitae*) penyelia tersebut. Jika bersesuaian dengan kita dari segi bidang dan kepakaran, maka kita pilihlah dia. Apabila telah memilih penyelia tersebut, sudah menjadi adat dan adab sebagai pelajar, kita mestilah menghormati dan mendengar segala nasihatnya sebagai guru kita. Seperkara lagi, kita perlulah mewujudkan hubungan yang baik antara kita dengan penyelia agar memudahkan kita menyelesaikan permasalahan yang timbul. Kata orang, tak berkat ilmu kalau kita selalu melawan kata guru kita ...

Sebagai seorang pelajar PhD, satu tabiat yang tidak dapat lari adalah kita kena rajin membaca terutamanya berkaitan dengan bidang kajian kita. Ilmu itu tidak dapat ditimba melainkan kita kena bersungguh-sungguh menggalinya. Dalam era maklumat di hujung jari ini, pelbagai sumber ilmu boleh kita perolehi. Selain daripada itu, kita juga boleh menyediakan dan membenteng *proposal* dengan cepat. Jika *proposal* telah selesai, maka kita akan lebih ada hala tuju dalam kajian kerana kita sudah tahu apa yang hendak dikaji. Jadi, pembacaan bahan ilmiah dan *proposal* saling berkaitan dalam pengajian kita.

Ramai juga yang beranggapan, perjalanan pelajar PhD ini adalah satu perjalanan yang sepi. Mana tidaknya, dunia pelajar PhD adalah *research* dan pembacaan sahaja. Salah tanggapan itu ... kita seharusnya mengimbangi dengan baik dalam urusan lain juga. Hiduplah kita seperti manusia biasa dan jangan terlalu merasa tekanan. Sebagai hamba-Nya, amal ibadat dan berdoa jangan ditinggalkan walau sesibuk manapun urusan pengajian kerana pasti kita akan memohon pertolongan dan keredaan daripada-Nya. Faktor kesihatan juga amat penting. Jika kita sakit, sukar bagi kita untuk meneruskan pengajian. Sememangnya dalam perjalanan PhD ini pelbagai kesulitan, kepayahan dan seumpamanya akan kita hadapi tapi ingatlah, *my pain makes me strong and my strength is my motivation*. Begitu juga dengan sokongan keluarga dan rakan-rakan. Jika ibu masih ada lagi, doanya adalah yang paling mustajab. Ini semua akan mencetuskan motivasi kita untuk menamatkan pengajian sebagaimana yang dirancang. Selain itu, motivasi sendiri juga perlu ada kalau hendak berjaya kerana, *no one motivates you until you motivate yourself!* Akhir sekali, kita perlulah ada perancangan (carta gant) dalam pengajian kita dengan mensasarkan target *graduate on time*. Ingat ... D.U.I.T. iaitu Doa, Usaha, Iltizam dan Tawakal. Ruyong telah pun kita pecahkan, dan sagunya akan kita nikmati. Insya-Allah kejayaan akan menjadi milik kita.

Alhamdulillah. Untuk pengetahuan semua, saya sekarang sedang berkhidmat sebagai pensyarah akademik di Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Pulau Pinang. Ucapan terima kasih atas doa buat bonda Rahmah Mat Sega, ayahanda Saidin Hasan, isteri Norasih Hussein, anakanda-anakanda Nor Anis Afiqah Haizul Rasdy, Nor Fatin Arifah Haizul Rasdy, Nor Husna Aqilah Haizul Rasdy dan Danish Aiman Haizul Rasdy serta adinda-adinda sekeluarga. Penghargaan juga kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman, Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad, rakan-rakan guru dan anak-anak didik yang memberi sokongan selama ini. Semoga Allah memberkati kehidupan kalian...



PhD Satu Ujian
Mohd Faizal Hassan
Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

Apabila kita bergelar manusia, ujian pasti akan datang dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Walau apa pun gelaran kita, jawatan, rupa kita ujian pasti akan kita hadapi dan tempuhi. Berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Ankabut; 2 – 3;

“Patut kah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata kami beriman; sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya, kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah orang yang sebenar – benarnya beriman dan nyata pula apa yang dikehendaki- Nya orang yang berdusta”.

Pada saya PhD ini merupakan satu daripada ujian Allah S.W.T. kepada saya. Ujian pertamaku bermula pada 30 Jun 2017 apabila menerima surat tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyambung pengajian di peringkat Sarjana Kedoktoran. Rasa bangga diri dan berasakan diri lebih hebat daripada rakan-rakan lain yang turut sama memohon tetapi tidak berjaya. Bangga diri atau dalam Bahasa Arab yang dipanggil sebagai “*ujub*” dikuatkan lagi hanya dengan dua kali sahaja memohon berbanding dengan rakan-rakan lain yang telah banyak kali memohon. Teringat saya kepada satu nasihat Rasulullah S.A.W kepada Sayidina Ali bin Abi Thalib sebelum kewafatannya baginda;

*“Tidak ada kesendirian yang lebih mencengkam daripada kesendirian yang dihasilkan oleh sifat *ujub*”.*

Aku perlu buang jauh-jauh sifat *ujub* yang boleh membinasakan diri. Kejayaan memperoleh HLP ini sebenarnya satu ujian Allah kepada aku sejauh mana aku bertakwa kepada-Nya. Selain itu, aku perlu ingatkan kepada diri bahawa ini baru dapat surat kelulusan HLP belum lulus PhD pun. Perjalanan PhD baru nak bermula dan terlalu awal untuk aku mendabik dada menyatakan aku sudah berjaya dan hebat. Bagaimanakah caranya untuk aku membuang sifat *ujub*? Berdasarkan kepada pembacaan dan perkongsian rakan-rakan yang telah berjaya menamatkan PhD mereka, aku perlu banyak dan terus bersyukur atas kurniaan Allah SWT. Bersyukur dengan segala anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh-Nya walaupun hakikatnya aku tidak layak menerimanya berdasarkan amalan dan ingatan yang sangat sedikit terhadap-Nya. Merujuk kepada Surah Ibrahim ayat 7;

“Sesungguhnya, jika kamu bersyukur pasti kami akan menambah (Nikmat) kepada mu. Dan jika kamu mengingkari (Nikmat Ku) sesungguhnya azab Ku sangat pedih”.

Seharusnya dan sewajibnya aku sebagai hamba hina ini terus bersyukur dengan nikmat yang dianugerahkan ini. Nikmat yang dirasai bermula dari dalam kandungan ibu sehingga menjadi insan yang mampu berfikir kini. Selain itu, merasai kesenangan hidup, rezeki melimpah ruah dan kasih sayang Nya yang tidak pernah putus.

Apakah tanda yang menunjukkan kita bersyukur? Apakah yang seharusnya kita lakukan sebagai tanda syukur dan terima kasih ke hadrat Allah S.W.T adalah dengan mempertingkatkan ibadah kita. Antara ibadah yang boleh dilakukan ialah solat-solat sunat seperti tahajud, istikharah, hajat, taubat dan lain-lain lagi. Ini bertujuan tidak lain daripada memperbetul tujuan dan matlamat kita sebagai manusia di muka bumi ini iaitu mencari reda-Nya. Kehidupan kita bukan untuk mendapat PhD semata-mata. Jika kita meletakkan PhD itu sebagai yang utama belum tentu kita dapat kerana tiada yang boleh menjaminkannya tetapi



sekiranya kita meletakkan reda Allah sebagai tujuan hidup pasti kita akan peroleh segalanya termasuk PhD.

Apakah yang diperoleh melalui ujian ini? Satu daripada yang saya peroleh, Allah mempertemukan aku dengan sahabat-sahabat yang sentiasa membantu. Ini telah diperkatakan oleh Imam Ghazali dalam bukunya *“Bidayat Al-Hidayah”* yang telah memetik kata-kata Sayidina Ali bin Abi Thalib R.A.;

“Saudaramu yang sebenarnya adalah orang yang selalu menolongmu di waktu senang dan susah, sanggup berkorban saat memberi manfaat kepadamu dan dia sanggup membagi segala urusannya untuk menolong kamu dalam menghadapi bala dan ujian”.

Dalam perjalananku untuk menyiapkan PhD., Allah SWT telah mempertemukan aku dengan sahabat-sahabat yang sentiasa membantu ketika aku memerlukan mereka. Antara bantuan aku peroleh daripada mereka adalah seperti menyediakan proposal, mencari maklumat dan sumber, menganalisis data yang diperoleh dan lain-lain bantuan. Bantuan yang paling terkesan buat diri ini adalah sentiasa bersama memberikan motivasi dan dorongan contohnya Ketika aku menghadapi *defense proposal*, seminar dua dan viva. Keberadaan sahabat aku bersama ketika itu telah meninggalkan kesan yang amat mendalam terutama dalam meredakan rasa gemuruh dan ketakutan untuk berhadapan dengan panel-panel. Di samping sentiasa berada bersama mereka juga sering mendoakanku apabila bertemu. Aku sangat percaya dan yakin kerana doa-doa mereka juga aku berjaya menyiapkan PhD saya.

Ujian kedua yang Allah SWT anugerahkan kepadaku adalah ujian masa. Ramai yang kata apabila dapat HLP, kita akan peroleh masa yang banyak untuk memberi tumpuan dan fokus kepada pengajian. Setiap individu yang berjaya memperoleh HLP diberikan cuti selama 3 tahun dengan bergaji penuh dan turut mendapat biasiswa. Tetapi padaku ini merupakan satu ujian yang besar bagiku. Aku perlu memanfaatkan masa yang diberikan untuk menyiapkan PhD ku. Teringat aku kepada peringatan Allah S.W.T. mengenai masa dalam Surah Al-Asr ayat 1 - 3;

“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan saling menasihati supaya mentaati kebenaran dan saling menasihati supaya menepati kesabaran”.

Dalam merenung dan menghayati ayat ini, Allah SWT. sendiri telah bersumpah dengan masa menunjukkan betapa pentingnya aku untuk sentiasa menghargai masa. Walaupun dibekalkan tempoh masa 3 tahun untuk menyiapkan PhD tetapi sebenarnya masa itu terlalu singkat. Aku perlu membuat satu perancangan yang sebaik-baik mungkin. Selain itu, melalui 3 tahun cuti yang dianugerahkan Allah SWT kepadaku ini sebenarnya untuk menguji aku SWT menyeruku untuk lebih mendekati-Nya. Aku terlalu bimbang dan risau akan tergolong daripada manusia yang Allah SWT. maksudkan dalam ayat Al-Asr tersebut, iaitu manusia yang benar-benar dalam kerugian setelah masa yang dianugerahkan oleh-Nya kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Justeru, aku perlu lebihkan masaku untuk mendekati-Nya setelah itu barulah aku dengan PhDku. Aku perlu yakin dengan janji itu, semakin aku dekat dengan-Nya, semakin dekat-Nya kepadaku. Dengan dekatnya antara aku dengan-Nya, Alhamdulillah semakin mudah aku memohon apa-apa sahaja yang aku inginkan. Hasilnya perjalanan PhDku dipermudah dan lancar tanpa perkara-perkara yang membebankan. Alhamdulillah aku berjaya menamatkan PhDku secara GOT. Nikmat daripada anugerah terbesar sebagai insan yang kerdil ini walaupun aku tidak layak untuk itu. Terima kasih Allah SWT.



My Phd Journey: Self-Redemption

Dr. Nur Leenna Abdul Rahman
Lecturer, Dato' Lela Maharaja Vocational College, Negeri Sembilan

Each individual's journey towards PhD is unique and encompasses their own story. For me, completing my PhD studies is about self-redemption. In the past, I attended a boarding school where I was always surrounded by high-performing peers, school rankings and examinations. When I did not achieve straight A's in my SPM examination, I felt terrible and it was a total failure. But, looking at myself back then, and coming from a low income background family with lots of financial stress, this had become a major constraint until it affected my study. However, I did not want the disappointment to hold me back from pursuing my goals. I plucked up my courage, strength and ability to bounce back. I was looking for chances for me to redeem myself, to make amends for my past by achieving something that I could be proud of. Therefore, determining what I am redeeming for and what I must do to achieve the position I desire are necessary for me to redeem myself.

Undoubtedly, I always knew that I wanted to pursue a doctoral degree because it is the highest level of degree a person can achieve. Several colleagues asked me, "What would I acquire once I finished my PhD studies? Promotion? Increment of salary? Position? What will I do with my PhD degree?" While I did not have a clear answer to these questions, I could say without a doubt that I did not pursue PhD for the title, high position or high paycheck. None of all these were my goals. Besides, I loved doing research and I wanted a platform to share my ideas. As I progressed through my career as a vocational college teacher, I realised that there were numerous issues and challenges that needed to be addressed. Thus, obtaining a PhD was the only way I could help to address these issues. I was motivated to solve the issues of teachers' professional development and intended to assist the Ministry of Education (MOE) and policymakers. I had some ideas about how these problems could be solved. Moreover, generating new knowledge was one of the key reasons for me to do a PhD.

I applied for *Hadiah Latihan Persekutuan* (HLP) in 2017 but sadly, I never even made it to the interview stage at all. Although I was a bit frustrated, it was not the best time for me yet, I guessed. I reapplied for HLP the following year in 2018 and this time I was qualified for the interview stage. Therefore, I took the advantage of this chance and prepared thoroughly for the interview because it was difficult to get chosen for the interview stage. *Alhamdulillah*, I still remembered how happy I was to know that I had been selected for the HLP. However, I began to realise that securing a scholarship was only the first step. Even though I was aware from the beginning that this PhD journey was going to be stressful, difficult and lonely, I persisted.

One of my PhD colleagues kept reminding me that I needed to stay on campus all the time and make various sacrifices in order to complete my PhD. Maybe she was concerned because I was only on campus two or three days a week and spent the rest of my time at home. Apart from that, I still continued my normal routine such as travelling, working out, attending family events, et cetera. One thing I learn from this is that time management is more important than location. You are the only one who can decide what is the best for you. Sometimes what works for someone else may not work for you. Your friends may look up to you in awe and believe that all the hardships will be worthwhile. They admire your abilities to balance your leisure time, family commitments and studies at the same time. All they know is that PhD is what smart people do. In reality, entering a PhD programme and finishing a PhD are two separate things. There are quite a few components and milestones that comprise my PhD journey: from the background of study, statement of the problem, literature review, writing up the thesis until the viva-voce at the end.



Research Topic

The crucial part in every research is the topic, the research problem and objectives. As soon as I defined the topic, research problem and objectives, it provided a clear direction. During this time, I also experienced anxiety attacks because I felt stressed and overwhelmed due to difficulty of finding a suitable research topic. My heart rate increased, my breathing was quick, and I am having trouble falling asleep. Doing a PhD is an emotionally exhausting process and sometimes I cried while working on my thesis especially at the beginning of my PhD journey. I cried because I could not express my arguments properly and felt like I was going around in circles. Fortunately for me, my husband has always been the backbone and strength to keep pushing on and to never give up no matter how difficult it was for me. A good cry with an extra coffee always helps me to feel better. Caffeine has become my best friend but at the same time, it increases my anxiety. At that time, I felt I needed caffeine to stay awake since I was not a morning person. I tended to stay up late and sometimes, I did not sleep at all.

Supervisor

I was fortunate to have very supportive supervisors who guided me through the various constraints. They were very easy-going people and I could talk to them about almost everything. It is important to have supervisors who can understand your situation and circumstance at any time and guide you to move forward. I advise you to keep your supervisors regularly updated on your progress. Try to insist them to make time for you. I am the type of student who prefers independence and loves to update supervisors whenever necessary. My advice to future PhD candidates, do not blame your supervisor if your study is delayed or does not proceed as planned. Do not spend time waiting for your supervisors to assist you all of the time. Be proactive by enrolling in related courses and workshops, or seek assistance from other lecturers. The thesis ultimately belongs to you, not your supervisor.

Self-Discovery

Despite having supportive supervisors and a positive circle, I have to admit that the journey towards obtaining a PhD is a lonely process. Fortunately, it never once crossed my mind that I wanted to give up on my PhD. This is why networking is important. Although I always think that socialisation could be a waste of my precious writing time, I need it for the sake of my sanity. There are going to be people along the way who will try to undercut your success or take credit for your accomplishments. Just stop overthinking and write on. I completely understand the fact of you spending two hours staring at the computer and only manage to write one sentence. That is part of the process. My PhD journey has been one of self-discovery, particularly of new skills and abilities that I previously was unaware of. I was given the opportunity to present papers in various colloquiums and conferences, besides having my work published in ERA and Scopus-indexed journals. I never thought that I could accomplish this if not because of doing a PhD.

Pandemic

A day after I submitted my proposal to the faculty, the pandemic took a different turn in Malaysia. The Malaysian government, through the Ministry of Health, announced Movement Control Order (MCO) which closed all educational institutions starting from 18 March 2020 as social distancing had been identified as a crucial step to flatten the curve of COVID-19 from spreading at that time. This pushed schools, higher institutions and training providers to adopt virtual learning and digital education. The date for my proposal defense was delayed where I waited for around two and half months. Being on a MOE scholarship, I needed to finish my PhD within three years in order to Graduate-On-Time (GOT), which put me under a lot of pressure as deadlines approached. Failure to comply with the stipulated sponsorship period can cause me to pay compensation. Therefore, I needed to adapt faster with the uncertainty and prove my flexibility as a researcher. I was fortunate that I did not have to change the methodology, the only aspect was that I needed to use a digital platform instead of face-to-face mode for data collection. The most challenging part was gathering qualitative data because some participants were unable to use the technology or had a poor WiFi connection.



Viva-voce

Despite all the obstacles that I was facing at that time, I managed to submit my PhD thesis for oral examination (viva-voce) on 27 September 2021 and four months later, the viva-voce date was set. I practised my presentation repeatedly and the best piece of advice I received was practising with someone outside of my field to help to simplify the explanation of my justifications. I had a mock viva with my supervisors a day before, and they advised me to remain calm and not over-complicate my answers. My viva lasted about five hours, and to me, it seemed a lot like a job interview. On top of that, I was the first candidate to have a face-to-face viva after it had been conducted online for nearly two years due to the pandemic. Most of the questions required me to justify my arguments and the most important part was the contribution of my research. After the session finished, the committee made me sit in the hallway to wait for their verdict. I could not forget the moment when the chairperson announced that I had passed my viva-voce with minor corrections. I was given three to six months to complete my corrections considering I was already working. I burst into tears, smiled, breathed a sigh of relief and I felt like I had redeemed myself.

So what is the essence of this story to current and potential PhD candidates? First, you need a strong drive to pursue a PhD. If you are willing to commit your sweat and tears to it, it is likely achievable. PhD is not only a story of joy, success and celebration but also a story of sorrow, tears and sweat. Second, a PhD is about time management. It is the time when you can completely devote yourself to the study of one particular area and become a real expert in the field. Many people have questioned how I managed to complete my PhD in three years' time despite the COVID-19 pandemic. My normal response is to gloss over the issues, again, as you only have a certain amount of time available and you must 'budget it' accordingly. Think of it more as creating space and focus for the tasks you need to prioritise. In this manner, you may spend quality time on your thesis and research while maintaining a healthy balance between work and life.

The PhD marks the end of the new beginning. Throughout the journey, with all the challenges I encountered along the way, I survived. I managed to keep going in difficult circumstances. Remember, do a PhD for the right reasons. PhD is hard and it is supposed to be hard! In the end, it is not *lapan PhD ikat tepi* :)



Rapport atau Silaturahmi...???

Dr. Nurul Huda Hassan

Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

“Tidak kenal maka tidak cinta”???. Satu frasa yang bukan sekadar meniti di bibir, namun jika benar-benar tidak mengenali hati dan budi seseorang masakan mudah untuk mendapatkan apa-apa yang diinginkan. Benarkah???. Justeru...Ada suatu kenangan yang ingin aku kongsi di sini...Ya satu pengalaman yang mungkin penting bagi sesetengah orang atau mungkin tidak penting bagi sesetengah yang lain. Namun perkara ini bagi aku amat penting sebagai seorang pelajar pascasiswazah, apatah lagi tahap ‘Doktor Falsafah’. Gah bunyinya kerana ramai yang mendambakan gelaran ini sama ada berangan atau berpijak di bumi nyata termasuk diriku sendiri. Kadang-kadang rasa mustahil dan tak mungkin bolehku gapai, bagaikan mimpi yang tiada kesudahan. Namun, akulah antara yang bertuah kerana terpilih mengharungi cabaran yang penuh berliku ini, demi satu kepuasan yang belum tahu penghujung perjalanannya...Allah sahaja Yang Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa untuk mengubah segalanya.

Masih aku ingat ketika itu aku berada di tahap ingin mengumpulkan data bagi kajianku yang menggunakan pendekatan kualitatif. Sudah tentu aku perlu lakukan temu bual, pemerhatian dan menganalisis dokumen. Mampukah aku? Pengalaman langsung tiada. Secara teorinya tampak mudah. Segala persediaan telahku buat... surat kebenaran menjalankan kajian, borang persetujuan peserta kajian, protokol temu bual... apa lagi ye...Oh! Masih banyak yang perlu dicari dan dirujuk. Apabilaku fikirkan tentang bakal peserta kajianku, terasa seram sejuk dan terfikir bagaimanakah reaksinya nanti. Aku terus membaca dan mengkaji tataranya untuk memenangi hati peserta kajian. Sudah semestinya kajianku yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini nanti, memerlukan data yang sangat mendalam dan bermakna daripada seseorang individu yang terpilih sebagai ‘peserta kajian’ biar tepu supaya tidak keliru. Jangan anggap enteng dan jangan anggap remeh dan jangan anggap mudah. Bukan semudah mengupas kulit timun atau menumbuk sambal belacan, tetapi boleh aku umpamakan sebagai mencari sebutir intan kecil yang jatuh di dalam selut yang dalam, dicari berhari-hari akhirnya apabila ketemu dicuci dibasuh terserlahlah kilauannya.

Alhamdulillah proposal PhDku telah kuberesi (Bab I, Bab II dan Bab III lengkap). Alhamdulillah lulus semasa pembentangan dalam seminar di fakulti namun perlu penambahbaikan sebagaimana yang disarankan oleh pembaca dalaman. Sudah selayaknya aku turun kelapangan untuk mendapatkan data. Aku telah mengenal pasti sebuah daripada sekolah di daerah A yang bakal menjadi salah satu medan lapangan buat kajianku nanti. Sebuah sekolah menengah harian yang mempunyai rekod kecemerlangan akademik yang tinggi termasuk mata pelajaran Bahasa Arab. Alhamdulillah aku mendapat kebenaran untuk mengumpul data daripada seorang guru Bahasa Arab yang mengajar di sekolah ini. Selepas berbual dengan pengetua yang baik hati dan sangat memahami keperluanku sebagai pelajar PhD itu, maka dia membawa aku bertemu dengan seorang guru Bahasa Arab yang memenuhi ciri-ciri peserta kajian yang diperlukan untuk kajianku ini. Ya, dia amat sesuai dan memenuhi kriteria sebagai *purposive sampling*ku. Beliau merupakan bakal peserta kajianku yang pertama, Insha-Allah. Setelah berkenalan dengannya aku mengajaknya ke kafeteria sekolah dan mempelawanya minum. Niat aku ikhlas dan dalam masa yang sama aku mencuba membina *rapport*. Manalah tahu. Moga Allah memberikan *inayah*-Nya buatku. Di situ aku menerangkan tujuan kajian yang bakal kulakukan dan dia bersedia dan sanggup untuk menjadi responden kajianku. Sambil menunggu pesanan mi goreng istimewa dan teh o ais aku menunjukkan kepadanya fail dan borang persetujuan untuk ditemu bual dan dilakukan pemerhatian pengajaran dan pembelajarannya nanti. Aku perasan yang sikapnya amat bersahaja dan seolah-olah terpaksa. Namunku tebalkan wajahku biarlah apa pun tanggapannya terhadapku.

Aku belum mengenalinya dan dia juga tidak mengenali diriku. Tindakan seterusnya aku ke lokasi yang lain pula. Alhamdulillah aku berjaya memperoleh lima lagi peserta kajian yang sudi memberikan kerjasama sehingga sempurna kutipan dataku. Subhanallah Allah permudahkan urusanku di lokasi-lokasi berkenaan.

Setelah aku berpuas hati dengan segala prosedur, aku pun meminta nombor telefon bimbunya. Dia meminta aku menghubunginya untuk membuat temu janji. Maklumlah katanya beliau amat sibuk dengan tugas rasmi di luar dan tambahan pula jadual PdPnya pula amat padat. Kini seminggu telah berlalu aku pun mengiriskan pesanan ringkas buatnya. "Assalamualaikum, boleh saya datang untuk menemubual"? Pesananku tidak dijawab. Tiga hari kemudian barulah ada jawapan. "Salam, *asif* (sorry di dalam bahasa Arab). Saya tidak sempatlah minggu ni, sibuk sangat ada program untuk JU (Jurulatih Utama). Minggu depanlah ye, Inshaallah". Sabarlah wahai hati, nasib baik dia sudi menjawab walaupun lewat. "Baiklah, Inshaallah minggu depan saya datang ye". Aku menjawab mesejnya tanda hormat.

Aku juga mempunyai lima orang lagi peserta kajian. Penerimaan mereka terhadapku berbeza antara satu sama lain. Ada yang mudah sahaja untuk aku mendapatkan data dan membina *rapport* bersama mereka. Ada yang pertama kali bertemu terus meminta aku laksanakan temu bual. Ada juga yang sentiasa bersedia dan memberi jaminan kepadaku agar datang bila-bila masa sahaja dan dia sentiasa bersedia memberikan kerjasama. Alhamdulillah tidak perlu mengambil masa yang lama. Semuanya memberikan sokongan dan menunjukkan rasa kagum terhadap aku kerana sanggup menyambung pelajaran ke peringkat yang paling tinggi dalam dunia pengajian. Tiada lagi sijil selepas PhD hanya satu sijil sahaja yang akan membawa kita ke alam *baqa'*. Allahu Akbar. Semua peserta memberikan kerjasama yang amat memberangsangkan sehingga aku rasa sekolah mereka adalah sekolahku jua. Aku merasakan bahawa aku merupakan sebahagian daripada warga sekolah tersebut sehingga ada ruang khas buatku apabila aku datang ke sekolah. Apabila sahaja aku datang mereka sambut aku dengan begitu ikhlas dan terbuka, mudahnya untuk aku mengumpul data. Alhamdulillah, syukur pada-Mu Ya Allah. Di sinilah terletaknya kebolehpercayaan data yang aku peroleh.

Kembali kepada peserta kajianku yang seorang ini. Minggu ini aku titipkan lagi satu pesanan ringkas buatnya, "Salam, *kayf haluk* (apa khabar)? Boleh saya datang buat temu bual petang ni?, *Syukran*". Pesanan yang kuhantar menunjukkan jam 9.00 pagi. Satu masa yang sesuai untuk diberi ruang bertenang kepada peserta kajian yang mengajar pada sesi petang. Kebetulan aku menetap di negeri yang bukan sama negeri sekolah berkenaan. Agak jauh juga kalau hendak ke sana. Hari ini aku berada di rumah. Tiada sebarang jawapan kuterima sejak pagi tadi. Aku termenung dan bingung. "Aduh, macam mana ni, tak jawab langsung. Biarlah dulu...Sabar". Aku menyedapkan hati. Aku menatap *screen laptopku* sambil membaca transkrip peserta lain yang telah kutaip dalam bentuk *verbatim*. Nasib baik pita rakamanku ini memang canggih biar harganya agak mahal tetapi amat berbaloi. Aku menyalin rakaman temu bual itu ke *laptopku* dan mendengarnya semula menggunakan perisian *voice recording* yang mesra pengguna itu. Modnya boleh dilajukan umpama jagohan pelari maraton dan boleh diperlahankan seperlahan gerakan si siput. Semua mengikut kemudahan dan kemahuanku ketika aku menaipnya. Kadang kala tergelak sendiri apabila aku cuba mengawal kelajuan rakaman tersebut dan apabila aku perlahankan bak bunyi orang tidak siuman menuturkan kata. Kemudian aku perlu membaca dan terus membaca serta menyaringnya beberapa kali, supaya aku boleh menghayati dan merasainya terus dan boleh kukaitkan dengan persoalan kajianku secara imajinasi, namun terpahat di dalam hati. Proses ini menyebabkan fikiranku sering terbayang-bayang tema-tema yang sesuai untuk menjawab persoalan kajianku nanti. Aku dapati banyak juga maklumat yang tidak berkenaan dari temu bual tersebut. Apabila aku membaca dan mendalaminya, kelihatan ada data yang belum mencukupi. Ada data yang hanya bersifat permukaan sahaja tidak begitu mendalam. "Alamak belum cukup tepu lagi".

Jam menunjukkan 2.30 petang. Bunyi isyarat pesanan ringkas masuk begitu menarik perhatianku. "Datanglah sekarang sejam setengah lagi saya ada kelas". Sepatutnya aku

gembira dengan jawapan itu tapi... "Ya Allah sempatkah"? Aku tidak akan menyerah kalah lantasku jawab. "Ok saya datang sekarang". Aku sampai ke sekolah lebih kurang empat puluh lima minit perjalanan. Perjalananku tenang tiada kesesakan lalu lintas, maka aku sampai dalam jangka waktu yang sesuai menurut hatiku. "Salam dah sampai". Aku mengirim pesanan ringkas buatnya. Lama baru dijawabnya, "Ok tunggu di surau nanti saya datang". Aku baca pesanan ringkasnya. Sekolah ini terlalu besar dan bangunannya terlalu banyak. Jenuh juga aku berjalan menuju ke surau sesekali terpaksa bertanya kepada pelajar di mana arahnya. Oh! Jauh di hujung sana. Mengah aku dibuatnya dengan menyandang beg laptop yang berat serta beg tangan yang agak berat juga. Besar dan cantik surau tersebut. Kelihatan pelajar-pelajar bergegas keluar dari surau menuju ke kelas masing-masing. Mereka baru lepas menunaikan solat zohor dan ada yang mengikuti aktiviti amali di surau tersebut. Aku cari suatu sudut yang sesuai dan membuka *laptop*ku dan meletakkannya di atas meja berbentuk papan rehal yang boleh dilipat.

Agak lama juga aku berada di surau, beberapa muka surat temu bual daripada rakaman telah dapatku taip sejak tadi. Aku menggunakan *headphone* untuk mendengar rakaman tersebut supaya tidak didengari oleh orang lain. "Ya Allah mana ni?, Jadi ke tidak ni?". Aku rasa bagaikan cacing kepanasan gelisah tidak keruan. Aku hantar lagi pesanan ringkas. "Maaf ye, jadi ke?". Tiada jawapan. "Dia lupa ke? Ya Allah berilah aku kekuatan". Keadaan surau amat sunyi. Aku rasa sudah terlalu lama aku menunggu. Rasa amat sedih dan hiba, jiwa pula tersiksa terasa hendak menitikkan air mata tetapi kutahan agar takungan air mataku tidak berderai. Tiba-tiba aku disapa oleh seseorang sahabat lama yang agak rapat semasa di universiti dulu. Rupanya dia menumpang solat di sini, aku tidak perasan. Ada urusan anak katanya. Aku tidak berasa keseorangan lagi. Kami saling bertanya khabar, dia banyak menceritakan kisahnya setelah tamat ijazah pertama dulu. Pensyarah IPG juga sama seperti aku. Apabila tiba giliran aku, air mata aku tidak tertahan lagi. Lantas aku menangis tersedu-sedu dan semahu-mahunya dan menceritakan keadaan aku yang tidak ubah seperti pengemis yang mengemis ehsan orang lain. Temanku ini pun turut menitikkan air mata dan meminta aku bersabar. Dia memujukku agar tabah menghadapi dugaan ini kerana bukanlah senang untuk mendapatkan sesuatu yang berharga. Banyak cabaran yang perlu ditempuhi, semuanya memerlukan ketabahan dan kesabaran yang tinggi. Setelah memberikan kata semangat dan nasihat aku kembali tenang dan amat berterima kasih kepadanya.

Memang kena sabar dan tabah kerana biar periuk hitam berarang tebal seinci, kalau rajin digosok di genyeh di tenyeh lama-lama berkilat juga. Bukan senang hendak meneguk nira kalau tidak ditunggu beberapa purnama. Setelah temanku meminta izin untuk pergi aku masih lagi menunggu di surau. Aku berfikir tidak mengapalah jika tidak berlaku sesi temu bual hari ini. Mungkin tiada rezeki agaknya. Aku meneruskan tugasku menaip temu bual yang telah dirakamkan sehinggalah surau itu kembali dipenuhi dengan pelajar. Aku mendapati pengetua sekolah ini mewajibkan semua warganya turun untuk menunaikan solat Asar. Begitu sesak sekali keadaan ketika itu dan aku beralih ke bahagian yang paling belakang dan mengambil wuduk untuk menyertai solat jemaah bersama mereka.

Sebaik solat aku lihat ada pesanan ringkas di *screen* telefon bimbitku. "Naik ataslah ye pergi ke bilik guru saya tunggu kat sini". "Ya Allah jauhnya nak ke bilik guru". "Sabarlah wahai hati..". Aku pun bergegas menuju ke bilik guru dan cuba berlapang dada walaupun dah mula rasa cuak. Sesekali tergerak di hati ingin pulang sahaja ke rumah dan biarlah aku cari peserta kajian lain yang sudi. Sampai sahaja aku di bilik guru, aku dapati dia semacam rasa bersalah. "Minta maaf ya tadi ada tugas yang perlu saya siapkan dengan segera. Lepas tu ada kelas pulak terlupa nak bagi tau". Aku hanya tersenyum tawar dan mengangguk lemah tiada upaya dan semangat. "*Asif* (maaf) ya sebab tunggu lama di surau saya tadi kalut sangat sampai tidak teringat". Mungkin dia perasan perubahan wajahku. Aku tersedar lantas menjawab, "*Mafi musykilah* (tiada masalah)" jawabku dengan senyuman yang terpaksa, tidak ikhlas dan rasa geram yang membuak. Wahai hati janganlah ada sebarang prasangka yang buruk. Tiba-tiba dia bersuara, "Boleh tak buat rakaman kat sini je? Ada sikit saja lagi masa ni, nanti saya nak



masuk kelas yang lain pulak?”. Aku lihat di dalam bilik guru tersebut sunyi sepi hanya seorang dua sahaja guru yang ada dan masing-masing berada di tempat yang berhadang dengan *partition* hijau separuh bercermin itu. “Ok boleh”. Aku mulakan temu bual yang pertama walaupun hati terasa sebal. Namun lebih kepada mencungkil latar belakang dirinya dan pengalamannya sebagai seorang guru bahasa Arab selama 10 minit sahaja. Masih belum lagi sampai kepada kehendak yang diperlukan untuk kajianku. Cukuplah untuk aku mendapatkan profil peserta kajianku ini.

Aku belum lagi menemu bual perkara yang lebih penting menjurus kepada persoalan kajianku dalam situasi yang kurang sesuai ini. Dia pula semacam gelisah bahkan semacam terpaksa, sebentar lagi hendak ke kelas pula. Sukar untukku meneruskannya buat masa ini. Hati berdetik, “berhentilah jangan diteruskan lagi tunggulah waktu yang sesuai”. Aku rasa aku telah memperoleh satu pengajaran yang amat mengecewakan, iaitu betapa aku gagal membina *rapport*, hati rasa sebak semula, takung matakku berair tunggu untuk menitis sahaja. Nasib sempatku kesat air matakku bimbang dia perasan...nanti, betapa malu dan akan jatuh maruahku yang aku umpamakan sebagai pengemis duka.

Aku merasakan yang dia seolah-olah terpaksa dan kurang senang dengan kehadiranku di sini. Tetapi aku tidak peduli biarlah apa pun tanggapannya terhadapku tapi aku tidak akan sesekali menyerah kalah. Secara teorinya memanglah nampak mudah tetapi hakikatnya cukup sukar untuk diaplikasikan. Aku seolah-olah orang asing yang menyusahkannya. Menunggu berjam-jam, ini sajakah yang aku dapat?. Tidak mengapalah. Biar sedikit daripada tiada langsung. Biarlah lagipun ini adalah sesi permulaan untuk mengenal hati budinya. Sukarnya. Tidak mengapalah, aku mesti bersabar walau apa pun berlaku aku tidak akan berputus harap. Aku tetap mahukan dia sebagai salah seorang peserta kajianku. Tidak tahulah mengapa aku berperasaan begitu. Pantang menyerah, biarlah mengalah kepada Allah aku pasrah. Apaku lihat tadi adalah rasa kejanggalan menghadapi individu seperti itu, sementara dia pula sememangnya masih belum mengenali aku, tiba-tiba ada insan yang bertanya itu dan ini. Aku merasakan seolah-olah menyusahkannya dan merasakan tidak sabar untuk menghimpunkan segala data biar segera berakhir segala penderitaan ini. Rupanya benarlah bukan semudah itu... Sabarlah wahai hati jangan terburu-buru biar tenang supaya nyaman. Itulah yang aku fikirkan. “Allah kan ada, kitakan ada Allah...”, teringat kata-kata suamiku bila aku rasa tertekan. Ya Allah kuatkanlah semangatku dan permudahkanlah urusanku”.

Aku perlu merujuk kepada penyeliaku untuk memohon nasihat dan bimbingan. Aku juga meminta sahabat-sahabat seperjuanganku yang lebih senior agar kongsi pengalaman mereka mengutip data bagi kajian kes seperti aku ini. Pada firasat dan pemerhatianku, aku mendapati dia belum selesai dengan aku atau dia seorang yang sombong. Siapalah aku terhegeh-hegeh bak hidung tak mancung pipi tersorong-sorong. Astaghfirullah kenapa aku terlalu berprasangka sepatutnya aku berbaik sangka dan berfikiran positif. Namun apakan daya aku hanya insan biasa. Janganlah jadikan aku seorang pesimis ya Allah.

Suatu hari, ketika aku bertemu penyeliaku, aku luahkan segalanya hingga tidak sedar air matakku menitis...ya Allah malunya. Mengapa aku jadi terlalu sensitif??... Mudah sangat terasa. Penyeliaku tenang sahaja mendengar bicaraku sambil matanya meneliti beberapa dokumen yang ada di atas mejanya. Penyeliaku lantas bersuara apabila aku mula diam. “*Enti* (awak) jangan cepat mengalah, cuba dulu, kalau boleh masa datang tu bawalah sesuatu sebagai *token*. Bukan apa supaya dia rasa dihargai. Tambahan *enti* pulak buat PhD atau mungkin dia hanya *first degree* je dan boleh jadi berbagai tanggapan terhadap *enti*”. Sambung penyeliaku lagi, “Kadang-kadang mungkin dia rasa rendah diri atau mungkin dia fikir buat apa menyusahkan diri dan mungkin macam-macam lagi yang mungkin difikirkan. Berapa kali dah jumpa?”. “Baru dua kali Dr.”. “Baru sangat tu. Tengoklah kalau dah jumpa kerap kali tapi dia nampak macam tak mahu bagi kerjasama bagi macam-macam alasan, *enti* abaikanlah cuba cari peserta lain nanti buang masa macam tu je”. “Kesanggupan, keikhlasan daripada peserta itu amat penting untuk *enti* mendapatkan maklumat secara mendalam lagi tepu, barulah boleh

dikatakan sebagai *real data*. *Enti* usaha dulu sehingga berjaya membina *rapport*". Lega rasa hatiku bila penyelia mencadangkan begitu.

Aku perlu meminta pandangan sahabatku yang lebih *senior* pula. Apakah pendapatnya?. "Kakak dulu pun macam tu waktu *collect* data di sekolah, buat muka seposen je. Ikut je mana cikgu tu pergi. Lama juga akak berada di sekolah tu. Akhirnya dia kesian kot tengok kakak tak jemu-jemu ikut dan tanya itu dan ini akhirnya nampak keikhlasan dan kesungguhan dia, akhirnya bagi juga kerjasama. Jangan *give up*. Jangan lupa doa kepada Allah supaya dilembutkan hatinya agar dia dapat membantu sampai habis".

Aku mendapatkan seorang lagi sahabat PhD yang kaedah kajiannya sama seperti aku juga. Dia merupakan seorang *senior* yang tidak berapa lama lagi akan membuat pembentangan pementapan tesisnya. "Akak ni buat kaedah *snowball* dalam memilih responden, ada seorang *aunty* ni kebetulan memang baik hati, akak jumpa dia, temu bual dia, kemudian akak minta dia cadangkan kawan-kawan dia yang juga ibu tunggal yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Akak telah berjaya ditemukan dengan seorang demi seorang usahawan wanita yang berjaya. Ikut kaedah *snowball sampling*. Alhamdulillah pada mulanya ada sorang tu pandang serong kat akak ni, maklumlah kajian akak ni berfokus pada ibu tunggal yang menjadi usahawan. Tambahan pula dia sangat berjaya dan bergelar Dato' dan berstatus jutawan pulak. Siapalah akak ni nak menemu bual hamba Allah ni. Tapi Alhamdulillah. Walaupun kena perli macam-macam "buat PhD bukan kaya mana pun, baik buat *business*, tapi akhirnya semua responden tu jadi kawan baik akak sampai sekarang".

Aku mengambil iktibar semua pengalaman mereka sebagai panduan aku menghadapi peserta yang seorang ini. Kini beberapa minggu telah berlalu aku mendapat maklumat yang sekolah tersebut sedang menghadapi peperiksaan pertengahan penggal. Aku memberi tumpuan kepada rakaman temu bual yang telah aku jalankan tempohari. Kuteliti setiap kata yangku dengari daripada pita rakaman itu. Orang yang senegeri denganku rupanya. Pengalaman mengajar lebih 20 tahun. Jurulatih utama Bahasa Arab. Aku berdoa dan cuba memikirkan doa apa yang boleh melembutkan hatinya, ooo doa Nabi Daud baru aku ingat yang mafhumnya lebih kurang begini, "Wahai tuhanku engkau lembutkanlah hati si polan ini sebagaimana Nabi Daud AS melembutkan besi...".

Aku datang kembali ke sekolah itu pun setelah beberapa kali aku mengirimkan pesanan ringkas barulah ada respon, "datanglah hari ni, lepas zohor *free*, jam empat petang ada kelas. Aku bersyukur kepada Allah dan aku rasa lebih lega menghadapi situasi ini. Kali ini kelihatan respondenku ini agak ceria. Lantas menyapa aku dengan lebih mesra. Dia ajak aku ke surau. Aku menuruti sahaja kehendaknya walaupun hatiku berbisik "Aduh kenapa ke surau lagi dahlah jauh". "Maaf ye jauh sikit", semacam memahami apa yang bermain di fikiranku. Dia mengajak aku ke suatu sudut dan mencapai rehal berkaki yang tinggi sesuai untuk meletakkan *laptop*ku. Aku akur sahaja tanpa bersuara. "Ok sekarang bolehlah nak tanya apa-apa. Kalau saya boleh jawab saya jawab. Aku menekan punat pita rakaman dan bertanya pendapatnya berkaitan bilangan dan benda yang dibilang di dalam nahu Arab. Lantas memberi pandangan yang panjang lebar sesuai dengan pengalamannya yang luas sebagai guru Bahasa Arab. Setelah berpuas hati dengan beberapa soalan yang ditanya dia pun meminta diri untuk ke kelas. Dia juga mempelawa aku untuk melihat pengajarannya. Memang tidak diduga kerana dia sudi mempelawa aku untuk terus membuat pemerhatian pengajarannya. Sememangnya dia seorang guru yang cergas dan berhemah. Tegas orangnya dan pengajarannya juga tidak membosankan kerana pelbagai aktiviti telah disediakan untuk pelajarnya. Aku tidak melepaskan peluang merakam pengajarannya yang mengambil masa 2 waktu lebih kurang sejam dua puluh minit. Setelah tamat sesi pengajaran dia mengajak aku ke bilik guru dan aku pula mempelawanya ke kantin tetapi dia menolak kerana berpuasa sunat ketika itu. Aku pun ke mejanya dan bertanya beberapa perkara yang aku lihat semasa sesi pengajaran tadi. Aku merakam semua penjelasannya.



Aku berpuas hati dengan kutipan data pada hari ini... oh ini baru untuk persoalan kajian yang pertama. Masih ada lagi yang perluku cungkil. Aku pun memohon untuk pulang dan akan bertemu lagi untuk memperoleh data yang seterusnya. Semasa bersalaman aku terpancang kotak minuman berisi satu liter air jus buah mangga kelihatan tertulis kalimah Arab “*’asir al-manju*”, perahan mangga asli rupanya dari Arab Saudi. Aku bertanya tentang air kotak berkenaan dia menjelaskan yang suaminya memang wakil Malaysia yang mendapatkan bekalan air kotak berkenaan dan di letakkan di kedainya di Kajang. Teringat apa yang dikatakan oleh penyeliaku lantas aku meminta untuk membeli 4 kotak perahan mangga tersebut. Jelas menunjukkan keseronokan pada wajahnya kerana aku telah melariskan jualan air kotaknya. Katanya hasil jualan ini adalah untuk membantu sekolah tahfiz swasta yang ditadbir oleh suaminya. Aku memaklumkan yang aku memang amat menggemari air mangga tersebut. Sejak itu aku sentiasa memesan berkarton-karton air kotak tersebut yang aku jadikan ole-ole buat peserta kajianku yang lain serta pelajar-pelajar mereka selepas sesi pemerhatian.

Alhamdulillah setelah membuat beberapa kali sesi temu bual dan pemerhatian, lengkaplah sudah data yang aku perlukan sudah mencapai tahap ketepuan bagi keseluruhan dataku. Hubungan kami semakin mesra dan dia sentiasa memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi sehingga selesai kutipan dataku di sini. Aku rasa amat terharu dengan kebaikan dan kerjasama yang telah diberikan. Rupanya inilah yang dikatakan wujudnya *rapport* antara penyelidik dan peserta kajian. Setiap kali tamat sesi temu bual aku terus mendengar dan mentranskripkan rakaman tersebut supaya memudahkan aku menyaring dan menapis apa yang aku perlukan sahaja untuk menjawab persoalan kajianku. Aku juga dapat meneliti mana-mana data yang boleh aku analisis untuk Bab IV aku nanti. Seseekali aku menitik-titik mutiara dari kedua matak kerana rasa terharu betapa sukarnya aku memperoleh data-data tersebut. Semuanya dengan izin Allah dan Rahmat-Nya akhirnya semua data dapat diselesaikan walaupun mengambil masa berbulan-bulan. Setiap yang pahit ada manisnya. Syukur ya Allah.

Kini baru aku mengerti makna membina *rapport*. Membina *rapport* bukan hanya antara pengkaji dan juga peserta kajian bahkan melibatkan satu perhubungan yang harmoni sesama insan. Harmoni membawa maksud tidak menjadikan satu pecanggahan atau ketidaksefahaman sebaliknya mewujudkan keselarasan dan kesaksamaan serta menjauhkan jurang perbezaan. Memang bukan suatu yang mudah untuk membina *rapport* tambahan pula jika kita orang asing yang tidak dikenali. Namun, kesabaran dan ketabahan amat perlu, yang paling penting jauhkan sifat berburuk sangka kerana tidak kenal maka tidak cinta. Aku rasakan pada awalnya aku memang ada perasaan buruk sangka kerana hubungan belum cukup mesra. Perlu sentiasa bersangka baik...

Akhir sekali aku fikir tidak perlu bersusah payah memikirkan istilah ‘*rapport*’ sebaiknya gunakan sahaja istilah ‘silaturrahim’ lebih mudah difahami dan dihayati. Itu pandangan peribadiku terpujanglah bagaimana orang lain mentafsirkannya. Dalam mengharungi kehidupan sebagai hamba Allah di mana jua sentiasalah menghubungkan silaturrahim sesama Islam. PhD... PhD juga, silaturrahim jangan diabaikan. Kenangan itu telah 12 tahun berlalu namun sehingga kini masih segar dalam ingatan. Aku pun telah berjaya mendapat gelaran yang amat didambakan oleh ramai orang yang ingin meningkatkan tahap pengajian mereka. Terima kasih ya Allah...



PhD Satu Anugerah: Rezeki Tak Salah Alamat
Dr. Norliza Nor Hashim
Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Assalamualaikum!. Boleh saya bercakap dengan Pn Norliza. Ya saya bercakap. Pegawai : Saya dari Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya nak bertanya adakah puan dapat maklumat tentang panggilan temu duga untuk Hadiah Latihan Persekutuan. Jawab saya. Maaf saya tak dapat sebarang maklumat. Ooh mungkin puan tak buka e-mel. Kalau puan masih berminat boleh hadir ke Bahagian Tajaan esok. Ketika itu, perasaan ku hanya Allah yang Maha Mengetahui. Permohonan yang telah dibuat beberapa bulan yang lepas, akhirnya terjawab juga. Walaupun tanpa sedar. “rupa-rupanya rezeki memang tak salah alamat”.

Masa yang diperuntukkan untuk persediaanku tidak sampai 24 jam. Oleh sebab aku memang dah ada pengalaman temu duga HLP di peringkat master sebelum ni, taklah rasa gelabah sangat. Cuma perlu susun semula sijil-sijil yang bercampur aduk. Biasalah jika tiada apa-apa kepentingan, apabila dapat jer sijil, kumpul sahaja satu tempat. Namun yang penting biar terkumpul. Alhamdulillah sijil-sijil berjaya disusun dengan kemas. Sekarang fokus untuk proposal pulak. Syukur pada-Mu Ya Allah, kekuatanku untuk proposal ini sebab telah mendapat sokongan dari SV selepas VIVA di peringkat Master. Selebihnya berserah kepada takdir untuk dipermudah urusan temu duga. Keesokan harinya, aku melangkah kaki menuju ke tempat temu duga dengan pelbagai perasaan. Alhamdulillah perjalanan proses temu duga berjalan dengan lancar dan pelbagai persoalan yang dikemukakan oleh panel penemuduga berjaya dipertahankan.

Februari 2014, Alhamdulillah tawaran untuk sambung PhD diterima. Aku telah ditawarkan HLPS tanpa cuti untuk tempoh 5 tahun. Walaupun aku tidak diberikan cuti, namun aku bersyukur ke hadrat-Mu Ya Allah, masih diberikan peluang meneruskan perjuanganku sebagai bakal siswazah PhD. Aku menghubungi SV masterku semula kerana aku telah serasi untuk berurusan dan berkolaboratif dengan beliau. Peringkat awalnya, pegawai di fakulti tempat aku melaporkan diri agak terperanjat apabila melihat surat tawaranku kerana sebelum ini pihak fakulti hanya menerima pelajar sepenuh masa sedangkan surat tawaranku separuh masa. Aku telah diminta untuk membuat surat permohonan untuk kebenaran belajar separuh masa. Rezeki memang tak salah alamat. Permohonanku diterima. Bermulalah perjuangan kembara ilmuku untuk tempoh 5 tahun. Di hati ku telah terpahat keazaman untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang berlaku di peringkat masterku.

Apabila difikirkan semula, memang amat sukar juga keputusan yang kubuat untuk sambung PhD tanpa cuti di kala aku sedang berkhidmat sebagai pensyarah di sebuah IPG di Bandar Baru Bangi. Namun suami, ibu bapa, adik beradik dan kelima-lima orang cahaya mataku terus memberikan sokongan. Kawan-kawan satu jabatan di IPG turut memberi sokongan moral dan semangat. Liza Boleh. Insya-Allah.

Semester pertama Mac 2014, jadualku agak padat kerana di samping bekerja, aku perlu menghadiri kuliah dan tutorial untuk penyelidikan. Melaluinya aku telah diberikan pendedahan untuk persediaan proposal dan penulisan penyelidikan. Awal-awal aku memang dah ada target. Sebaik sahaja tamat kuliah Sem 1 ini, proposal dah *get ready* dan *stand by* untuk pembentangan. Untuk mencapai hasrat ini, aku telah berusaha mencari dan meneroka bahan sumber kajian di samping mengadakan perbincangan dengan SV. Memandangkan aku merupakan pelajar yang belajar sambil bekerja, usaha pertama yang kulakukan adalah memilih tajuk penyelidikan yang berkisar dalam bidang profesionku. Alhamdulillah SV turut memberi sokongan dan idea yang bernas terhadap keputusanku.



Pada pertengahan semester kedua, aku telah berjaya membuat pembentangan proposal di hadapan beberapa orang panel. Proposal ku diterima dengan sedikit penambahbaikan. Tajuk penyelidikanku telah diperaku dan layak meneruskan penulisan. Alhamdulillah. Bermulalah episod perjalanan PhDku dengan satu azam. 5 tahun siap!

Memang tidak dinafikan bekerja sambil belajar amat berat. Tugas di IPG perlu dilaksanakan seperti biasa. Kuliah, tutorial, praktikum, menyemak penyelidikan pelajar, tugas di jabatan dan IPG telah menjadi sebagai rutin tugasku hampir setiap semester. Namun hasrat menyelesaikan kajian tetap tidak dilupakan. Oleh sebab di IPG ada 2 semester yang berbeza untuk satu tahun, maka aku telah menetapkan waktuku untuk mencari bahan dan penulisan adalah penghujung setiap semester kerana interaksi di IPG telah habis, hanya minggu ulang kaji dan peperiksaan, Pada kesempatan inilah proses pencarian bahan, penulisan dan edaran soal selidik dijalankan. Satu perkara konsisten yang kulakukan untuk tempoh 5 tahun ini, iaitu aku akan usahakan untuk menghantar bab-bab yang telah siap pada bulan Disember untuk semakan SV. Alhamdulillah SV amat memahami dan mengerti situasiku. Nasihat beliau yang penting setiap tahun mesti ada perkembangan.

Januari 2020, tesisku berjaya dihantar untuk pemeriksaan. Sebenarnya masa menghantar tesis ni, aku telah didenda kerana terlepas hantar notis 3 bulan, sebab asalnya takut tak siap. Denda dibayar dan selebihnya kubersekerah kepada takdir Allah agar segala urusan ku dipermudah. Ikut kata pegawai di pusat siswazah, jangkaan VIVA dalam tempoh 1 hingga 3 bulan. Aku terus menunggu hingga berlakulah sesuatu yang di luar jangkaan. Kerajaan mengumumkan PKP. Aku masih tertanya-tanya dalam diri, bagaimana ye jika aku dipanggil VIVA dalam waktu ini. Takdir penentu segalanya. Saat yang kutunggu-tunggu telah pun tiba. Pada penghujung bulan April 2020 dan ketika itu bulan Ramadan, aku telah dihubungi oleh pegawai di pusat siswazah. Tahniah puan, tarikh VIVA puan pada 7 Mei 2020 secara dalam talian. Walaupun itulah saat yang ditunggu-tunggu namun debaran di hati tetap terasa, pelbagai perasaan mula bermain di mindaku. Aku mula membuka semula tesis yang telah agak lama kutinggalkan. Helaian demi helaian kubuka untuk mendapatkan idea persembahan untuk PPT. Alhamdulillah suamiku yang agak kreatif dalam bidang IT turut membantu dalam penghasilan PPT yang lengkap, mantap dan bermutu.

Pagi 7 Mei 2020, Debaran makin terasa. Oleh sebab VIVA secara *online*, persediaan tempat perlu diutamakan. Kebetulan sehari sebelum VIVA ada sesi percubaan dibuat oleh pihak fakulti untuk memastikan kelancaran pada hari kejadian. Nampaklah sedikit gambaran proses perjalanan VIVA. Esoknya, setengah jam sebelum panel penilai masuk, link telah diberikan. Ketika ini ada dua debaran yang dapat kurasakan pertama perjalanan proses pembentangan, kedua ditakuti adalah masalah talian internet. Hanya penyerahan pada-Mu Ya Allah yang Maha Berkehendak.

Alhamdulillah, sesi pembentanganku berjalan dengan penuh tenang dan harmoni. Rupa-rupanya apabila dah mula bercakap, hilang rasa gementar. Slaid yang tersusun kemas menjadikan aku *confident* untuk bercakap. Terima kasih tidak terhingga buat suamiku. Pembentangan selama 20 minit seperti tidak terasa masa yang berlalu. Sesi soal jawab berjalan hampir 40 minit. Walaupun soalan-soalan dikemukakan secara bertubi-tubi oleh panel penilai luar dan dalam, alhamdulillah semua persoalan yang dikemukakan berjaya dipertahankan dan dibuktikan. Setelah tamat sesi soal jawab, aku diminta keluar sebentar untuk memberi laluan kepada panel membuat perbincangan. Lima minit kemudian aku telah dijemput masuk semula untuk mendengar keputusan. Aduh berdebarnya. Tahniah. Puan telah lulus VIVA dengan jaya.

Sebenarnya satu peristiwa telah berlaku di rumahku semasa sesi VIVA sedang berjalan. Tetapi suami dan anak-anaknya merahsiakannya dahulu. Rupa-rupanya pada masa yang sama aku sedang bertarung dengan VIVA, kucingku telah selamat melahirkan 4 ekor anaknya. Aku telah mendapat dua rezeki dalam hari dan waktu yang sama, iaitu lulus VIVA

dengan cemerlang dan mendapat 4 ekor anak kucing yang comel. Inilah yang dikatakan rezeki tak salah alamat.

Petua, Rahsia dan Amalan sebuah kejayaan

1. Niat yang betul dan Istiqamah

Niat yang betul dan ikhlas dalam menuntut ilmu akan mewujudkan rasa kesungguhan dan memberikan nilai-nilai positif seperti, kuat semangat, sabar dan tidak mudah putus asa dalam menghadapi cabaran dan sentiasa istiqamah. Orang yang istiqamah akan mempunyai disiplin diri yang tinggi dan menyumbang kepada faktor yang penting dalam mencapai kejayaan. Allah SWT telah memerintahkan RasulNya agar beristiqamah dalam menyampaikan dakwah sebagaimana firmanNya dalam Surah As Syura ayat 15 yang bermaksud "Maka serulah (mereka kepada agama Allah) dan tetaplah (Istiqamah) sebagaimana yang diperintahkan kepadamu"

2. Komitmen diri dan wujudkan *team player*

Apa jua falsafah dan ilmu yang dipelajari tidak akan membantu mencapai apa-apa yang kita inginkan sekiranya kita tiada komitmen untuk menjayakannya. Ibarat falsafah dari Mary Crowley, "Seorang yang mempunyai komitmen menyamai 100 orang yang hanya sekadar minat sahaja". Bina asas yang kukuh bermula dari diri sendiri amat penting iaitu, kejujuran, karakter diri, integriti, keyakinan terhadap apa yang ingin dilakukan. *Team player* amat penting. Mewujudkan "team player" dalam kalangan kawan-kawan seangkatan dalam PhD dan rakan satu jabatan amat penting untuk saling sokong menyokong dalam perjuangan. Setiap individu yang berjaya pasti menyatakan bahawa kunci kejayaan adalah dengan membantu orang lain untuk berjaya. Kita perlu membina kesanggupan dan keikhlasan diri membantu insan lain ikut kemampuan.

3. Pastikan diri kita layak untuk mencapai impian

Kita perlu ada impian untuk berjaya. Mencatat segala hasrat dan matlamat impian dalam jurnal perjalanan PhDku, Di dalamnya juga tercatat setiap progres yang dijalankan dan tercapai. Catatan ini banyak membantu kita membina keyakinan diri untuk mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih besar pada masa mendatang. Kita juga perlu memberitahu kepada orang lain tentang matlamat impian kita terutama mereka yang hampir dengan kita dan rakan-rakan supaya ada orang yang akan mengingatkan di kala kita alpa atau tersasar masa. Mereka inilah yang akan memberi galakan dan tidak kurang juga mencabar terhadap apa-apa yang ingin anda capai, namun kita anggap perkara tersebut satu persaingan sihat buat diri kita untuk berjaya.

4. Doa, sabar dan tawakal

Doa merupakan harapan dan manifestasi kebergantungan seseorang individu dengan Allah SWT. Sebagai pelajar, berdoa perlu dijadikan sebagai amalan bagi memperoleh keberkatan, ilmu yang bermanfaat, ketenangan, kemudahan serta kefahaman yang baik dan dijauhkan daripada sifat lupa. Sabar juga sangat menyumbang untuk sebuah kejayaan. Dalam Surah AzZumar Ayat 10 yang bermaksud "Sesungguhnya hanya orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batasan" dan surah Al Anfaal ayat 46 yang bermaksud "Bersabarlah kerana Allah bersama orang yang bersabar". Sesungguhnya Allah bersama dengan orang berusaha dengan sabar. Tawakal dan penyerahan kepada Allah akan menjadikan kita tenang dalam menghadapi dugaan, cabaran, lebih tabah dan kental mengharungi ujian yang mendatang. Firman Allah dalam surah Al Maidah ayat 23 yang bermaksud "Hendaklah kamu bertawakal kepada Allah sekiranya kamu orang yang beriman", dan surah Ali Imran ayat 159 yang bermaksud "Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal kepada Nya



5. Menjaga kesehatan dan komitmen kepada masa

Setiap usaha dengan perancangan yang rapi tanpa membazirkan masa satu jaminan untuk mengecapi sesuatu kejayaan. Firman Allah SWT dalam surah al Asr ayat 1-3 yang bermaksud "Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amalan soleh, dan nasihat menasihati dalam perkara kebenaran dan nasihat menasihati dalam kesabaran "

Menjaga kesehatan mental dan fizikal sangat penting kepada seseorang Tanpa kesihatan fizikal dan mental, kejayaan tidak akan dapat dicapai .Pepatah mengatakan "akal yang cerdas datangnya daripada badan yang sihat." Ibadat dalam Islam seperti solat, puasa dan menunaikan haji dan umrah merupakan satu bentuk riadah untuk kesihatan jasmani dan rohani. Setiap kejayaan akan dirasai kemanisannya jika ada cabaran. Namun yang penting usaha, doa dan tawakal untuk melepasi segala halangan dan cabaran dalam mendaki tangga kejayaan yang diinginkan.



Aku dan PhD
Dr. Ismail Said
Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis

Asalnya tidak timbul keinginan untuk menyambung pelajar sehingga ke peringkat Doktor Falsafah atau PhD. Aku hanya ingin menamatkan pengajian Ijazah Pertamaku di Universiti Malaya dalam bidang Sejarah dan Geografi serta Diploma Pendidikan di universiti yang sama dengan jayanya. Kepala otakku hanya memikirkan kerja, nak kerja, nak pegang duit. Posting mana selepas tamat Diploma Pendidikan ini? Akhirnya SMK Taman Desa (1), Jalan Klang Lama kujejaki kaki buat pertama kalinya pada 2 Mei 1995 sebagai guru DGA dengan gaji permulaan RM1270. Jiwaku memberontak, sudahlah belajar di UM 5 tahun dan *posting* pun di kawasan yang sama. Akhirnya hujung tahun 1995 berhijrahlah aku ke SMK Seri Ampang, Ipoh. Tempat baharu semangat kerja pun baharu. Sekolah baharu, kami warga SMKSA bangunkan bersama-sama.

Dalam pada itu, ketika berkursus atau bermesyuarat sering kali aku bertemu rakan-rakan guru yang sambung belajar Ijazah Kedua di USM, UKM, UM dan beberapa universiti yang lain. Berminat pula aku untuk belajar apabila rakan-rakan guru ini menceritakan keseronokan belajar, kata mereka "*back to university*". Apa lagi aku pun mohonlah masuk UKM. Mulanya secara *part time*. Kemudian cuba-cuba mohon biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Aku berjaya. Alhamdulillah, Segala Pujian Untuk-Nya, Allahu Akbar, Allah Maha Besar. Dua tahun (sebetulnya, biasiswa aku hanya ambil setahun saja) pengajian Sarjana kulalui sebagai pelajar UKM. Allah memudahkan laluan..Alhamdulillah pada 2002 aku berjaya menamatkan pengajian Sarjana dalam bidang Sejarah.

Tamat pengajian Sarjana, aku mohon masuk Maktab Perguruan. Alhamdulillah ditempatkan di Maktab Perguruan Perlis (sekarang IPG Kampus Perlis). Keseronokan mengajar di maktab perguruan tidak mematahkan semangat untuk aku terus belajar. "aku telah habis Sarjana, tinggal satu *level* je lagi untuk aku ada Dr". Keinginan untuk menyambung pengajian kembali melonjak. Mulanya aku daftar sebagai calon separuh masa (*part time*) PhD USM pada bulan Disember 2005 (rasanya 16 Dis 2005) dan diterima secara rasminya sebagai pelajar PhD USM Januari 2006. Kekangan kerja menyebabkan satu semester berlalu begitu sahaja. "Tak boleh jadi macam ni, aku harus mohon biasiswa". Sekali lagi aku mohon HLP. Alhamdulillah, syukur kepada Allah, aku berjaya sekali lagi dapat HLP. Bermulalah diari kehidupan sebagai mahasiswa PhD USM mulai Januari 2006.

Semasa mendaftar sebagai calon PhD di Pusat Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), aku masih ingin aku tidak memilih Penyelia, aku serah sepenuhnya kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) untuk menentukan. Bidang kajianku berkaitan Sejarah Politik, pihak IPS letakkan aku di bawah penyelia Profesor Madya Dr. Mohd Isa. Alhamdulillah, syukur kepada Allah, Dr. Mohd Isa, orang Langgar, Kedah. Selalu ke Pejabatnya MIR di Mergong. Allah memudahkan perjalanan PhDku. Sering kali aku datang berbincang dengan Dr. Mohd Isa di pejabatnya di Mergong ini.

Bohonglah jika aku katakan sepanjang pengajian PhD ini tiada ranjau sebelum menggenggam segulung ijazah PhD. Tetapi keperitan dan kesusahan itu sangat indah untuk dikenangkan apabila kita berjaya mencapai apa-apa yang kita inginkan. Oleh sebab kajian Sejarah ini banyak melibatkan kajian dokumen yang boleh diperoleh di institusi sumber Sejarah seperti Arkib Negara, Perpustakaan universiti, arkib Dewan Undangan Negeri dan orang sumber. Mengkaji benda yang lama dan orang yang telah mati, memerlukan penelitian dokumen yang sahih di institusi yang dinyatakan di atas. Kesusahan mendapat sumber primer merupakan antara halangan utama yang terpaksa ku tempuhi. Aku masih ingat ketika viva yang dipengerusikan oleh Datuk Salleh Yaafar, ahli dalam kalangan Pensyarah-pensyarah Kanan



bidang Sejarah dan Sains Politik dari Pusat Ilmu Kemanusiaan dan PJJ. Laporan yang dibaca oleh Pengerusi, Pemeriksa Luar menyatakan, aku tertinggal dokumen penting berkaitan krisis di Terengganu dalam tempoh kajianku. Disebut bahawa aku boleh mendapatkan dokumen tersebut. Aku terdiam kaku dan mengakui kekurangan dokumen tersebut. Seperkara lagi berkaitan sumber ini, aku dapati organisasi yang aku kaji ini dari segi penyimpanan dokumen kurang efektif, tiada perpustakaan organisasi, dokumen berada dalam simpanan individu tertentu. Begitu juga sukar untuk mendapat Orang Sumber yang boleh mengisahkan kebenaran sesuatu peristiwa. Namun begitu, aku sangat-sangat bersyukur Alhamdulillah aku berkesempatan menemu bual Tuan Haji Mahmud, pejuang kemerdekaan seangkatan Dr. Burhanudin al-Helmi di rumahnya di Jejawi, Perlis. Seminggu selepas aku menemu bual, tuan hj meninggal dunia (dibaca al-Fatihah untuknya). Orang lain, aku tidak tahu tetapi untuk menelaah dokumen di Arkib Negara Malaysia Jalan Duta, aku naik bas dari Kangar pada sebelah malamnya terus ke Hentian Duta, paginya aku mandi dan solat Subuh di Masjid Wilayah Persekutuan. Jam 9.00 pagi aku ke ANM dan “bertapa’ di sana sehingga tutup, malamnya ambil bas balik ke Kangar. Minggu berikutnya aku datang lagi. Begitulah seterusnya hingga tamat pengajiaku.

Aku bertemu dengan pensyarah-pensyarah yang baik hati dan banyak membantu, rakan-rakan sepengajian yang sering membantu merupakan antara motivasi untuk terus belajar hingga tamat. Aku bersyukur bertemu dengan kakak yang menjaga Perpustakaan Jabatan Sejarah, UKM. Beliau banyak membantu aku untuk mendapat sumber terutamanya tesis yang disimpan disana. Begitu juga staf-staf ANM, Kuala Lumpur, ANM Alor Setar, ANM Ipoh, ANM Kuala Terengganu yang cukup *sporting*, membantu dan memudahkan aku sebagai penyelidik semasa berurusan di ANM.

Perjalanan PhD, dengan tawaran Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) selama tiga tahun (aku hanya mengambil 26 bulan sahaja setelah berjaya melengkapkan kajian). Kajian yang telah lengkap dihantar ke IPS untuk viva. Menunggu tarikh untuk viva cukuplah lama. Sabar terus menunggu, rasanya lebih 6 bulan juga baru viva. Sesi viva saat yang menggerunkan, takut, risau dan macam-macam perasaan lagi. Alhamdulillah aku lulus dengan tempoh pembaikan diberi setahun. “aku mesti siap cepat, tak perlu tunggu setahun” itu azam aku. Segala komen dan teguran aku baiki. Sumber yang kurang, aku usaha dapatkan. Alhamdulillah selesai, setelah diperaku oleh Penilai Dalaman. Kini aku menunggu untuk konvokesyen.

Tarikh keramat Ogos 2008 aku bergelar Dr. Ismail bin Said setelah menerima skrol Ijazah PhD daripada DYMM Raja Perlis sebagai Canselor USM.



Melunasi Amanah
Dr. Mohd. Hanapiah Khamis
Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya saya telah menemui titik penulisan penyelidikan PhD dalam tempoh 2 tahun 10 bulan. Alangkah gembira apabila mendapat izin dan restu daripada penyelia utama dan penyelia kedua kerana tesis saya boleh dicetak lima salinan untuk dihantar ke Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk disemak dan dibaca oleh pemeriksa dalaman dan pemeriksa luar. Sebagai pelajar separuh masa dan kos pengajian ditanggung sendiri, saya amat bersyukur kehadiran Ilahi kerana dipermudah segala urusan dan mampu menyiapkan tesis saya dalam tempoh kurang dari tiga tahun.

Travelog saya sebagai pelajar PhD bermula apabila saya mula mendaftar di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan Universiti Pendidikan Sultan Idris pada bulan Oktober 2015. Ketika itu, saya sebagai pensyarah akademik di Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan IPGK Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Cabaran mula dirasai pada semester satu apabila hampir setiap minggu terpaksa berulang alik dari Muar ke Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk menghadiri kuliah Kaedah Penyelidikan. Kepenatan mula terasa disebabkan jarak perjalanan yang jauh serta beban tugas sebagai pensyarah di IPG yang semakin bertambah. Hanya berkat doa daripada ibu, ayah dan keluarga menjadi semangat untuk terus berjuang dalam menghadapi segala rintangan dan cabaran bagi menimba ilmu. Amanah yang diberikan oleh ibu dan ayah wajib dilunasi sebagai bukti anak jantan seperti peribahasa Melayu "Pantang patah di tengah".

Pada tahun 2016 saya mencuba nasib memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dengan harapan untuk mendapatkan biasiswa dan cuti agar saya dapat memberi fokus yang lebih baik terhadap pengajian sekaligus tidak mengganggu tugas sebagai pensyarah. Namun, rezeki tidak menyebelahi saya apabila keputusan permohonan tersebut ialah gagal. Perasaan kecewa mula menyelubungi diri saya, namun perjuangan tetap diteruskan dan saya bertekad untuk menggalas amanah tersebut sehingga ke titik akhir walaupun terpaksa menghadapi perjalanan yang penuh dengan dugaan. Saya percaya bahawa setiap sesuatu yang terjadi sudah pasti mempunyai hikmah disebaliknya, sesungguhnya inilah yang dinamakan liku dan cabaran perjalanan PhD.

Bersyukur ke hadrat Allah saya telah diselia oleh dua orang pensyarah, iaitu Prof. Madya Dr. Azali bin Rahmat selaku penyelia pertama dan Prof. Madya Dr. Norkhalid bin Salimin sebagai penyelia kedua. Beliau merupakan pakar dalam bidang kurikulum Pendidikan Jasmani khususnya pembangunan instrumen pentaksiran. Saya sangat bertuah kerana mereka sentiasa meluangkan masa, memberi sokongan, tunjuk ajar dan nasihat yang berguna sepanjang saya membuat penyelidikan. Oleh sebab saya merupakan pelajar separuh masa dan hanya dapat bertemu beliau pada hujung minggu namun beliau sentiasa memberikan komitmen yang sangat tinggi kepada saya di kala saya memerlukan bantuan serta sumber rujukan. Beliau sangat memahami saya sebagai pelajar separuh masa dan sentiasa mengingatkan saya supaya tabah dalam menghadapi cabaran PhD. Saya sedar bahawa mereka berdua ini merupakan hikmah dan hadiah untuk saya sebagai pengganti kepada kekecewaan saya semasa ingin mendapatkan HLP dari Kementerian Pelajaran Malaysia. Alhamdulillah doa dan permohonan saya telah dimakbulkan oleh Allah.

Langit tidak selalu cerah, dugaan besar yang saya tempuhi apabila bonda tercinta pergi menghadap Ilahi pada tahun 2016. Lebih mendukacitakan lagi apabila ayahanda saya turut dijemput Ilahi pada tahun 2017, iaitu setahun selepas itu. Pemergian mereka menyebabkan



hilangnya doa mustajab daripada ibu dan ayah yang sebelum ini sentiasa mengiringi saya dalam setiap perjuangan. Saya hilang semangat kerana terlalu sedih dan ingin berhenti pengajian. Amanah yang diberikan oleh ibu dan ayah menjadi pembakar semangat untuk saya meneruskan pengajian kerana merupakan amanah yang perlu dilunasi oleh saya. Saya tidak menoleh ke belakang dan beristiqamah serta bertawakal kepada Allah agar segala urusan dipermudah.

Berbekalkan amanah yang dipikul, saya telah berusaha dengan gigih bagi memastikan cita-cita saya untuk menggenggam segulung sijil PhD tercapai. Sepanjang tempoh pengajian, saya telah memastikan setiap hari sekurang-kurangnya dua jam masa diperuntukkan untuk saya menulis dan membuat proses-proses penyelidikan. Walaupun sibuk dengan tugas di IPG namun setiap hari saya akan menulis sekurang-kurangnya satu perenggan. Saya sangat komited dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pelajar separuh masa. Melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi bukannya semudah yang disangka. Banyak pengorbanan yang terpaksa saya lakukan bagi menampung kos yuran pengajian. Saya dengan rasa sedih terpaksa menjual motosikal berkuasa tinggi bagi mendapatkan duit untuk membayar yuran pengajian. Pengorbanan ini terpaksa saya lakukan walaupun motosikal tersebut merupakan harta kesayangan saya. Saya sentiasa memastikan proses pengajian saya tidak terganggu dengan perkara-perkara yang boleh mengganggu proses pengajian saya. Pada masa yang sama saya tetap melaksanakan tanggungjawab dan mengutamakan kebajikan keluarga.

Alhamdulillah semua urusan dapat dilaksanakan dengan mudah dan lancar, bermula dengan urusan memohon kebenaran untuk melaksanakan kajian di Bahagian Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Muar dan termasuk urusan dengan pihak sekolah rendah dalam daerah Muar. Proses memungut data juga dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang dijadualkan. Guru-guru dan murid sekolah yang merupakan peserta kajian sentiasa membantu dan memberi komitmen yang baik sepanjang proses pemungutan data kajian. Dalam masa tiga bulan saya telah selesai proses memungut, mengisi dan memproses data mengikut persoalan kajian yang telah ditetapkan. Saya amat bersyukur kerana segala urusan sentiasa dipermudah oleh Allah.

Semua peringkat pembentangan, iaitu pembentangan proposal kajian, pembentangan dapatan kajian, sesi viva dan pembetulan akhir telah berjaya saya tempuhi dan laksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Institut Pengajian Siswazah. Saya rasa amat bangga dan gembira apabila penyelia utama dan penyelia kedua turut hadir memberi sokongan moral semasa sesi viva. Beliau juga memberikan kata-kata motivasi supaya saya tenang dan yakin semasa sesi viva. Pesannya kepada saya supaya bertawakal, berdoa serta berusaha dan Allah akan perkenankan apa-apa yang saya dihajati.

Sesi viva secara bersemuka telah ditetapkan pada hari Jumaat jam 9.00 pagi dan dihadiri oleh tiga orang panel, iaitu dua orang Profesor sebagai pemeriksa luar dan seorang Prof. Madya sebagai pemeriksa dalaman. Turut hadir pada sesi viva ialah seorang wakil fakulti dan seorang pengerusi mesyuarat yang dilantik oleh IPS. Selama dua jam sesi soal jawab berlangsung dan saya berjuang mempertahankan kajian dengan pelbagai hujah bagi menyokong kajian yang telah saya jalankan. Setelah selesai sesi soal jawab saya diminta pengerusi mesyuarat untuk keluar dari bilik viva bagi memberi laluan untuk ahli panel bermesyuarat dan membuat keputusan viva. Lebih kurang 20 minit nama saya dipanggil untuk masuk semula ke dalam bilik mesyuarat untuk mendengar keputusan viva. Pengerusi mesyuarat dengan rasminya mengumumkan bahawa saya lulus dengan pembetulan kecil dan diberi tempoh selama tiga bulan untuk membuat pembetulan terhadap komen dan cadangan daripada panel pemeriksa. Segala pembetulan dan tesis hanya disahkan oleh penyelia utama sahaja. Tanpa saya sedari air mata saya mengalir apabila mendengar pengumuman daripada pengerusi mesyuarat. Saya umpama bermimpi bahawa saya telah berjaya menamatkan pengajian PhD dalam masa lebih kurang tiga tahun. Penyelia utama dan penyelia kedua tersenyum gembira serta memeluk dan mengucapkan tahniah atas kejayaan saya dalam

menamatkan pengajian PhD. Setelah semuanya selesai saya bertolak pulang ke Muar dengan perasaan yang sangat gembira dan ingin berkongsi kegembiraan bersama isteri dan anak-anak. Sebelum sampai ke rumah, saya singgah ke pusara ayahanda dan bonda untuk memberitahu anak bongsunya telah berjaya menamatkan pengajian PhD walaupun saya tahu apa jua yang saya ucapkan tidak didengari oleh beliau. Saya dapat membayangkan betapa gembiranya ayahanda dan bonda sekiranya mereka ada pada saat ini. Tapi apakan daya, semuanya telah ditentukan oleh Allah yang Maha Kuasa, kita hanya mampu merancang hanya Allah yang menentukan.

Akhirnya hari yang ditunggu-tunggu oleh saya telah pun tiba, Majlis Konvokesyen UPSI ke-21 telah diadakan pada 19 November 2021 di Dewan Tuanku Canselor UPSI. Majlis tersebut dilaksanakan dengan penuh istiadat dan meriah serta terdapat pelbagai aktiviti, ini kerana virus Covid-19 belum menyerang negara Malaysia. Saya juga bersyukur kerana telah diberikan dua kad jemputan untuk masuk ke dalam dewan konvokesyen tersebut. Seramai enam orang ahli keluarga saya dapat masuk ke dalam Dewan Tuanku Canselor UPSI bagi menyaksikan majlis yang penuh bermakna untuk saya. Sijil PhD saya telah disampaikan oleh DYMM Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim. Kegembiraan saya bertambah apabila saya juga telah dikurniakan sijil penghargaan dan pegiktirafan *Graduate On Time* (GOT) walaupun tidak pernah saya terfikir untuk mendapatkannya.

Perjuangan PhD ini tidak mudah dan tidak juga sukar tetapi penuh dengan cabaran serta dugaan. Syukur kepada Allah kerana telah memudahkan urusan saya dalam pengajian PhD. Walaupun ayahanda dan bonda telah dijemput Ilahi semasa saya dalam pengajian dan tidak dapat melihat kejayaan anak bongsunya namun saya bersyukur dapat merealisasikan dan melunasi amanah mereka untuk melihat anaknya berjaya menamatkan PhD. Berkat doa mereka, akhirnya saya berjaya menggenggam segulung PhD. Anugerah PhD yang saya perolehi merupakan rezeki dan hadiah daripada Allah SWT untuk saya sebagai tetamu senja di muka bumi ini. Terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Azali bin Rahmat selaku penyelia pertama dan Prof. Madya Dr. Norkhalid bin Salimin sebagai penyelia kedua atas bimbingan dan insan yang bertanggungjawab atas kejayaan saya. Terima kasih juga isteri dan anak-anak kerana sentiasa menemani perjuangan saya dalam menerokai rimba ilmu yang luas ini. Akhir kata semoga kejayaan ini menjadi ikutan kepada anak-anak saya, ahli keluarga dan rakan-rakan lain. Amin.

#MelunasiAmanah

#TopiBurgerIsComplete

#GOT



“Zero” to “Hero”: Persiapkan Mental, Fizikal Dan Emosimu Demi Kembara Menuju PhD

Dr. Rosmawati Mohamed

Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan

Tidak pernah terlintas dalam benak fikiran ini bahawa akhirnya saya berjaya menggenggam ijazah doktor falsafah pendidikan matematik. Pencarian ilmu yang menggerunkan bermula semasa ijazah sarjana. Menjadi pelajar separuh masa, menggunakan wang sendiri, terpaksa berulang-alik dari Raub ke Universiti Malaya, ilmu ‘zero’ tentang penyelidikan, aduhai bukannya mudah. Saya ulang bukan mudah. Saya yakin susuk ini bukanlah individu tunggal yang belajar sambil bekerja, saya mendengar ramai rakan yang bukan dari perkhidmatan awam sangat ‘struggle’ untuk belajar, mungkin mereka lebih fokus kepada keperluan untuk naik gaji jika mempunyai ijazah sarjana atau doktor falsafah. Bagi seorang guru dalam perkhidmatan awam seperti saya, menyambung pengajian lebih kepada kepuasan diri, keinginan mengisi masa dengan sesuatu yang bermanfaat serta keluar dari zon selesa.

Hakikatnya, kembara menuju PhD saya bukanlah bermula selepas mendaftar sebagai pelajar PhD Pendidikan Matematik di Universiti Sains Malaysia, tetapi lebih awal daripada itu. Paling banyak memberikan impak dan nilai tambah adalah selepas saya menjadi pelajar ijazah sarjana Pendidikan Sains dengan Teknologi, Komunikasi dan Maklumat (ICT) di Universiti Malaya. Hal ini dikatakan demikian kerana menjadi pelajar mod campuran yang mensyaratkan menghadiri kelas dan menyiapkan disertasi betul-betul menguji kekentalan mental, fizikal dan emosi saya. Justeru, pengalaman dilalui semasa pengajian sarjana berbeza dengan pengalaman PhD saya, akan dikongsikan dalam tiga persoalan ini:

Wang sendiri atau biasiswa HLP?

Pada mulanya saya belajar peringkat sarjana menggunakan wang sendiri, kemudian selepas setahun rakan-rakan mewar-warkan terdapat tawaran “one-off” daripada KPM untuk mendapat yuran pengajian sahaja bagi pelajar yang melanjutkan pengajian separuh masa di peringkat sarjana atau PhD. Dalam tempoh yang agak singkat, seingat saya seminggu sahaja saya dan rakan-rakan menyediakan dokumen yang setebal satu inci dan ditandatangani pengetua. Kebetulan perlu berkursus di Kuantan, saya terus mengeposkan segala dokumen yang dikehendaki dari pejabat pos bandaraya Kuantan. Saya ingin menegaskan di sini, dua perkara, iaitu peranan rakan-rakan dan keperluan untuk menyelesaikan tugas atau masalah walau di mana-mana sahaja kita berada. Saya bersyukur dihadirkan seorang rakan yang sangat memberi galakan, motivasi dan bimbingan kepada saya secara tersirat mahupun tersurat. Jangan tidak percaya, saya seorang guru Matematik mengambil bidang sains dengan ICT kerana rakan saya yang telah mendaftar lebih awal satu semester daripada saya mengambil bidang yang sama kerana beliau seorang guru sains. Semasa ijazah sarjana muda dahulu, saya mengambil minor Kimia, jadi bidang sains bukanlah sesuatu yang asing bagi diri ini. Matematik dan Sains semestinya bidang yang berbeza, namun mempunyai perkaitan yang rapat. Jika tidak tiadalah istilah STEM, STEAM atau STREAM. Memandangkan minat yang mendalam terhadap pendidikan Matematik, pemilihan tajuk disertasi, saya kaitkan dengan penggunaan kalkulator grafik dengan matematik.

Semasa pengajian sarjana inilah saya belajar kepentingan interaksi sosial dan rakan yang lebih berilmu sebagai perancah atau pembimbing yang penting. Inilah elemen utama dalam Teori Konstruktivisme Sosial. Teori ini menyedarkan saya tentang kepentingan konsep musyawarah dalam Islam. Syawara adalah terma Arab yang merujuk *negotiation*, konsultasi atau mengajukan sesuatu perkara, maklumat atau idea. Konsep ini penting dalam merungkaikan sebarang penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Perkara ini mengubah persepsi saya tentang personaliti introvert dan ekstrovert. Jika sebelum menyambung



pengajian sarjana, personaliti introvert amat ketara dalam diri, namun setelah ilmu ini saya fahami dan hayati, saya cuba menyesuaikan kedua-dua sisi ini mengikut konteks semasa.

Tidak terlintas untuk menyambung pengajian ke peringkat PhD kerana pengajian sarjana selama lima tahun bukannya singkat. Dari tahun 2011 hingga 2016 pengajian sarjana, banyak pengalaman suka dan duka berlaku. Antara yang paling mendukacitakan ialah saya kehilangan ayahanda tercinta pada tahun 2014. Namun, ada yang suka. Tahun 2013, saya selamat diijabkabulkan dengan seorang insan, sahabat dan rakan yang sentiasa ada waktu suka dan duka. Semestinya, pengajian PhD dirasakan lebih sempurna. Ya, saya akui ada juga ranjau dan duri namun tidak serencam pengajian sarjana. Pengalaman pengajian sarjana telah menyiapkan diri saya dengan kekuatan mental, fizikal dan emosi untuk pengajian PhD. Belajar PhD dalam keadaan kewangan yang mencukupi memberikan satu kepuasan emosi. Apa tidaknya, mendapat biasiswa lagi, gaji pun dapat. Syukur ke hadrat Illahi dan terima kasih KPM kerana menghadihkan saya HLP yang tidak mungkin peluang ini saya sia-siakan. Saya akui peranan pasangan yang memberikan sokongan dan motivasi sangat mempengaruhi kelancaran perjalanan kembara PhD saya dan mungkin juga rakan-rakan. Inilah perancah penting dalam pengajian PhD saya jika dikaitkan dengan Teori Konstruktivisme Sosial. Keputusan melanjutkan pengajian ke peringkat PhD lebih kepada desakan untuk menyelesaikan satu masalah yang sepuluh tahun dihadapi, iaitu keinginan untuk bertukar mengajar di Terengganu negeri kelahiran saya. Tambahan pula saya dan suami adalah pasangan PJJ. Setelah pelbagai alternatif dicuba dan masih tidak berjaya akhirnya keputusan ini saya terpaksa pilih setelah didesak dan disokong pasangan, walaupun pengakhirannya yang kabur dan amat bergantung kepada perancangan dan usaha sendiri selepas itu. Semestinya Allah SWT adalah pemilik segala perancangan kita. Justeru, saya dapat simpulkan dua perkara iaitu, peringkat PhD perlukan masa dan sokongan orang di sekeliling terutama figura yang paling rapat dengan kita selain rakan-rakan. Justeru, mohonlah cuti belajar dan biasiswa supaya pengajian kita lancar dan diri kita dapat dijaga dari aspek kesihatan mental, fizikal dan emosi. Bukan sahaja kajian PhD yang perlukan tumpuan anda, tetapi juga diri sendiri dan keluarga juga perlukan perhatian kita.

Dekat atau jauh dari rumah?

Sebelum ini saya menceritakan tentang antara sebab utama saya menyambung pengajian PhD adalah kerana ingin bertukar tempat mengajar dan bekerja dekat dengan keluarga. Apabila saya mendapat tawaran HLP, perkara utama yang difikirkan adalah pemilihan universiti. Tetapi kenapa saya memilih USM di Pulau Pinang bukannya UNISZA, UMK atau UMT yang jaraknya tidak memerlukan tempoh berjam-jam lamanya untuk sampai dari lokasi rumah? Waktu ini keputusan yang tepat perlu dibuat dan niat perlu diperbetul. Sejujurnya pemilihan USM didasari 3 perkara iaitu; 1) keperluan bidang pendidikan Matematik yang setara dengan bidang yang disyaratkan dalam perjanjian HLP, KPM, 2) kepakaran supervisor (SV) dipilih dalam Pendidikan Matematik di USM, dan 3) persekitaran pembelajaran yang rutin.

Pertama, keperluan bidang pendidikan Matematik yang setara dengan bidang yang disyaratkan dalam perjanjian HLP, KPM adalah sangat penting. Semasa kami diberikan kursus persediaan HLP, waktu itu di IAB, Genting Highlands. Pengetahuan tentang ini diberikan. Berdasarkan pengalaman calon-calon HLP PhD sebelum ini, ada yang terpaksa menukar universiti yang telah didaftarkan dan memulakan pembelajaran semata-mata kerana ketidakselarasan ini. Saya perlu meletakkan keperluan untuk menyelesaikan pengajian dalam tempoh tiga tahun di tempat teratas demi kelangsungan kerjaya dan kesihatan mental, fizikal dan emosi semasa dan selepas tamat tempoh cuti belajar. Ini antara sebab saya memilih USM selain ditawarkan bidang Pendidikan Matematik.

Kedua, kepakaran SV yang dipilih dalam pendidikan Matematik. Saya pernah belajar dengan SV saya, Prof. Dr. Munirah Ghazali sebelum ini semasa melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan, major dalam Matematik. Sifat keibuan dan jiwa pendidik yang ada dalam diri beliau memberikan suntikan motivasi pada diri saya sepanjang

menyelesaikan pengajian PhD. Saya juga telah membina *rapport* yang baik dengan beliau dan antaranya setiap bulan akan membuat beberapa temu janji dan membincangkan perkembangan penulisan dan kajian. Walaupun beliau bukan meneliti satu persatu ayat yang ditulis di dalam cadangan kajian saya sepertimana seorang reviewer jurnal, namun apa-apa sahaja pandangan yang diberikan selepas saya menghantar cadangan penyelidikan, memang kena dengan keperluan untuk saya memperbaiki penulisan dalam bahagian-bahagian tertentu dalam bab cadangan tesis. Itulah kepentingan SV yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang sama dengan bidang yang ditawarkan dalam HLP dan tajuk kajian kita. Walaupun ada yang memberikan pandangan bahawa SV yang berpangkat Profesor agak sukar untuk kita membuat temu janji dan berjumpa, namun dari sudut pandangan saya kepakaran itulah yang diutamakan untuk penambahan ilmu. Semuanya bergantung pada diri kita sendiri antara hendak ataupun tidak. Memang saya akui, Prof agak sibuk, namun berjumpa dengan beliau selama setengah jam sudah memadai untuk mendapat maklum balas beliau tentang kajian saya. Hakikatnya, kebanyakan perjumpaan akan melebihi setengah jam kerana beliau akan membuat dua atau tiga benda dalam satu-satu masa.

Pengajian PhD semestinya memerlukan kita sebagai pelajar untuk membuat rujukan buku dan jurnal yang banyak tentang bidang kajian. Saya mengambil pengalaman sebagai pelajar ijazah sarjana muda di USM pada tahun 2003 hingga 2007 untuk dibawa semasa pengajian PhD di USM. Justeru, elemen yang ketiga saya utamakan dalam pemilihan universiti ialah kepentingan persekitaran pembelajaran yang rutin. Saya biasa dengan tatacara meminjam buku dan pencarian buku di perpustakaan USM, Pulau Pinang. Saya juga tahu lokasi perpustakaan, bilik-bilik karek dan loker untuk disewa. Saya juga tahu lokasi bilik kediaman, cara dan jarak ke perpustakaan. Saya juga tahu tempat untuk beriadah dan berjoging di waktu petang jika tinggal di asrama atau desasiswa. Paling tidak kurang pentingnya, saya tahu lokasi cafe untuk mendapatkan makanan yang diinginkan di dalam USM. Semua perkara ini amat penting dalam menguruskan masa dan merancang perjalanan pengajian PhD. Namun yang melucukan, beberapa kali saya tersilap memandu arah orang yang bertanya di mana bangunan itu dan ini. Apa tidaknya lebih 10 tahun meninggalkan USM, banyak bangunan telah diubah suai dan beberapa jabatan telah berubah lokasi. Pernah juga saya tersalah melintasi kawasan asrama lelaki. Aduhai, jangan terlalu yakin rakan-rakan. Teliti sesuatu perkara yang didengari atau diketahui secara menyeluruh dan mendalam terlebih dahulu, sebelum keputusan dibuat. Berfikir dahulu sebelum mengeluarkan perkataan dari mulut perlu diamalkan demi kesejahteraan emosi sendiri dan orang lain. Peringatan ini untuk diri sendiri khususnya kaum wanita.

Berbalik kepada situasi yang biasa ini, saya mengambil pendekatan meminjam buku-buku di perpustakaan berkait fokus kajian dalam kuantiti yang maksimum dibenarkan kepada pelajar PhD. Teringat saya semasa pengajian sarjana muda dahulu, kami berebut-rebut meminjam buku yang berkait dengan kursus yang diambil. Jika tiada di perpustakaan, kami terpaksa membeli di kedai buku yang menjual buku-buku universiti di hadapan USM. Semasa pengajian PhD, telah ditakdirkan oleh Allah, COVID menyerang bermula tahun 2019. Saya dapat menelaah dan memanfaatkan buku-buku yang dipinjam semasa berada di rumah lantaran pihak kerajaan mengumumkan PKP pertama, kedua dan seterusnya. Hikmah PKP, saya mempunyai masa yang banyak untuk menulis, dan berkurung di dalam rumah sangat membantu saya menyelesaikan penulisan tesis. Tambahan pula, saya telah pun mendapat kelulusan menjalankan kajian dan juga selesai mengumpul dan menganalisis data. Masa berkurung sangat sesuai untuk mendapatkan pandangan pakar melalui email dan menulis dapatan kajian untuk bab 4 dan 5. Memang benar, *e-book* juga dapat diperolehi dengan mudah, namun memerlukan masa untuk meneroka dan ada sesetengah buku tidak didapati secara *online* dan pembacaan buku secara *hardcopy* dan *online* keberkesanannya juga berbeza.

Kesimpulannya, dekat atau jauh institusi pengajian yang dipilih dari rumah/ kampung halaman kita, bukan isu utama sekiranya persediaan awal telah dibuat. Itulah kelebihan program yang



diberikan oleh KPM. Peluang yang ada bukan untuk disia-siakan, tetapi untuk digali dan dicari sebanyak mungkin ilmu dan pengetahuan untuk bekalan sekarang dan akan datang. Betulkan niat kita, untuk apa kita menyambung pengajian. Seperti mana saya, apabila penyambung pengajian PhD, keperluan untuk menyelesaikan pengajian secepat mungkin di samping pencarian dan penambahan ilmu itu sentiasa diutamakan. Saya yakin kita sedar bukan sahaja ilmu akademik yang diperoleh sepanjang pengajian PhD, tetapi ilmu pengurusan masa, mental, fizikal dan emosi, ilmu pengurusan keluarga, ilmu adab menuntut ilmu khususnya tata cara interaksi dengan guru dan rakan, ilmu membuat pembentangan, ilmu menulis jurnal dan tesis, ilmu membuat perkaitan dan keselarasan dalam jurnal dan tesis, ilmu menggunakan bahasa, ilmu berinteraksi dengan rakan dari pelbagai budaya dan rakan dari luar negara dan banyak lagi ilmu yang telah dan masih belum diteroka oleh kita sehingga kini. Saya teringat pesan seorang guru yang pernah saya belajar, “jika PhD yang kita perolehi tidak mendekatkan diri dan “tunduk” kepada Pencipta kita, maka ada *something wrong somewhere* dengan PhD yang diperoleh”.

“Zero” atau “Hero”?

Sejarahnya, saya tidak mempunyai pengalaman menjalankan kajian sewaktu saya menyambung pengajian peringkat sarjana. Waktu itu, ilmu saya tentang metodologi kajian boleh dikatakan “zero”. Hal ini kerana, semasa peringkat sarjana muda dahulu, kita tidak didedahkan dengan penyelidikan dan tidak terkandung dalam kandungan kursus yang ditawarkan. Justeru, pada peringkat pembelajaran PhD, ilmu penyelidikan semasa pengajian peringkat sarjana sebagai sandaran. Itulah kepentingan untuk mengambil mod campuran bukannya mod *coursework* sahaja semasa pengajian sarjana. Saya berjumpa ramai rakan yang agak *struggle* di peringkat PhD kerana mereka hanya mengambil mod *coursework* peringkat ijazah sarjana dan kurang pengalaman tentang penyelidikan dan penulisan tesis.

Sekarang, saya bukanlah “hero” dalam penyelidikan, tetapi saya dapat rasakan percambahan ilmu khususnya ilmu tentang penyelidikan seperti pendekatan kualitatif, ilmu penulisan jurnal dan ilmu-ilmu yang lain sepanjang pengajian PhD saya. Bagi saya “zero” kepada “hero” adalah apabila kita berjaya menggenggam ijazah kedoktoran dengan jayanya dan mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu di samping ilmu-ilmu lain yang bermanfaat dalam kehidupan. Selain itu, saya bersyukur kerana berjaya selesai dalam tempoh yang diberikan oleh KPM tanpa perlu membayar ganti rugi. Saya doakan semoga rakan-rakan yang masih menyambung pengajian dan sedang diuji dengan pelbagai dugaan dan cabaran diberikan jalan keluar dan penyelesaian untuk sebarang masalah yang dihadapi. Jangan hanya memandang ke hadapan, tetapi lihat juga ke belakang. Ingat D.U.I.T (Doa, Usaha, Ikhtiar dan Tawakal) walau apa-apa sahaja masalah yang membelenggu dan sentiasa bersyukur dengan segala nikmat yang telah dimiliki sehingga kini demi kesejahteraan mental, fizikal dan emosi sekarang dan akan datang.



Berkat Ilmu Dan Semangat

Dr. Zamani Ibrahim, Amp.

Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

Setiap orang mempunyai perjalanan yang tersendiri dalam menggenggam segulung Ijazah Doktor Falsafah. Perjalananku turut mempunyai cerita dan liku yang tersendiri, segalanya bermula tatkala mereka yang dekat dengan diriku menerima Ijazah PhD dalam majlis konvokesyen mereka. Melihat wajah-wajah kegembiraan menerima skrol PhD disambut oleh keluarga tersayang, ketika itu aku mula berfikir mengapa aku tidak mengikut jejak langkah mereka yang berjaya dalam pengajian Ijazah Doktor Falsafah. Mereka yang berjaya merupakan insan-insan yang sangat dedikasi dalam kerja serta melaksanakan pelbagai tugas dengan komited dan pada masa yang sama berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Terdetik di hati kecil ini, jika mereka boleh, mengapa aku tidak boleh berjaya seperti mereka. Aku mesti mencuba dan buktikan aku juga boleh berjaya seperti mereka dan kejayaan ini akan aku jadikan peransang kepada anak-anakku kelak.

Masih aku ingat pada Oktober 2019, satu program titisan ilmu hasil buah fikiran Pengarah IPGK TAA pada ketika itu yang bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada para pensyarah mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah melalui program bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris. Titisan ilmu adalah sebagai titik mula yang membakar semangat aku bagi mencapai impian menggenggam segulung ijazah kedoktoran. Lantaran itu, aku dilantik sebagai ketua kumpulan program titisan ilmu, aku diberi amanah dan tanggungjawab untuk merealisasikan harapan institusi dan seramai lebih tiga puluh orang pensyarah IPGK dan dari institusi lain terlibat, mempunyai matlamat dan keinginan yang sama, iaitu mendapat segulung ijazah doktor falsafah. Tugas sebagai orang perantara antara IPGK TAA dan UPSI aku jadikan amanah besar yang perlu aku pikul dan cabaran yang aku terima agar ramai lagi pensyarah IPGK yang boleh meneruskan pengajian di peringkat kedoktoran. Berbekalkan tunjuk ajar semua pihak, aku teruskan usaha murni ini bagaikan air yang menitis atas batu dan akhirnya nampak kesan dan bekas seperti mana harapan yang diberikan dan nama program yang penuh maknanya, iaitu program titisan ilmu. Melaksanakan dua kerja, iaitu mengurus aktiviti pembelajaran dan pada waktu yang sama sebagai pelajar memerlukan aku mempunyai kekuatan dan ketabahan yang tinggi bermula semester pertama pengajian sehinggalah tamat pengajian.

Bermula dengan penawaran dan persetujuan belajar program kolaboratif dengan IPS UPSI kepada semua pensyarah IPG dan pihak-pihak luar, sesi pendaftaran pelajar baharu program pengajian jarak jauh peringkat Ijazah Doktor Falsafah diadakan di kampus UPSI. Diadakan di dewan besar UPSI Tanjung Malim bertujuan untuk memberi semangat dan senario serta aura pengajian dalam kampus ditambah dengan amanat daripada Dekan IPS ketika itu melonjakkan semangat semua pensyarah yang kini bergelar pelajar PhD. Bermulalah dengan hari-hari yang penuh dengan cabaran dan rintangan tanpa mengira jarak umur, latar belakang dan bidang yang diambil. Sesi pengajian diteruskan dengan kelas bersemuka bersama pensyarah UPSI di kampus UPSI selama dua semester sebagai persediaan awal bidang akademik yang melibatkan kaedah penyelidikan dan analisis data kajian bagi meneruskan pembelajaran bersama pensyarah penyelia mengikut bidang masing-masing. Kelas audit memberi peluang kepada semua calon PhD untuk menyiapkan diri dalam menguasai ilmu-ilmu berkaitan penyelidikan secara lebih berfokus agar dapat dijadikan asas utama dalam menulis disertasi dan menyiapkan tesis.

Berakhir sesi kelas bersemuka atau audit selama dua semester bermakna bermulalah sesi pengajian ke tahap yang lebih memerlukan komitmen dan iltizam yang tinggi bersama-sama penyelia masing-masing. Perkongsian ilmu daripada para pensyarah sangat bermakna sebagai bekal dalam perjalanan menuju PhD. Apa sahaja yang telah dilalui selama dua



semester adalah bekal sepanjang sesi bimbingan dan penyeliaan bersama penyelia, kekuatan mental dan fizikal sangat perlu supaya perjalanan PhD sampai ke destinasi. Umpama perahu yang berlayar di lautan yang penuh dengan lambungan ombak, perlukan semangat dan ketabahan yang tinggi supaya kita tidak mudah mengalah ataupun dengan kata lain 'hanyut', 'hilang' dan terpaksa berhenti di tengah jalan. Benarlah kata pepatah, pengalaman adalah pembelajaran yang sangat bermakna. Pengalaman belajar secara jarak jauh semasa mengajar di sekolah sebelum ini dan tatkala mengenang detik kejayaan tahun 2002, iaitu memperoleh Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) secara pengajian jarak jauh selama empat tahun ditambah Ijazah Sarjana di Universiti Malaya (UM) pada tahun 2005 juga secara pengajian jarak jauh selama dua tahun membuatkan aku kental untuk meneruskan pengajian meskipun cabaran dan rintangan daripada pelbagai penjur.

Pengalaman selama enam tahun belajar secara sambil aku jadikan pemangkin semangat untuk aku meneruskan pengajian jarak jauh di peringkat kedoktoran. 'Hendak seribu daya' aku jadikan kata-kata azimat untuk aku tidak menoleh ke belakang dan perlu terus memandang ke hadapan agar aku dapat mencapai matlamat mengenggam segulung ijazah walaupun belajar secara sambil yang menuntut komitmen kerja dan tanggungjawab keluarga di samping fokus kepada pengajian. Belajar sambil bekerja bukanlah sesuatu yang mudah bagi sesetengah orang. Melaksanakan dua tugas pada satu masa memerlukan pengorbanan masa dan tenaga yang sangat tinggi. Kekangan dan cabaran dalam memastikan tugas hakiki dilaksanakan sebaik-baik mungkin dan sebagai pelajar PhD yang dibenarkan meneruskan pengajian pada setiap semester dengan jayanya memerlukan iltizam dan keazaman yang tinggi. Kedua-duanya menuntut komitmen dan tanggungjawab yang besar di samping peranan lain sebagai ketua keluarga dan lain-lain. Dua tahun tempoh yang diberi oleh penyelia bagi aku menambah ilmu dengan membaca dan merujuk jurnal-jurnal berkaitan bidang dan fokus penyelidikan pada awalnya membuatkan aku sering bertanya bilakah masa untuk aku menulis dan membuat penyelidikan. Di benak fikiran ini kadang merasakan masa berlalu dengan melaksanakan aktiviti yang sama dan ketika ini rasa jemu berulang-alik dari rumah ke UPSI sudah mula menguasai pemikiran ditambah dengan kos pengajian yang menuntut pengorbanan wang. Ditambah pula dengan kehendak penyelia bagi aku melengkapkan pembacaan jurnal daripada pelbagai buku dan sumber rujukan. Pada waktu dan ketika itu, aku belum memahami apakah sebenarnya harapan penyelia supaya aku dapat mempelajari ilmu penyelidikan yang sangat diperlukan sebagai seorang pelajar sebelum aku memulakan membentangkan proposal dan membuat penulisan kajian.

Masa yang ditunggu telah tiba, peluang yang diberikan oleh penyelia untuk aku membentangkan proposal penyelidikan pada tahun keempat pengajian merupakan sesuatu yang amat aku nantikan setelah enam semester menunggu dengan penuh harapan. Dengan penuh kesyukuran, aku pohon dan bersyukur ke hadrat Ilahi di mana aku lulus dalam pembentangan proposal dan membetulkan proposal dengan beberapa penambahbaikan. Bak kata orang aku sudah berada separuh perjalanan dalam pengajian PhD meskipun laluan dan rintangan yang seterusnya tidak dapat dijangka dan tidak sama dengan apa yang telah aku lalui di peringkat proposal. Lulus proposal seumpama memberi aku tiket untuk aku terbang lebih jauh dan sudah pasti menuntut nilai tambah dalam ilmu penyelidikan dan melonjakkan semangat untuk meneruskan pengajian dengan pelbagai cabaran dan rintangan yang lebih tinggi dan kata-kata 'bukan mudah untuk dapat PhD' aku jadikan cabaran untuk diri sendiri bagi mencapai segala impian dan secara tidak langsung menjadi perangsang dan semangat kepada anak-anakku. Komitmen diri yang tinggi, secara berfokus dan istiqamah dengan mengutamakan cadangan dan komen serta menambah baik penulisan melalui perjumpaan dan perbincangan yang kerap dengan penyelia sangat perlu sebelum melangkah ke tahap yang seterusnya. Tumpuan kepada penulisan yang konsisten perlu pada setiap masa dan ruang yang ada. Di sinilah aku belajar sebagai pelajar PhD setelah aku campurkan warna-warni kehidupan bersama bimbingan penyelia utama dan penyelia kedua di saat rebah, bangun dan meneruskan perjuangan. Hubungan yang sangat baik, mesra dan saling



menghormati dan sentiasa merujuk, berkongsi masalah serta mendengar nasihat penyelia adalah kunci utama kejayaan yang aku lalui dalam perjalanan PhD.

Dua tahun lebih dihabiskan dengan menulis sehingga bab kajian yang terakhir dan melalui episod 'baiki semula' dalam setiap bab penulisan, aku tidak pernah mengalah dan akur dengan cadangan dan komen penyelia. Penulisan kajian untuk pembentangan lisan 'viva' adalah tempoh dan saat getir yang benar-benar menguji sejauh mana seseorang calon PhD mampu untuk meneruskan pengajian di peringkat kedoktoran. Usaha bagi melengkapkan penulisan lima bab kajian sebagaimana yang dilalui oleh pemegang ijazah kedoktoran sangat memerlukan daya juang dan pengorbanan yang tinggi serta semangat yang jitu agar sesi 'viva' nanti diterima dengan baik oleh semua pemeriksa. Tanggal 18 Ogos 2016 adalah tarikh keramat yang akan aku ingat di mana aku perlu memberi fokus kepada pembentangan lisan 'viva' seperti surat yang aku terima daripada Pusat Pengajian Siswazah, UPSI. Pengajian hampir 6 tahun akan diuji oleh panel-panel dalam dan luar dalam sesi 'viva' selama 2 jam 30 minit. Pengalaman pertama dan terakhir dalam sesi 'viva' ini mengajar aku betapa benarnya pesanan dan nasihat yang diberikan oleh penyelia sejak bermulanya sesi pengajian aku dan setelah diperakui sebagai calon PhD sehinggalah ke hari 'viva' berlangsung.

Segala pesanan, nasihat dan panduan yang diberikan oleh penyelia aku gunakan dengan sepenuhnya dan sebaik-baik mungkin hasil daripada pembacaan jurnal, pembacaan buku, penghasilan artikel, peluang menghadiri seminar, sesi pembentangan, perbincangan dengan penyelia dan rakan sejawat serta lain-lain sesi perkongsian ilmu yang sebenarnya memberi nilai tambah dan kekuatan mental dan emosi apabila berhadapan dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh para panel. Aku panjatkan penuh kesyukuran ke hadar Ilahi dan penghargaan serta terima kasih kepada para penyelia, panel dan semua kerana lulus dalam sesi viva yang maklumkan oleh pengerusi sesi viva selepas tamat perbincangan sesi viva. Bermulalah penulisan disertasi dalam usaha menyiapkan tesis berdasarkan teguran dan pembetulan yang diminta oleh para panel. Niat untuk menuntut ilmu dan semangat yang tinggi aku jadikan bekalan kekuatan mental dan emosi untuk aku teruskan penulisan yang memenuhi kehendak penilai supaya tesis yang aku siapkan nanti dapat dijadikan rujukan yang berguna dan bermakna untuk penyelidik-penyelidik yang akan datang. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang secara langsung atau tidak langsung kerana memberi ruang dan peluang untuk aku titipkan memori indah dan coretan manis sepanjang perjalanan kehidupanku.



Destinasi Impian PhDku

Dr. Siti Fatimah Osman

Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim

Sebelum Mendaftar

Saya banyak bertanya kepada sahabat-sahabat sepengajian tentang bagaimana situasi menyambung pelajaran. Sejauh manakah persiapan mental dan fizikal untuk meneruskan pengajian Phd sehingga tamat pengajian? Sebelum menyambung pelajaran, pelbagai perkara yang bermain dalam benak fikiran tentang kemampuan saya untuk belajar. Saya tahu belajar PhD bukan untuk main-main. Banyak pengorbanan perlu dilakukan terutama daripada sudut pengurusan kewangan dan rumahtangga. Itu yang paling penting. Jika pengurusan kewangan dan rumahtangga terabai amat sukar pengajian kita hendak berjalan lancar khususnya kepada mereka yang sudah berumahtangga dan mempunyai anak-anak yang masih kecil. Syukurlah saya bernasib baik kerana saya mendapat biasiswa HLP dan bergaji penuh. Daripada sudut kewangan alhamdulillah tiada masalah. Cumanya menjadi satu isu kemampuan saya mengimbangkan rumahtangga dengan pengajian PhD.

Restu Suami dan Anak-Anak

Sebagai seorang isteri pasti apa-apa yang saya lakukan perlu mendapat restu suami kerana di situ terletaklah ladang pahala bagi seorang isteri. Saya perlu sentiasa memastikan setiap waktu mendapat restu suami walau dalam keadaan sukar dan senang. Saya sentiasa mencium tangan suami dan meluahkan kata-kata cinta dan harapan untuk bersama suami dan taat setia kepadanya. Sudah pasti dalam perkahwinan ada masa-masa sukar yang saya lalui bersamanya. Saya sentiasa meluangkan masa bersama-samanya dan sentiasa meminta restu agar hidup saya sentiasa dalam rahmat Ilahi dan dipermudah urusan sewaktu menyambung pengajian PhD ini. Perkara ini sangat penting kerana tiada isteri yang inginkan keluarganya terabai dek kerana semata-mata menyambung pelajaran. Ramai dalam kalangan mereka yang sambung belajar dapat mengimbangi masa bersama keluarga dan pelajaran. Saya jadikan mereka contoh teladan dan saya banyak bertanya dan selalu meminta tip-tip daripada mereka cara menguruskan keluarga dengan baik. Saya mementingkan keluarga jadi keluarga harus menjadi keutamaan, *first priority*. Saya juga ada anak yang masih kecil berumur sekitar 2 tahun, 5 tahun, 8 tahun dan 12 tahun ketika saya mula menyambung pelajaran ke peringkat PhD. Saya sentiasa duduk bersama-sama, mengasuh dan mendodoi anak-anak saya supaya mereka tidak terasa kehilangan kasih sayang. Saya menulis tesis, ada kalanya saya menulis tesis bersama mereka walaupun situasi agak sukar. Lama kelamaan mereka sudah biasa dan mereka faham ibu mereka sedang belajar. Biasanya mereka akan datang dan duduk bersama kita. Mereka tidak akan mengacau kita lagi. Kadang-kadang mereka tertidur sendiri kerana lama menemanan kita belajar. Rasa kasihan tapi itulah satu pengorbanan. Saat mereka tertidur saya akan tatap wajah mereka dalam-dalam dan saya selalu mencium mereka. Saya selalu katakan kepada mereka yang saya akan cuba buat yang terbaik dan cuba habiskan pengajian dalam waktu yang ditetapkan sebab saya nak luangkan masa yang banyak bersama-samanya. Selama dalam pengajian ini saya selalu terangkan dengan jelas agar mereka memahami bahawa ibu mereka ini sedang belajar. Lama-kelamaan mereka memahami. Kadang-kadang mereka pula bertanya, bila Ummi nak habis belajar. Kata-kata dan pertanyaan mereka membuatkan saya merasa termotivasi untuk belajar. Saya berasa malu andainya saya tidak dapat menghabiskan pengajian. Jadi, saya cuba buat yang terbaik supaya anak-anak merasa gembira dan bangga untuk mengikut jejak langkah saya untuk terus gigih belajar dan mengejar impian dan cita-cita.

Doa Seorang Ibu

Keajaiban doa seorang ibu pastinya tidak dapat disangkal lagi. Makbul doa seorang ibu untuk anak-anaknya apabila ditadahkan tangan tiada pulang dengan tangan kosong. Yakinlah doa ibu sangat mustajab khusus buat anak-anak. Mintalah ibu doakan kita agar kita sentiasa tenang dan dipermudah dalam segala urusan sepanjang pengajian PhD ini. Seorang ibu



apabila melihat anak-anaknya ingin belajar pastinya mereka gembira kerana ilmu itu penyuluh hidup anak-anaknya. Doanya yang diharapkan sepanjang zaman bagi menemani perjalanan hidup anak-anaknya. Hati ibu yang mulia ingin yang terbaik untuk anak-anaknya. Tiada jalan yang mulia melainkan mendapat restu ibu. Perjalanan PhD bagi saya bukan mudah. Perjalanan PhD memerlukan pengorbanan yang getir perlu dilalui dengan penuh kesabaran hati, keteguhan jiwa dan fizikal yang mantap untuk memastikan persediaan dapat dibuat untuk menghadapinya. Justeru, doa ibu merupakan senjata yang paling ampuh untuk memastikan saya berjaya melaluinya dengan baik. Saya selalu meminta ibu mendoakan saya. .Ayat-ayat itu yang diulang-ulang setiap kali berjumpa ibu..doakan, doakan dan terus doakan saya berjaya ya ibu..Ibu selalu berkata yalah..mak selalu doakan...mintak doa dan terus meminta selalu kerana doa ibu adalah mustajab untuk seorang anak..Insya Allah.

Keserasian Dalam Memilih Supervisor

Sebelum saya mendaftar, saya akan pastikan saya sudah mengenali *supervisor* saya sendiri. Makna kata, sekurang-kurangnya daripada jauh saya sudah merisik khabar siapa *supervisor* saya melalui mereka yang mengenalinya. Perwatakan mereka dan saya boleh mengagak serba sedikit kesesuaian peribadinya dengan saya. Hal ini penting supaya saya dapat membuat persediaan fizikal dan mental sebab saya perlu melalui kehidupan PhD bersama-sama dalam tempoh pengajian PhD ini. Maka dapat mengenali mereka sebelum mendaftar dapat memberikan saya satu tempoh masa untuk saya bertenang dahulu, membuat proposal untuk dibentangkan kepada supervisor. Hari pertama berjumpa dengan supervisor (SV) saya sudah mempunyai proposal untuk dibincangkan bersama-sama penyelia. Ini penting kerana memudahkan saya untuk mendapatkan gambaran secara keseluruhan dan sesuai dengan tajuk pengajian PhD saya. Kadang-kadang dalam masa kita bersama *supervisor* takut juga sekiranya berlaku pertukaran *supervisor* kerana ada *supervisor* yang pencen awal, meninggalkan atau bertukar universiti atau apa-apa sahaja yang menyebabkan kita terpaksa menukar *supervisor* dalam tahun-tahun pertama pengajian.

Alhamdulillah, saya ditakdirkan mendapat SV yang betul-betul ngam dengan saya. Saya dah merisik lama dengan sahabat-sahabat saya tentang dia. Sebenarnya sebelum saya memilih *supervisor* saya ini saya ada beberapa orang yang saya pilih untuk menjadi *supervisor* saya. Semuanya sangat baik-baik belaka. Seorang pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan dan seorang pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia, iaitu *supervisor* saya yang mempunyai latar belakang dalam bidang pendidikan. Saya membuat timbang tara siapa yang saya ingin pilih. Semuanya sangat bagus dan saya meminta pendapat sahabat-sahabat yang mengenali kedua-dua pensyarah ini. Jadi saya cuba membuat pertimbangan daripada segi masa, jarak, kewangan, kemudahan, keselesaan. Yang paling penting masa dan kemudahan untuk berjumpa SV. Bagi saya, kedua-dua pensyarah tu agak serasi daripada segi keperibadian mereka. Jadi perkara itu tidak menimbulkan masalah untuk 'get together' sepanjang pengajian. Saya tahu berdasarkan apa jua yang diceritakan oleh kedua-dua sahabat saya rasanya saya tiada masalah untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam meniti proses pembelajaran bersama kedua-dua orang pensyarah tersebut. Banyak perkara yang saya belajar terutama tentang membina hubungan yang 'smooth' ketika belajar dan membina adab sebelum menimba ilmu bersama mereka. Inilah nilai sebenar yang saya perolehi sepanjang menimba ilmu bersama mereka.

Semester Pengajian Pertama

Dalam tempoh pengajian saya ini khususnya semester pertama saya cuba berusaha untuk membentangkan proposal lebih awal. Bagi pendapat saya bukan mudah tetapi tidak mustahil jika saya berusaha mencapainya. Insya-Allah. Walaupun semasa semester pertama saya masih lagi teraba-raba mencari arah dengan membaca artikel, saya cuba tetap berusaha menulis artikel pada semester pertama dan dalam awal semester kedua barulah saya cuba membentangkan proposal. Alhamdulillah lulus dengan baik.



Saya juga rajin menghadiri bengkel-bengkel berkenaan metodologi, *literature review* dan analisis data kerana bengkel-bengkel ini perlu untuk saya memantapkan penulisan dan menganalisis data.

Perjalanan Pengembaraan PhDku

Perjalanan PhD saya bukan mudah kerana saya perlu *travel* sepanjang pengajian PhD ini. Daripada bandar Gua Musang, Kelantan ke Universiti Teknologi Malaysia di Skudai, Johor bukan mudah. Biasanya saya berulang alik menaiki bas dan kereta api pada waktu-waktu tertentu untuk berjumpa SV. Saya kena kuat dan gigih melaluinya walaupun agak sukar pada mulanya. Namun, saya tetap gagahkan diri untuk berjumpa dengan SV dengan lebih kerap pada awal pengajian untuk memastikan pengajian saya berada dalam '*on track*'.

Biasanya di Universiti Teknologi Malaysia saya akan menempah hotel berdekatan taman Universiti dan tinggal di situ untuk beberapa hari bagi menyelesaikan tugas dan bersemuka dengan SV. Biasanya saya akan bermalam beberapa hari di Hotel Harmony dan hotel di Taman Universiti, Skudai, Johor. Selepas itu, saya cepat-cepat kembali ke Gua Musang menaiki bas atau kereta api untuk berada bersama keluarga. Saya tak boleh tinggalkan anak-anak lama-lama sebab saya akan rasa bersalah. Saya perlu berada di samping mereka untuk memastikan mereka terjaga dengan rapi dan mereka tidak rasa kehilangan kasih sayang seorang ibu.

Itulah perkongsian sedikit sebanyak perkongsian saya yang saya harap boleh memberi manfaat kepada semua yang membacanya dan bermotivasi untuk sama-sama belajar mencari ilmu yang bermanfaat dalam pengajian PhD ini..Insya-Allah.



I Am Not A Passenger But A Challenger!

Dr. Yee Bee Choo

Lecturer, Institute of Teacher Education Tun Hussein Onn Campus

Throughout my seven years of PhD journey, one of the things I was involved a lot was conference presentation. Before I started my PhD studies, I participated in a few conferences and learnt a lot from the speakers and presenters. I always admired them for their courage to present their research findings and wish that I could become like them one day.

My first conference presentation took place in 2014 when my colleague invited me to join her paper presentation in the ASIA TEFL and MELTA international conference in Sarawak. As I just started my PhD studies that year, I also intended to present my own paper. So, I told my supervisor, Dr. Tina binti Abdullah about my wish to present my first paper in the conference. Without hesitation, she gave me the cash RM200 for the registration fee. She supported me not only financially but also academically as she helped me to read and improve my points on PowerPoint slides and the article writing. I'm so grateful that I have such a supportive supervisor as it was my first presentation in the conference. However, she told me that she couldn't be with me during the conference, so I had to present it alone.

During the presentation, my topic "Connecting, Communicating and Creating Meaning of Shakespearean Drama through Facebook" attracted quite a number of audiences who came for my parallel session. There were a few foreign lecturers who were present and this made me very nervous. After the 20-minute presentation, one of the foreign lecturers congratulated me and thanked me for the research I had shared. A few of them asked some questions and I was able to answer them. I was joyful that I did the presentation well and this motivated me to present more often in other conferences.

In the same conference, I had another paper presentation with my two colleagues. Before the conference, I helped them in writing the introduction and literature review of the paper. As it was not my own paper, I only helped to control the PowerPoint slideshow while the two colleagues gave the presentation during the conference. However, I heard bad things about me after we came back from Sarawak. One of the colleagues told others that I did not contribute much in the presentation but I only controlled the mouse and laptop. She told others that I was just a passenger who received the certificate without contribution. I felt very belittled as I had presented my own paper all by myself, so I had the right to be given the certificate. Besides, I helped them before the conference by writing parts of the paper, it was unfair for her to tell others that I was just a passenger!

From that time onwards, I was determined to prove her wrong. I told myself since she had not presented overseas before, I should participate in conferences overseas to make others realise that I am not a passenger. One day, a new colleague told me that she wanted to support me in whatever things I did and I told her, "If you want to support me, let's go to China for the Asia TEFL conference this year." She agreed and with another colleague, the three of us wrote a paper on the topic "Digital Literacy as an Approach to Teach Essay Writing among PPISMP Students". Later, our abstract was accepted by the organiser and we prepared everything to go overseas in 2015.

The conference was held in Nanjing, China but we stayed in Hangzhou as the hotel was cheaper there. It took us 2 hours to travel from Hangzhou to Nanjing in the bullet train. There were many participants from all over the world as it was an international conference. I was nervous but with the presence of the two colleagues, we presented our paper well. There were questions from the audience and one of them even suggested a possible joint venture in digital business. After our presentation, we spent a good time travelling in China.





2014 My first conference presentation



2015 International conference in Nanjing, China



2017 International conference in Yogyakarta, Indonesia



2022 Invitation as a resource speaker in a hybrid international conference in Philippines



Since that conference in 2015, I have been to other cities and countries such as Bandung (2016) and Yogyakarta (2017) in Indonesia and Pakistan (2019) to present my research findings. After two years of pandemic, this year I will be going to Vietnam for another conference. It has become an academic practice within me that I must present my papers a few times every year. Actually, I do not get any rewards and incentives for presenting papers in international conferences. I spent a lot of money in paying for the conference fees, flight tickets, hotels and travel expenses as I do not get any research grant in Institutes of Teacher Education (ITEs). However, I have gained more confidence and popularity throughout the years. Now, I am a frequent resource speaker, plenary speaker and even keynote speaker for online international conferences for which I am a member of the association-cum-organiser.

When I look back at my first conference in 2014 and compare it now in 2022, I realise that I have challenged myself to do things that others do not commonly do. I have also challenged the colleague who accused me as a passenger during the conference presentation. If I did not contribute anything to the conference in 2014, I would not go this far to present papers overseas as a lead author. I have proven to her that I am not a passenger but a challenger!

In fact, her initial remarks had motivated me to become a challenger who does things to improve myself to be a better person in whatever aspects. Without those words, I think I am now an academic lecturer who stays in my comfort zone. I thank her for saying those words to me and now others look up to me. I also would like to thank my dearest buddies, Dr. Kee Li Li, Dr. Syamsina Zahurin Shamsuddin and Madam Norul Rafidah Haji Redzuan for their continuous support in whatever I do. We have been to many conferences together and I hope that we will have the chance to present our paper one day. Cheers, Alpha Four!



Ranjau Sepanjang Jalan
Dr. Wan Lokman bin Wan Ahmad
Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail

Semenjak dari bangku sekolah lagi aku meminati sastera dan seni. Aku suka membaca buku-buku yang dipinjam dari perpustakaan. Penulis yang aku kagumi ialah Dato' Shahnnon Ahmad, Sasterawan Negara ke-2. Jadi, coretan perjalanan PhD ini aku judulkan 'Ranjau Sepanjang Jalan', sebagai memperingati sebuah novel tersohor Allahyarham Dato' Shahnnon Ahmad.

Orang kata, otak kanan sering digunakan oleh individu yang suka akan seni dan sastera. Otak kananku anugerah Allah yang menjadikan aku seorang yang suka membaca dan membuat taakulan berkaitan sastera dan seni. Semasa di Tingkatan 5, aku terpilih untuk berada di dalam kelas aliran sains. Pernah juga aku bercakap dengan guru kelas untuk masuk ke kelas sastera, namun ditolak. Mujurlah aku dapat mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni sebagai mata pelajaran elektif. Akhirnya aku mendapat keputusan 'A' dalam mata pelajaran Pendidikan Seni SPM.

Dengan izin Allah, aku dapat menyambung pengajian diploma dalam bidang seni di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Maka, bermulalah ranjau yang terpaksa aku lalui sepanjang bergelar mahasiswa universiti. Di UiTM jugalah aku menyambung pengajian ijazah pertama dalam bidang seni, atau lebih tepat lagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni, yang melayakkan aku bergelar guru selepas tamat belajar. Kemudian, setelah aku bergelar guru selama 5 tahun, aku kemudiannya bertekad untuk menyambung pengajian peringkat sarjana. Di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), aku menyambung pengajian Sarjana Komunikasi Visual, juga satu daripada bidang seni. Minat terhadap seni yang mendalam menyebabkan aku berkorban masa dan tenaga untuk menyiapkan penyelidikan tesis secara separuh masa. Ranjau yang berliku telah aku hadapi di sepanjang perjalanan aku dalam pengajian sarjana. Maklumlah, aku terpaksa membahagikan masa antara kerja sebagai guru dan penyelidik separuh masa. Berkat doa ibu bapaku, aku berjaya bergraduasi setelah lulus dalam peperiksaan lisan atau viva.

Pada awal tahun 2017, aku berniat untuk memohon biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Aku memohon dan berharap agar layak untuk ditemu duga dan membentangkan proposal kajian di peringkat PhD. Namun, semuanya hampa. Nama aku tidak tersenarai sebagai calon yang layak ditemu duga. Aku pasang niat dan cita-cita untuk memohon lagi biasiswa ini pada tahun hadapan. Pada tahun berikutnya, aku dipanggil untuk ditemu duga oleh panel penemu duga dari KPM. Aku telah bersedia dengan proposal dan pembentangan bagi membentangkan cadangan kajian di peringkat PhD. Pada bulan berikutnya, aku menerima berita yang sangat menggembirakan. Aku telah lulus temu duga dan layak sebagai calon pelajar PhD. Alhamdulillah, dengan izin Allah.

Maka, aku perlu lagi menempuhi ranjau dan onak duri. Kali ini aku mendaftarkan diri sebagai pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Aku terpaksa berjauhan dengan anak-anak dan isteri. Di awal pengajian, isteriku telah melahirkan anak perempuan, kembar seiras ! Ya Allah, segala nikmat telah Engkau berikan kepadaku. Syukur ! Dengan itu juga, bertambahlah juga beban yang terpaksa aku hadapi, sebagai seorang bapa dan sebagai penyelidik doktoral.

Bidang pengajianku juga tidak lain tidak bukan, iaitu bidang Seni. Minat membaca aku semakin bertambah. Pelbagai buku yang aku telaah dan khatam bagi membolehkan aku memahami metodologi dalam penghasilan sebuah tesis penyelidikan. Pelbagai buku seni



telah aku pinjam dan beli. Membeli buku telah menjadi hobi aku, lagipun KPM telah memberikan biasiswa penuh yang membolehkan aku membeli buku-buku tebal dan agak mahal harganya. Tambahan pula, zaman teknologi pintar sekarang memudahkan urusanku. Pelbagai buku dalam format PDF telah aku muat turun secara percuma.


Namun, pada awal pengajian PhD sangat memenatkan. Penuh dengan dugaan. Aku telah membaca dan terus membaca berkaitan metodologi penulisan tesis, seni visual dan seumpamanya. Namun, pertentangan pendapat antara Penyelia agak menyukarkan keadaan. Aku tidak berputus asa dan terus berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. Aku mula bertatih mengikut rentak Penyelia dan akhirnya dapat menemukan titik persetujuan terhadap beberapa perkara berkaitan penyelidikan aku. Pandangan daripada Penyelia pertama dan Penyelia kedua telah aku perhalusi.

Pada tahun pertama pengajian, banyak masa aku tumpukan pada keluarga. Aku lebih banyak membantu anak-anak dalam pelajaran. Aku juga mempunyai banyak masa untuk membaca Al-Quran dan selalu ke masjid. Terus terang aku katakan, proses pembelajaran aku berjalan lancar di saat aku selalu bersujud dan memohon pertolongan daripada-Nya. Namun, Tuhan Maha Kuasa. Salah seorang anak kembarku, Wan Naura Aisyah telah disahkan menghidapi penyakit *Preauricular Sinus*. Hal ini memberikan aku tekanan dan masa-masa aku banyak dihabiskan ke klinik dan hospital untuk rawatan dan temu janji. Perjalanan penyelidikan aku terganggu dan menyebabkan aku jauh ketinggalan. Akhirnya, sesi pembedahan untuk merawat penyakit Aisyah telah dimuktamadkan. Pada Allah aku berdoa agar semuanya selamat. Pembedahan kecil di telinga kanan anakku telah berjaya, dan ini telah memberikan kelegaan kepada aku. Satu ranjau telah aku patahkan, dan aku boleh menumpukan pada kajian PhDku.

Pada tahun kedua pengajian, aku berhadapan dengan situasi yang sukar. Corona Virus (Covid) telah melanda seluruh dunia. Malaysia juga telah lumpuh seketika kerana virus ini telah menular ke seluruh negara. Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang virus durjana ini dari terus merebak. Situasi ini membantutkan proses kutipan data kajian aku di lapangan. Beberapa kali hasrat aku untuk ke sekolah bagi menjalankan kajian terpaksa ditangguhkan. Ini adalah kerana pihak sekolah tidak menerima orang luar sebagai prosedur mengekang penularan virus Covid. Aku dan rakan-rakan seperjuangan yang lain terpaksa mengubah strategi kutipan data melalui *online* dan juga talian telefon. Fasa pandemik ini sangat menguji aku. Penulisan tesis aku terbantut disebabkan oleh kutipan data masih lagi belum dimulakan. Pada hujung tahun tersebut, kerajaan telah melonggarkan sedikit prosedur PKP. Sekolah dibuka semula dan aku telah dapat menjalankan kutipan data di lapangan dengan baik. Sesi kajian kes penyelidikanku telah berlangsung dengan lengkap. Satu lagi ranjau aku telah patahkan !

Pada tahun kedua juga, aku telah kehilangan orang yang paling aku sayang. Ibuku telah kembali ke rahmatullah, disebabkan oleh penyakit yang telah sekian lama ibuku hadapi, iaitu kegagalan fungsi buah pinggang. Namun, aku reda dengan pemergian ibuku. Fasa-fasa kosong dan hambar telah melingkari hari-hariku. Aku rasa terkilan kerana tidak sempat untuk membalas segala jasa-jasa ibuku yang telah banyak berkorban. Hal ini sedikit sebanyak mengganggu perjalanan PhDku. Beberapa minggu aku habiskan masa dengan tidak membuat apa-apa. Rasa kehilangan sangat perit untuk aku telan. Namun, aku bingkas bangun dan berusaha untuk menyelesaikan kajianku di lapangan.

Telah jatuh, ditimpa tangga. Pada tahun ketiga pengajianku, ayahku pula dijemput Ilahi. Ayahku telah kembali ke rahmatullah kerana sakit tua. Aku reda dan memohon doa agar kedua-dua orang tuaku ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan beramal soleh. Namun, jauh di sudut hatiku, aku rasa kosong. Kosong! Aku telah kehilangan ibu dan bapa. Tanpa doa mereka, aku tidak yakin untuk menghabiskan sisa-sisa pengajianku ini. Peristiwa ini berbekas di hatiku. Aku lemah dan pasrah dengan takdir ini. Namun, isteri dan anak-anaklah yang menjadi penguat dan pendorong untuk aku bangkit.



Pada penghujung tahun yang ketiga, aku telah berjaya menyiapkan tesis. Ranjau-ranjau yang muncul di sepanjang jalan telah menjadikan aku lebih kuat dan bersedia menghadapi segala kemungkinan. Aku telah berjaya *Graduate on Time* (GOT) dengan bantuan yang tidak terhingga daripada Penyelia, pensyarah, rakan-rakan dan juga ahli keluarga.

Sepanjang pengajianku, aku telah menemui ramai orang yang baik-baik. Ramai pensyarah dan ahli akademik sedaya upaya membantu calon PhD bagi proses kutipan data sama ada melalui temu bual dan juga kutipan *questionnaire*. Perjalanan penuh ranjau ini juga telah mengajar aku untuk sentiasa mengingati Allah SWT. Dalam masa yang sama, aku dapat berbuat kebaikan sesama manusia demi mengejar keredaan Allah.

Perjalanan PhD ini membuatkan aku lebih dewasa. Kadang-kadang, sesuatu perkara yang bertentangan dengan pendapat kita itu adalah lebih baik, kerana akan menghasilkan rencah yang berbeza. Juga harus diingat bahawa ilmu yang ada itu sangat luas untuk kita terokai. Pilihlah jalan yang anda sukai, kerana setiap langkah ada ranjau yang menanti. *"The path you take depends on you, either right or left. The differences make your life more colourful"*.



Faktor Internal dan Eksternal Kekuatan Mental semasa Ph.D...

Dr. Khoo Bee Lee

Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang

Walaupun pengalaman diri melengkapkan segulung ijazah kedoktoran sudah berpuluh-puluh tahun tempoh yang lepas disebabkan proses bimbingan dan penyeliaan pelajar guru PISMP, rakan sejawat di peringkat kedoktoran dan pengalaman bimbingan berpuluh-puluh pelajar peringkat ijazah sarjana dan sarjana muda di Open University Malaysia (OUM) masih berterusan. Justeru, pengalaman melengkapkan proses penyelidikan dan projek kedoktoran (PhD) seumpama perkara yang baru lepas semalam. Pengalaman pahit dan manis tersebut kekal di hati dan sanubari sehingga kini.

Pada saya, ketabahan diri demi melengkapkan kajian tesis ini yang paling utama. Semangat ini perlu sentiasa kuat tanpa disekat oleh sebarang faktor yang lain seperti kesibukan urusan kerja harian, faktor menjaga didikan anak sekeluarga, bimbingan dan risau faktor kewangan, hal peribadi, perbandingan dengan proses perjalanan tesis kawan yang lain serta hubungan dengan penyelia dan lain-lain. Faktor-faktor gangguan luaran dan persekitaran ini semua kena letak di sebelah. Jangan terlalu melayan pandangan, persepsi dan iri hati rakan-rakan sekerja. Yang penting itu adalah tanggungjawab dan komitmen diri selepas bertekad untuk menyambung pengajian ke peringkat kedoktoran ini. Semua urusan ini kerana kehendak diri maka kena dilaksanakan dengan baik mengikut jadual masa yang dirancang awal lagi.

Selepas perbincangan tentang persediaan dan kekuatan mental diri, faktor seperti kesesuaian dan kehandalan penyelia (*supervisor*) juga penting. Selalu kedengaran antara faktor kekandasan rakan sejawat yang memilih ke perjalanan menyambung pelajaran ke peringkat kedoktoran kerana mereka secara langsung atau tidak langsung 'terpilih' penyelia yang dekat-dekat berpenčen.

Apabila perkara ini sudah berlaku, mereka terpaksa dipindah alih di bawah penyeliaan pensyarah yang berlainan yang kemungkinan 'expert' bidang mereka tidak sama. Justeru, selepas lama mengaji dua atau tiga tahun, saat-saat ini mereka menghadapi nasib untuk bertukar tajuk tesis dan disuruh bermula sekali lagi (padahal sudah mencecah tahun ketiga atau keempat pada masa itu). Pemegang biasiswa semestinya tiada masa untuk berpatah balik. Semua faktor kelewatan bergraduat ini kena 'didenda' dan disuruh bayar balik beberapa peratusan daripada biasiswa tersebut. Memang tidak berbaloi. Justeru, pemilihan penyelia yang tepat juga penting.

Faktor seterusnya adalah kekuatan disiplin dan susunan diri dari segi jadual masa belajar, membaca, melengkapkan tesis, menjalankan kajian di lapangan serta membuat analisa kuantitatif dan kualitatif serta melengkapkan bab perbincangan dan rumusan juga penting. Tanpa perancangan yang rapi (khususnya bagi mereka yang telah kembali bertugas) akan melewatkan proses mengumpul data serta bahagian penulisan bab empat dan lima. Seterusnya mempengaruhi tarikh persediaan untuk VIVA .

Faktor bertukar maklumat, bekerja dalam satu kumpulan juga penting sekurang-kurangnya ada kawan fasa pembelajaran tempoh masa yang lebih kurang sama dengan diri untuk sentiasa mengingatkan diri tentang proses penulisan tesis mengikut sasaran tempoh masa yang dijangkakan. Saling menolong melengkapi antara satu sama lain, mengingatkan pihak yang lain. Proses pembelajaran yang secara berkumpulan atau berpasangan dengan bimbingan mentor (PROSPEN di IPG) memang berhasil dan membantu.



Faktor seterusnya, seandainya tajuk tesis pilihan kegemaran diri mungkin akan memberi dorongan dan motivasi yang tinggi untuk mendapat '*self actualisation*' yang tinggi bagi proses menyiapkan tesis ini. Walau bagaimanapun, sekira tajuk tesis tersebut di bawah geran seperti FRGS yang memang tajuk atau skop tesis sudah ditetapkan pun tak apa. Yang penting kita terima tawaran tersebut dan cuba menyiapkannya dengan seberapa komitmen yang boleh. "Minat boleh disemai, disiplin diri boleh dirancang"! Pegangan konsep ketegasan diri ini yang lebih diutamakan.

Secara kesimpulan, "di mana ada kemahuan di situ ada jalan". Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan memang berminat dan serius dari segi menyiapkan tesis anda, nescaya gelaran "Dr." tengah menunggu anda sekalian. Ingat, jangan lemah semangat dan terus perjalanan anda sehingga berjaya. Tahniah!



How Colourful My PhD Journey Was!

Dr. Kee Li Li

Academic Lecturer, Institute of Teacher Education Tun Hussein Onn Campus

During my tenure as a PhD candidate at Universiti Putra Malaysia, Malaysia, I participated in many academic activities, be they organised locally or even overseas. I went to National Taiwan Normal University, Taiwan for attending a short course on digital innovation, University of Macau, Macau SAR, China for presenting a poster on a section of literature review I did for my thesis, Mehran University of Engineering & Technology, Jamshoro, Pakistan for conducting a digital writing workshop and Palm Garden Hotel, Malaysia for presenting results of the pilot study I conducted. All these academic activities prepared me more adequately as a PhD candidate who was more competitive and ready to face numerous hurdles and challenges awaiting me.

Upon obtaining the permission from my initial Advisor, Prof. Dr. Arshad Abd Samad from Universiti Putra Malaysia, Malaysia, I embarked on the journey to National Taiwan Normal University, Taiwan under the sponsorship of The United Chinese School Teachers' Association of Malaysia, to attend a short course on digital innovation from the 4th to 22nd December 2017. This course was beneficial for my PhD studies as my focus was on ESL Writing, which was amalgamated with digital technologies. The input given by Dr. Chang YuHsin on using the *Flipsnack* application to publish e-books was simply astonishing. Gaining the knowledge on how to write and publish e-books using *Flipsnack*, I applied the knowledge in my PhD studies, in which I used an e-book writing software (i.e., *iSpring*) to improve the TESL pre-service teachers' ESL academic writing performance as the intervention of the quasi-experiment conducted.



National Taiwan Normal University



Photo taken with Dr. Chang YuHsin





An e-book I published using *Flipsnack*



A discussion with my colleague,
Miss Tan Jun Cheng

After obtaining successfully the permission from my Advisor-cum-Main Supervisor, Assoc. Prof. Dr. Abu Bakar Mohamed Razali from Universiti Putra Malaysia, Malaysia, I also travelled to Macau SAR, China. The trip was done to complete my poster presentation during the 16th AsiaTEFL International Conference, the 6th Hong Kong Association for Applied Linguistics Conference and the 1st Macau Association for Applied Linguistics Conference at University of Macau, Macau SAR, China from the 27th to 30th June 2018. I presented a poster on the “The Role of Digital Technologies in Facilitating the Learning of ESL Writing among Pre-Service Teachers in Malaysia: A Review of Literature”. This was one important section of the literature review conducted for my PhD studies. Upon the completion of my poster presentation, I obtained a number of feedback from the audience in which I used to further improve on the literature review section for my PhD studies.



University of Macau



The poster I created for the poster presentation





The audience (Miss Rafista and Miss Dameria from Indonesia) for my poster presentation, I also supported theirs



The programme book of the conference



A must-visit place, Ruins of St. Paul's

I went to Pakistan with my PhD friends (Dr. Yee Bee Choo, Madam Husna binti Yahya and Madam Harbans Kaur a/p Harpal Singh) upon obtaining permission from my Advisor-cum-Main Supervisor, Assoc. Prof. Dr. Abu Bakar Mohamed Razali. We conducted a digital writing workshop (i.e., Digital Writing: An Alternative Genre to Traditional Writing) for the 30 lecturers and students of Mehran University of Engineering & Technology, Jamshoro, Pakistan. Dr. Shumaila Memon extended her invitation to us in attending the 1st International Conference on English Language and Linguistics (ICELL 2019) organised by the university and because of her charming gestures, we conducted the workshop successfully during the pre-conference day. We also received the warmest welcome from all the faculty members as well as the university students. The effectiveness of the input increased my confidence in continuing my PhD studies, which focused on digital writing too.





Attended conference and conducted a digital writing workshop



Photo taken beside the banner prepared by the organiser



Received a plaque for the contribution as the workshop facilitator



A must-visit place – Ranikot Fort



Photo taken with Dr. Shumaila Memon and her daughters, as well as Mr. Ali Raza Khoso and Mr. Alee Ikram

Finally, I attended the 5th International Conference on Educational Research and Practice (ICERP 2019) on the 22nd and 23rd of October 2019, it was an international conference organised by the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, Malaysia at Palm Garden Hotel, Malaysia. Due to the kindest gestures of my Advisor-cum-Main Supervisor, Assoc. Prof. Dr. Abu Bakar Mohamed Razali, the conference fees were paid for with his research grant in which I felt so grateful for it. Upon the paper presentation, I obtained some comments and feedback for the pilot study I conducted, in which I also used the comments to improve on my PhD studies report writing.



Opening ceremony of the conference



Photo taken with the conference banner as the backdrop



My Advisor-cum-Main Supervisor, Assoc. Prof. Dr. Abu Bakar Mohamed Razali, lending his moral support



Photo taken with my PhD friend, Dr. Syamsina Zuhurin Shamsuddin who attended the conference too



Overall, I took part in all the academic activities and they contributed to the building of confidence in me as well as increased my knowledge on the research topic I had for my PhD studies. The activities better prepared me as a PhD candidate, making me more competitive and able to confront the obstacles and challenges that lay ahead.

My PhD journey was not dull and lonely; it was a fun, meaningful and colourful one. I met many wonderful people, who helped me at all times to move forward in my PhD studies and for that, I am feeling grateful, more than ever!



Coretan hidupku

Sering kali aku mendengar orang berkata...setiap apa-apa yang berlaku ada hikmahnya...puas aku memikir dan mencari hikmah di sebalik yang berlaku. Aku mencari-cari hikmah walaupun aku sendiri tidak pasti apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan hikmah seperti yang dikatakan atau mungkin ketika itu mereka hanya sekadar untuk menyedapkan hatiku yang sedang resah dan duka lara.. Allahu Akbar... Assalamualaikum wbt...kedengaran suara serak-serak basah ala-ala penyanyi Ella lagaknya...memberi salam memecah kesunyian pagi ... waalaikumsalam wbt aku dan kakak sulungku selaku ibu susuanku, menjawab salam diberi...tentu tertanya-tanya bukan...akan kuceritakan di kemudian nanti...Allahuakbar...Subhanallah...terpancar suaraku dan kakak sulungku...rupanya yang memberi salam, bersuara serak-serak basah adalah kakak yang keduaku yang bermastautin nun...di Utara Malaysia...bersama-sama rombongan lagak macam ...rombongan merisik beserta dulang-dulang hantaran. Meskipun bagaikan nyawa-nyawa ikan sekali pun, aku dan kak long, beranggapan tetamu tetap diraikan.

Merisik @ bertunang sebenarnya sudah dimaklumkan pada kak ngah (kakak di Utara)...ini berpunca daripada aku, bila cuti sekolah.. aku akan ke rumah kakakku nun...di utara, konon berkenan mak cik jiran rumah kakak nak buat menantu. Usiaku...sapaan diriku (Rinaz) ketika itu berusia belasan tahun, baru lepas SPMV dengan agregat 10/12, pintar bagi seorang budak kampung seperti aku, di SMV di ibu kota metropolitan (SMV ada kisah tersendiri di sebalik). Selesai persekolahan selama dua tahun aku bekerja *part time* di SPR, untuk menampung perbelanjaan aku dan sedikit wang untuk ibu ayah di kampung, merasa dan menikmati hasil titik peluh sendiri walaupun tidak seberapa, namun aku bersyukur atas nikmat yang Allah SWT berikan hasil usaha sendiri...Subhanallah nikmatnya ...kerana aku bukanlah daripada keluarga yang kaya-raya...Allahuakbar, namun aku amat berbangga dengan arwah kedua-dua ibu bapaku yang mendidikku menjadi insan berguna pada hari ini...Al-Fatihah...

Alamakkkk...melencong lagi aku.. sebenarnya niat jiran-jiran kak ngah aku sampaikan pada kak long dan keluargaku di kampung. Apa-apa pun ..kak long dan keluargaku putuskan setelah bermusyawarah antara ahli keluarga, memutuskan agar tangguhkan dulu hasrat jiran-jiran kak ngah, dengan alasan aku bukan tidak lulus peperiksaan SPMV malahan agregat pun memberangsangkan dan mendapat pangkat 1 (SPMV). Keluargaku mencadangkan aku meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Aku akur dengan saranan dan nasihat keluarga, lagipun aku memang anti orang utaraopssss...bukan semua (ada cerita di sebaliknya). Rentetan daripada itu aku mengambil keputusan menulis surat pada kak ngah, walaupun kak ngah buta huruf (tidak berpeluang belajar atas faktor kesempitan hidup keluarga dan ditugaskan menjaga adik-adik) tetapi abang ipar boleh membaca dan menulis ...aku salah seorangnya...menurut kata kak ngah aku yang paling perangai hodoh, kuat menangis dan degil, bila nak kan sesuatu menangis dan kencing di dukung kak ngah...Allahuakbar ..sehinggakan basah kuyup dan berbiji-biji pinggang kak ngah mengasuh empat orang adik...kerana sedikit bernasib baik tinggal dengan tok.. maka manja lebih kak long. Kamilah lima beradik duduk dengan arwah ayah ...sapaan Chek dan mek, yang seperti sedia maklum chek seorang yang sangat garang dan tegas dalam mendidik anak-anaknya. Majoriti kami adik-beradik semua merasa tali (untuk memukul kerbau ketika membajak tanah sawah padi). Abangku walaupun seorang sahaja anak lelaki dari 6 adik beradik dalam keluarga kami tidak terlepas daripada merasa tali tersebut. ...teruk dibelasah chek... dik kerana tertidur kepenatan seharian mengendalikan jentera membajak tanah dalam membantu chek...masih segar dalam ingatan...serta kupahat selamanya kata-kata *chek...hok ore jangan ambil, walau tak make...jangan meminta...kalau hendak usaha sendiri...dengan nada kelate pekat...tapi menasuk kelabuku...Allahuakbar tersasar lagi...*



Aku menulis surat pada kak ngah.. kerana pada waktu itu tiada teknologi canggih sekitar tahun 1989 seperti sekarang...Cuma ada surat berdaftar yang disebut telegram untuk kes-kes kecemasan...beralamatkan rumah kak ngah, kerana mengikut firasat aku abang ipar ku baca surat aku.. berserta alasan dan eviden bagai untuk mengelak hasrat jiran kak ngah. Bukti-bukti dinyatakan cukup kukuh.. dalam menolak hasrat jiran kak ngah. Sebaliknya, semakin kukuh eviden diberi namun...dengan ...salam diberi pada hening Ogos 1989, merubah segalanya. Rombongan dan kak ngah datang semata-mata untuk meminang ...susah payah datang dari nun jauh di utara...setelah aku memperjelas kedudukan aku.. serta kehendak keluarga sudah dinyatakan sejelas-jelasnya dalam surat yang kukirim tempoh hari...maka bagi tidak menghampakan kedua-dua pihak...tanpa disedari...ikatan pertunangan terjalin...tanpaku mengenali bakal suami...pun...anak yang menurut perintah...bagai...ditambah pihak lelaki memberi jaminanjanji cakap YA dan setuju terima sahaja pinangan ini ...tidak kisah 1 tahun atau 2 tahun sanggup tunggu....Subhanallah janji manusia....ermmmm tragik betul.

Walau bagaimanapun aku dah berubah status, iaitu sebagai tunangan orang.. dalam pada masa yang sama...rezeki ku mencurah-curah datang ...peluang sambung belajar...mendatangi aku...namun...status tunangan orang membataskan dalam membuat keputusan...serba-serbi kena tanya tunang....erkkkk..pandangan dan sebagainya.. berkaitan peluang-peluang sambung belajar... Sesuatu yang tidak kujangkakan ...pihak lelaki...datang untuk kesekian kalinya... bertujuan dan berhasrat kedatangan mempercepat jua bagi menghalalkan hubungan kami.. bukan lagi seperti yang dijanjikan 2 tahun atau 3 tahun...namun 2 bulan...Allahuakbar. ...aku diijabkabulkan. Iaitu pada Okt 1989, tarikh keramat yang merubah segalanya ...bagi kehidupan aku. ...mengapai kejayaan yang berliku...atas kapasiti ...kat mereka tidak manis atau elok tunang lama-lama...banyak permasalahannya...kata-kata keramat elok dihalahkan ...cepat-cepat kata-kata dari pihak lelaki.

Keluargaku berpegang pada janji serta mengharapkan ...namun dengan kesungguhan pihak lelaki maka keluargaku bersetuju dengan cadangan pihak lelaki. Allahuakbar...SubhanaAllah pada tanggal 4 Oktober aku diijabkabulkan ketika berusia 19 tanpa mengerti akan melayari bahtera kehidupanku aku dan rumah tangga, kerana waktu remaja dulu ...katakan nak bercinta... kawan lelaki yang lalu depan rumah pun... kena dengan bapaku yang kusapa chek, ...dik kerana ketegasan bapaku ...apatah lagi bercinta atau berkawan dengan lelaki...jauh sekali...Allahuakbar...namun sempat juga merasa alam percintaan sewaktu alam persekolahan...tapi cinta jarak jauh berjumpa atau datang rumah jauh sekali, Cuma melalui orang tengah sahabat karibku hingga hari ini...sahabat hingga Jannah menyampaikan pesanan...namun percintaan berakhir kerana si dia dapat melanjutkan pengajian ke *oversea*waktu usiaku 17 tahun masih di bangku sekolah masa menduduki peperiksaan SPMV...di ajaknya aku untuk berkahwin, serta mengikutnya ke *oversea*...Allahuakbar...masa dan detik itu Allah jua yang maha mengetahui...nak bagi tahu chek ...dia (Rafiq) melamarku...ada beraniiiiii...?????..Cuma yang aku nampak chek akan parangkan aku...ayat check nanti...umur setahun jagung dah nok nikoh...ayat lorat klate pekat...hubunganku terputus begitu sahaja...dek kerana kecewa yang amat sangat..dia (Rafiq) pergi tanpa pesan...dan kata-kata yang bolehku semat di hati jua sanubariku ...cinta pertama dan terakhir buatku...dari itu aku namakan anak lelaki tunggalku dengan nama Rafiq semoga menjadi seorang Al-Hafiz yang memberi bakti pada agama bangsa dan negara...amin.

Alam rumah tangga yang terbina ...tanpa ilmu rumah tangga... serta faktor usia mudaku indahnya tidak sampai setahun...itu pun nasib menyebelahi aku...kerana sebelum kahwin suamiku telah siapkan rumah dengan kelengkapan secukupnya...bak kata pepatah ...cuci kaki sahaja masuk rumah tersebut. Dengan demikian masalah duduk dengan mertua.. bukan masalah bagi ku. Majoriti semua kakak-kakakku.... mengalami masalah kerana duduk dengan mertua...bagiku tiada masalah tersebut timbul... masalah lain pula yang mendatang...Allahuakhbar...selepas setahun menjalani bahtera rumah tangga... masalah



lain pula yang mendatang ...Allahuakbar...setiap kali berlaku pertelingkahan..dalam rumah tangga ...beg baju aku berwarna *peach* itulah yang setia menunggu pintu untuk melangkah keluar dari rumah kononnya..darah muda bercampur tiada pengalaman...berkaitan alam rumah tangga...Pertelingkahan biasanya berlaku, biasanya dalam hal-hal berkaitan kewangan...biasalah selaku kaum hawa...inginkan kecantikan...*shopping*...terpaksa meminta perbelanjaan daripada sang suami...namun setiap kali permintaan diajukan jawapan sama terpancur daripada seseorang bergelar suami...nantilah...itulah ayat *power* yang selalu keluar dari mulut suamiku. Penantian demi penantian...suatu hari yang menjadi sejarah dalam hidupku...seperti biasa, aku mengajukan ayat keramat iaitu 'Abang ...saya nak duit sikit boleh tak?'...Allahuakbar se pantas kilat terpancur keluar daripada mulut suamiku...'nak buat apa duit?...hancur luluh perasaanku serta kesabaranku...maka aku nekad melepaskan segala yang terbuku di kalbuku ...setelah sekian lama...aku teringat janji-janji pihak suami, dulu-dulu masa bertunang...ayat keramat itu...*janji setuju menerima lamaran...selepas ini nak sambung belajar dan sebagai terpulung ...diizinkan...*maka dengan nekad dan berani...aku bersuara dengan tegasnya...*baik...abang tanya ya.. duit nak buat apa...mula hari ini..saat ini..saya tidak akan meminta duit dari abang...dan saya akan sambung belajar...sampai tahap ..tidak boleh belajar lagi...sama ada abang bagi atau tidak...*suamiku terdiam tidak menggulas apa-apa tentang permintaanku..kerana pada masa dan ketika itu, aku nekad serta janji pada diriku untuk usaha, kerja serta mencari duit sendiri untuk perbelanjaan bagi kelangsungan hidup...yang kuanggap sebagai cabaran buatku dalam membakar semangat...untuk aku sahut cabaran itu...Allahuakbar.

Bagi merealisasikan nekad serta menyahut cabaran tersebut langkah pertama aku, mengisi borang untuk menyambung pengajian di peringkat Sijil Perguruan di Maktab Tuanku Bainun Bukit Mertajam. Alhamdulillah permohonan aku diluluskan. Bermulalah episod aku sebagai pelajar...sedangkan masa itu aku dikurniakan dua orang puteri anak kedua aku baru berusia 2 tahun 6 bulan.

Memori Permohonan Pengajian Peringkat Diploma/Sijil Perguruan

Alhamdulillah bermula fasa aku bergelar pelajar...kerana aku diterima masuk ke Maktab Perguruan Tuanku Bainun, Bukit Mertajam Pulau Pinang (MPTB), yang kini bergelar Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun (IPGKTB) sesi 1994/1996 bagi Program Pendidikan Sekolah Menengah Kemahiran Hidup Ekonomi Rumah Tangga (PSM KHERT) selama 2 tahun 6 bulan. Pengajian sepenuh masa...bermula cabaran peranan sebagai seorang pelajar dewasa, isteri dan ibu kepada dua orang puteri...bawah jagaan suami dan ibu mertuaku...Allahuakbar. Alhamdulillah segalanya berjalan lancar meskipun pelbagai cabaran serta rintangan kutempuhi dengan reda...mungkin faktor usiaku ketika itu 24 tahun...masih boleh mengikuti segala program dan aktiviti yang dijalankan semasa menjalani program-program yang dijalankan semasa pengajian di maktab. Setiap hujung minggu balik kampung menjalankan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu pada anak-anak yang masih kecil yang sulung pada ketika itu berusia 31/2 tahun manakala puteri kedua berusia 21/2 tahun...yang paling segar dan menjadi kenangan terindah...ada suatu ketika balik kampung konvoi naik motosikal...jenama lupa...plat no. RD 566, bersama-sama 20 orang rakan-rakan dari utara Kedah dan Perlis...kerana untuk pergerakkan dalam kampus.. suamiku sediakan motosikal...tahun akhir di maktab baru ...disediakan kereta ..jenama Daihatsu Charade kalau tak silap...dengan memaximum penggunaan ...tahun akhir, tamat pengajian...mengangkut barang sampai ke bumbung ...tinggal ruang untuk *driver and co-driver* sahaja..

Tamat pengajian aku ditempatkan di SMK Tunku Bendahara, Kodiang Kedah..sempadan negeri Kedah dan Perlis, merupakan penempatan pertama aku setelah tamat pengajian di Maktab Perguruan Tuanku Bainun, bergelar seorang 'guru' sekolah menengah banyak cabaran dan dugaan. Hari pertama mengajar...subhanallah...*first time* masuk kelas, pelajar lelaki terutamanya...siap dengan kata-kata aluan *weee....weppp..sweet... nyer cikgu...* mungkin fizikal ku kecil comel umur 27 tahun...siap datang hadapan kelas ukur ketinggian aku dengannya...allahuakbar... dipertanggungjawabkan mengajar subjek Bahasa Melayu pelajar



tingkatan 2...yang paling selamat bagi ...guru-guru baru *posting* macam aku adalah membuat karangan...tajuk *cliche* 'Persepsi Pelajar Terhadap Guru Baharu'. Subhanallah...berjela-jela karangan pelajar....allahuakbar...dipendekkan cerita 3 tahun aku mengajar di SMK Tunku Bendahara...datang hidayah untuk menyambung pengajian peringkat Ijazah. Sehubungan dengan aku dikurniakan rezeki seorang lagi puteri...setahun kemudian selepas *posting* di SMK Tunku Bendahara. Dalam masa yang sama puteri ke 3 ku berumur 21/2 tahun. Bagi meneruskan perjuanganku dalam mujahid ilmu aku mohon Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG), iaitu setahun di Maktab Perguruan dan 21/2 tahun di Universiti tempatan. Alhamdulillah permohonan ku diterima pengajian program Ijazah Sarjana Muda (Bacelor Pendidikan Sains Rumah Tangga), 1 tahun di Maktab Teknik, Cheras dan 21/2 tahun di UPM, Serdang Selangor. Penggajian sepenuh masa dan separuh gaji.

Memori Permohonan Pengajian Peringkat Sarjana Muda



Alhamdulillah bermula lagi fasa aku bergelar pelajar...kerana aku diterima untuk mengikuti pengajian Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) Ijazah Sarjana Muda (Bacelor Pendidikan Sains Rumah Tangga), 1 tahun di Maktab Teknik, Cheras dan 21/2 tahun di UPM, Serdang Selangor. Penggajian sepenuh masa dan separuh gaji sesi 2001/2004. sekali lagi cabaran serta dugaan ku tempuhi dengan hati terbuka, kerana keyakinan terpahat di dadaku, ini pilihan, masa depan dan tekadku ingin menambah ilmu serta bakti pada anak-anak bangsa dengan kepakaran yang sedikit, ingin aku kembangkan...bagi kegunaan semua.

Berbekalkan gaji separuh untuk pengajian sepenuh masa, dalam pada itu aku membeli aset iaitu rumah. Potongan pinjaman bulanan rumah, walau ada membuat rayuan namun rayuan

penangguhan bayaran bulanan ditolak, meskipun masa itu gaji separuh, potongan rumah bulanan masih berjalan seperti biasa...perit rasanya ...bila baki gaji tinggal hanya RM50.00..allahu akbar. PTPTN menjadi pilihan utama bagi menampung pembayaran yuran dan perbelanjaan lain, namun aku kena kuat serta yakin Allah swt pasti akan menolong hambanya dalam pelbagai bentuk...alhamdulillah..syukur segalanya dipermudahkan urusan pengajian ku...namun aku diuji lagi..tahun akhir aku diberi rezeki..mendapat putera bongsuku..bertambah rezekiku 3 puteri dan 1 putera...alhamdulillah....Peperiksaan akhir aku dalam pantang ...selepas melahirkan puteraku 2 minggu...terpaksa bawa *baby* ke rumah sewa dan berpantang di rumah sewa..alhamdulillah ditemani kakakku dalam membantu aku berpantang dan menjaga *babyku* alhamdulillah...syukur allahuakbar.

Tamat pengajian Ijazahku di UPM aku ditempatkan di SMK Padang Besar Utara, Padang Besar, Perlis.....sempadan negeri Perlis dengan negara Thailand, merupakan penempatan kedua aku setelah tamat pengajian. Bila dibuat penelitian..memang aku ditakdirkan penempatan di sempadan negeri ...masyaallah..SMK Padang Besar Utara aku berkhidmat cuma 6 bulan sahaja. Permohonan pertukaran ku diluluskan, penempatan ketigaku di SMK Syed Ahmad Tambun Tulang, Arau Perlis...sempadan negeri Perlis dengan Kedah...sempadan lagi...subhanallah.....di SMK Tambun Tulang aku mengajar subjek bidang kepakaranku iaitu Ekonomi Rumah Tangga. Dipertanggungjawab menjaga bengkel-bengkel iaitu Bengkel Masakan dan Bengkel Jahitan. Alhamdulillah.....aku dapat jalankan tanggung jawab yang diamanahkan sebaik mungkin. SMK Tambun Tulang aku berkhidmat hampir 4 tahun, kerana permohonanku sebagai pensyarah IPGK Perlis, diluluskan pada 16 Jan 2008 aku ditempatkan Jabatan Pengajian Teknikal IPGKPs. Bermulalah kerjayaku dari seorang guru kepada Pensyarah IPG. Sebaik mungkin aku cuba jalankan amanah tugas yang diberi dengan pertolongan dari yang maha esa, inshallah segalanya akan ku lakukan sebaik mungkin demi anak bangsa dan negara.

Memori Permohonan Pengajian Peringkat Sarjana



Alhamdulillah..aku diberi hidayah lagi oleh Allah swt untuk menyambung pengajian peringkat Sarjana..alhamdulillah aku bersama 2 rakanku bersepakat mendaftar pengajian Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan dan Multimedia) sesi 2006/2009 di USM secara *part time* dan pembiayaan sendiri. Allahuakhbar..ujian serta cabaran dalam tempoh pengajian..amat-amat menguji...sehingga kepada satu tahap...aku seakan ingin tamatkan pengajianku...dengan komitmen mengajar di sekolah berpuluh-puluh waktu mengajar...hujung minggu kelas Sarjana di USM...namun kawan seperjuangan ada sebahagian..memotivasikan aku supaya meneruskan pengajianku sehingga garis penamat...allahuakhbar...Mujahid ilmu seharusnya kuat, semangat dan cekal dalam mengekalkan komitmen pengajian. Pengajian Sarjana aku, diteruskan meskipun aku ditempatkan di IPG Kampus Perlis sebagai Pensyarah di Jabatan Pengajian Teknikal, mengajar subjek Teknologi Rumah Tangga.

Alhamdulillah sebagai Pensyarah IPG, bebanan waktu mengajar tidak seperti di sekolah berpuluh-puluh waktu, hanya berbelas waktu seminggu di samping menyedia portfolio kursus dan pensyarah, maka aku dapat tumpukan pada pengajian Sarjanaku. Alhamdulillah ..tamat

pengajian Sarjanaku di USM, konvokesyen pada 20 Mac 2010...penempatanku kekal di IPGKPs. Alhamdulillah...hidayah menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah datang menjengukku lagi...serta mencuba nasib memohon tajaan biasiswa. Permohonan pertama aku gagal dipanggil temuduga...serta umur untuk biasiswa penuh pada masa itu umur kelayakan tidak melebihi 40 tahun, sekarang ini sehingga 46 tahun. Semangatku semakin membuak-buak mungkin nekad dan sahut cabaran suamiku Allah swt kuatkan semangatku...subhanallah..Permohonan keduaku berjaya di panggil temuduga dan aku ditakdir lulus temuduga, serta ditawarkan dengan biasiswa tanpa cuti, dengan kata lain aku meneruskan pengajianku dan sambil bekerja.

Memori Permohonan Pengajian Peringkat PhD



Aku tiba-tiba telah dikejutkan oleh sahabatku Nurwaina bt Rasit ketika aku bertugas di IPGK Perempuan Melayu, Melaka agar mengisi borang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Bahasa Arab. Aku sebenarnya telah bertukar bidang ketika menyambung pengajian di peringkat sarjana. Namun aku turuti juga memandangkan aku mengikut beberapa pandangan sahabat lain agar mengikut bidang semasa Ijazah Sarjana Muda. Proses mengisi borang berjalan lancar. Apabila tiba tarikh temu duga, sekali lagi aku dikejutkan dengan tarikh dan masa untuk temu duga sama dengan tarikh penerbangan anak sulung aku untuk melanjutkan pengajian di Rubat Tareem, Yaman. Aku mengambil keputusan untuk menolak tawaran tersebut. Namun seorang pensyarah yang bernama Dr Kamarudin Abu Hasan telah memberi cadangan agar aku menghubungi pihak Bahagian Tajaan untuk meminta pertukaran tarikh temu duga. Alhamdulillah dengan izin Allah dipermudah urusan tersebut. Ketika hari kejadian, aku ditemani seorang anak perempuan kerana suamiku ada urusan lain bertolak dari Melaka ke IPGKTHO. Sesampai sahaja aku di sana aku terus ke tempat temu duga. Aku bercadang untuk berehat sekejap kerana pada asalnya aku dijadualkan pada waktu petang. Tiba-tiba AJK pendaftaran memaklumkan bahawa giliran aku akan tiba sebentar lagi. Subhanallah, Masya Allah lidah aku dibasahi ucapan tersebut. Rasa nak pengsan pun ada. Baru sahaja sampai terus naik ke bilik temu duga dalam keadaan keletihan namun aku kuatkan semangat. Alhamdulillah akhirnya proses temu duga berjalan lancar. Dalam perjalanan pulang hari dan perasaan rasa tidak selesa, walau perut rasa lapar namun keinginan untuk makan tidak ada. Tetapi aku gagahi juga berhenti untuk solat dan makan kerana peneman aku kelaparan. Selang beberapa bulan keputusan temu duga keluar, sahabatku memaklumkan bahawa dia telah berjaya dalam temu duga untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa. Dapat Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Aku pun terus membuat semakan. Alhamdulillah aku juga berjaya. Alhamdulillah, Alhamdulillah, Alhamdulillah betapa seronoknya, terus aku memberitahu suamiku dan meminta pandangannya sama ada hendak terima atau menolak memandangkan ketika itu aku masih ada *baby* berusia 2 tahun (anak ke 4). Persetujuan telah dibuat. Reda suami diutamakan. Urusan anak-anak terus diambil alih oleh suamiku apabila aku mula pengajian pada awal September 2016.



Bermulanya Perjalanan Pengajiaku

Sebelum mendaftar aku telah menghadiri kursus wajib selama seminggu di Genting Highland. Maka bermulalah langkah pertama meninggalkan suami dan anak-anak demi perjuangan. Pemilihan untuk melanjutkan pengajian ke UKM juga atas saranan sahabat-sahabat di IPGKPM memandangkan UKM agak mudah untuk aku berulang-alik. Semester pertama bermula dengan pengajian dua subjek utama, iaitu Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dan kaedah Penyelidikan Kualitatif. Bermulalah perkenalan dengan sahabat-sahabat baharu. Sepanjang satu semester aku bertemu dengan penyelia utamaku Prof. Dr. Nik Mohd Rahimi bin Nik Yusoff untuk menyatakan tajuk proposalku. Beberapa kali aku berusaha mencadangkan tajuk yang bersesuaian, namun belum mendapat atau menjentik hati prof. Apa-apa yang diberitahu adalah balik baca dan baca lagi. Setiap kali hendak bertemu penyelia mesti aku kecut perut. Namun cara terbaik penyelia untuk membimbing aku adalah dengan cara meminta aku membaca beberapa tesis di bawah seliaannya dan memberi Sembilan (9) untuk aku mengetahui apa-apa isi kajian tesis tersebut. Apabila selesai bacaan aku diminta untuk membentangkan di depannya. Kini baru aku faham pentingnya kaedah tersebut. Sepanjang tempoh satu semester pengajian, aku juga sentiasa mengikuti beberapa bengkel yang berkaitan dengan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi memahami secara tepat sebelum membuat pilihan sama ada hendak mengkaji dengan menggunakan kaedah mana. Akhirnya terhasillah proposalku di bawah tajuk Efikasi Kendiri Guru Bahasa Arab dalam pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dengan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Tapi akhirnya aku memilih hanya satu, iaitu Kaedah Kualitatif. Perlunya bengkel yang pelbagai bagi memahami cara metod penyelidikan dalam kajian. Dalam proses pengajian kita perlu berkongsi idea dan perlu ada group pengajian. Geng aku diberi nama 'Mujahidah PhD Gengz'. Ahli group ini seramai enam orang. Kini tinggal lima orang kerana seorang sahabatku telah dijemput Ilahi. Al-Fatihah. Di samping itu, aku juga menyertai group bimbingan Dr. Isa bin Hamzah dan perjumpaan akan diadakan sebulan sekali bagi membincangkan dan membentangkan proposal dan lain-lain. Aku juga serta grup VIVA PhD, dan grup ini merupakan grup umum, untuk membentangkan dan mendengar bimbingan daripada Dato Prof. Ab Halim Tamuri. Selain itu, aku sertai juga grup kajian kualitatif bagi memahirkan lagi kajian kualitatif yang menjadi pilihanku. Prof. Madya Dr. Mursyid bin Arshad merupakan pensyarah yang banyak membantu dan menyelesaikan masalah berkaitan kajian kualitatif dalam grup tersebut.

Fasa Pembentangan

Fasa yang telah disusun oleh fakulti Pendidikan di UKM memudahkan pelajar mempercepat pengajian. Terdapat 3 fasa pembentangan yang telah ditetapkan oleh pihak Fakulti Pendidikan. Pertama fasa pembentangan proposal, pembentangan kemajuan (data) dan fasa pembentangan pemantapan. Apabila pembetulan pemantapan diluluskan barulah pelajar akan diberi peluang untuk menghantar draf tesis dan akhirnya akan diberi tarikh VIVA. Sebelum VIVA aku ambil peluang peruntukkan masa untuk penulisan tesis. Ada kalanya aku dan sahabatku Tengku Husna memilih hotel di Seremban untuk kami fokuskan dalam penulisan. Membuat pembetulan dan membaca semula draf tesis tersebut. Mengupah *proofreader* untuk membaca dan memperbaiki penulisan.

Cabaran Dan Dugaan Ketika Pengajian

Asam Garam Pengajian Mesti Ada Ujian Dan Dugaan Adalah Antara Kata-Kata Sahabatku Juga ketika aku mula mendaftar. Awal pengajian aku tidak nampak ujian dan dugaannya. Namun setelah satu tahun pengajiaku, aku telah diuji dengan kesihatan. Aku telah dimasukkan ke dalam wad kerana tekanan darah tinggi dan setelah diperiksa akhirnya aku juga telah disahkan mendapat kencing manis dan kolestrol. Ini juga nikmat sebenarnya. Walau bagaimanapun aku tetap bersemangat kerana sumber inspirasiku, iaitu suami dan anak-anakku kuat memberi semangat dan dorongan untuk aku meneruskan pengajiaku. Suamiku selalu meminta aku fokuskan penulisan dan mengumpul data yang berkaitan. Beliau memberi keizinan sepenuhnya. Alhamdulillah berkat kesabaran dan ketabahan aku lalui penyakitnya dengan tenang. Di Oriental Hospital, kebetulan aku mempunyai insurans kesihatan, aku juga



tetap membawa komputer ribaku agar aku sentiasa berterusan dalam penulisan proposalku. Walau bagaimanapun aku antara yang awal membenteng proposal. Selalu berjumpa penyelia antara faktor proposal dapat dibenteng awal. Semasa aku di hospital, suamiku juga berada di hospital kerana mendapat penyakit batu karang. Seminggu selepas aku dan suami sihat, anak bongsu pula demam. Itulah antara ujian semasa pengajian. Ingatkan satu ujian sahaja yang menimpa diri, rupanya dua. Ketika aku menganalisis data, aku telah diuji dengan kehilangan semua data. Hal ini terjadi kerana aku memformatkan semula laptop aku kononya untuk bagi laju. Rupanya disebabkan format itu perisian atlas ti 8 dan data yang telah dikod dan dikategori telah hilang. Ya Allah, hanya Allah sahaja yang tahu. Satu daripada sebabnya ialah aku tidak 'save projek bundle'. Seingat aku ketika itu, aku tak belajar cara nak save sebegini. Inilah kelemahan jika kita belajar tak habis. Bengkel analisis data menggunakan perisian Atlas ti cukup mudah bagi menyusun data, namun kena belajar sehingga betul-betul faham agar mudah bagi kita jika berlaku apa-apa masalah. Namun ujian bukanlah menjadi penghalang untuk aku meneruskan perjuanganku. VIVA Berkat doa dan kesabaran telah menjadikan aku akhirnya sampai ke tahap mendapat tarikh untuk menghadiri ujian lisan atau *viva voce*. Walau sehebat manapun, walau sesibuk manapun, Allah tetap di hati dan ingatan. Tarikh teramat yang ditunggu-tunggu telah tiba. Tarikh VIVA aku telah ditetapkan pada bulan Oktober 2019. Awal sehari aku dan keluarga memilih untuk tinggal di hotel dalam Kawasan UKM bagi memudahkan urusan VIVA. Pagi aku bersiap sedia untuk ke bilik VIVA dengan ditemani suami tercinta Mohammad Zamri bin Jusoh. Proses VIVA berjalan lancar. Alhamdulillah berkat kesungguhan dan doa suami, anak-anak dan saudara mara serta sahabat semua akhirnya aku lulus ujian lisan dengan sedikit pembetulan. Aku mengucapkan ucapan terima kasih kepada penyelia utamaku Prof. Nik Rahimi, pembaca tesis dalaman Dr. Harun bin Baharuddin dan pembaca tesis luaran Prof. Madya Dr. Ariffin bin Mamat. Ucapan terima kasih juga aku lafazkan secara maya kepada penyelia keduaku Prof. Madya Dr. Maimun Aqsa Lubis kerana ketika itu beliau telah bersara.

Penghantaran Tesis

Selepas selesai VIVA aku telah diperingatkan agar segera membuat pembetulan berdasarkan komen daripada kedua-dua pembaca dan segera menghantar tesis ke fakulti supaya aku tergolong dalam kumpulan yang akan menerima Anugerah GOT daripada Fakulti Pendidikan. Matlamat dan azam inilah yang menjadikan aku bersemangat dan berusaha untuk mencapai GOT. Penyeliaku juga mengharapkan aku mendapat GOT. Akhirnya pada tanggal 30 Disember 2021 aku telah berada di kuanter Fakulti Pendidikan untuk menyerahkan tesis sebanyak dua naskah. Tarikh keramat ini adalah sempena hari kelahiranku. Terima kasih ibu dan ayahku tersayang. Inilah yang dapat anakanda dapat buktikan kepada bonda dan ayahanda walaupun bonda kembali telah kepengkuan Ilahi pada tahun 2005.

Majlis Konvokesyen Semasa Pendemik Covid-19

Majlis konvokesyen yang dijangka pada November tahun 2020 terpaksa ditangguhkan akibat pandemik Covid-19 bermula bulan Mac 2020. Majlis konvokesyen UKM kali ke-48 dengan SOP yang ketat akhirnya telah diizinkan Allah telah dapat dilaksanakan pada 3 April 2021. Nama aku telah dijadualkan dalam sidang 1. Pertama kali kakiku melangkah ke dalam Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM. MasyaAllah. Sidang 1 adalah sidang canselor. Alhamdulillah. Suasana amat dijaga dengan rapi. Wajah wajib ditutup dengan *face mask* yang telah disediakan oleh UKM. Graduan tidak bebas untuk mengambil gambar. Inilah suasana konvokesyen semasa pandemik Covid-19. Semasa selesai majlis konvokesyen juga semua graduan tidak dibenarkan berkumpul beramai-ramai untuk bergambar terutama sekali tempat-tempat yang biasa graduan mengambil gambar. Pengawal keselamatan telah ditugaskan untuk mengawal tempat-tempat tersebut. Namun, aku tetap bersyukur kerana majlis konvokesyen yang dirancang dapat dilaksanakan walaupun dengan SOP yang sangat ketat. Pandemik Covid-19 hingga kini masih belum berakhir.

Syukur atas Anugerah GOT Tahun 2020



Hanya Allah SWT sahaja tempat aku menyatakan betapa aku bersyukur dengan segala nikmat yang telah dikurniakan. Nama aku tersenarai dalam kumpulan yang akan dianugerahkan Graduate On Time (GOT) daripada Fakulti Pendidikan pada 2 April 2021. Tanggal 1 April 2021 aku sekeluarga berangkat daripada Kedah ke UKM dengan kereta setelah mendapat kelulusan daripada pihak polis. Majlis penganugerahan ini hanya dibenarkan berlangsung selama dua jam sahaja. Aku dan penyeliaku sempat bergambar sejeurus tamat majlis tersebut walau seketika. Kejayaan ini adalah berkat reda suami dan anak-anak serta penyeliaku dengan izin Allah SWT. Tepat masa dalam penulisan walaupun berada dalam cuti perlu diteruskan. Tip utama dalam kejayaan antaranya selalu berjumpa dengan penyelia, berbincang setiap langkah penulisan dan perlu susun jadual penulisan dengan baik. Mengikuti bengkel-bengkel yang bersesuaian dengan metod penyelidikan kita. Membaca dan terus membaca pada awal pengajian supaya idea kita bertambah. Satu lagi berkongsilah ilmu yang ada dengan sahabat seperjuangan. Sebelum pena ini berakhir, aku sekali lagi ingin merakamkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga buat pihak tajaan KPM, suami dan anak-anak, ibu bapa dan kedua-dua penyeliaku, pembaca tesisku, penilai tesisku dan semua pensyarah UKM khususnya pensyarah di Fakulti Pendidikan UKM atas segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan. Semoga Allah sahaja yang dapat membalasnya. Tak lupa juga kepada semua sahabat yang bertugas di IPG kampus Perempuan Melayu, Melaka dan Pensyarah IPG Kampus Darulaman. Aku mula melangkah kaki ke IPGKDA pada awal September 2019.



Ijazah Doktor Falsafah...Tiket Terbang Tinggi

Dr. Rayner Tangkui

Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau

“Buat apa lagi kau mahu sambung belajar, tidak cukupkah kau punya *Master*? Bikin sakit kepala saja, banyak lagi mahu pakai duit. Bukan naik gaji juga. Bagus lagi kau pergi melancong atau buka kebun”. Masih segar dalam ingatan ini kata-kata yang diungkapkan oleh rakan seperjuangan semasa melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana di Universiti Malaysia Sabah (UMS), seolah-olah memberi amaran akan kesan yang bakal aku hadapi sekiranya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah atau lebih mesra dipanggil PhD. Kata-katanya ada kebenaran; melanjutkan pengajian ke peringkat PhD bukan sesuatu yang mudah atau yang digemari ramai, sekurang-kurangnya begitulah pemahamanku. Mana tidaknya, apabila aku melihat di sekelilingku, boleh dikira berapa orang sahaja rakan atau kenalanku yang telah berjaya menamatkan pengajian PhD masing-masing. Aku maklum ramai yang telah mendaftarkan diri untuk melanjutkan pengajian ke peringkat itu, namun bilangan yang berjaya menggenggam segulung Ijazah PhD setahu aku tidak sampai dua orang yang aku kenali. Namun demikian, aku telah berjaya menamatkan pengajian PhDku, sesuatu perkara yang tidak pernah aku sangka sebenarnya, namun sesuatu yang aku yakin tidak mustahil untuk dilakukan. Aku yakin, perjalanan setiap insan yang berjaya menamatkan pengajian PhD pasti penuh dengan cabaran, halangan dan ujian yang tersendiri. Namun hanya Tuhan saja yang tahu perasaan yang dirasai seseorang pelajar PhD tatkala berjaya menamatkan pengajian yang mungkin mengambil masa 4 tahun, 5 tahun malah ada yang mengambil masa 10 tahun. Pada kesempatan ini, aku ingin coretkan sedikit perkongsian perjalanan PhDku; mengapa aku menyambung pengajian di kala rakan-rakan lain sibuk menceburkan diri dalam bidang-bidang seperti pelaburan, perniagaan, pertanian komersial yang menjanjikan pulangan kewangan yang lumayan berbanding menyambung pengajian yang belum terjamin akan sampai ke garisan penamat serta corak kehidupanku setelah bergelar seorang graduan PhD.

Kalah bukan sekarang, bila lagi?

Secara jujurnya aku tidak pernah berniat untuk melanjutkan pengajian lagi setelah tamat pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pada ketika itu aku rasakan cukuplah sudah kehidupan yang aku lalui sebagai siswa. Aku sudah tidak sanggup lagi untuk berhempas pulas sehingga terpaksa *stay up* hingga lewat malam semata-mata untuk menyiapkan tugas yang diberi. Itu belum mengambil kira terpaksa berebut dengan pelajar lain untuk menaiki bas bagi menghadiri kuliah. Setelah tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda, aku lebih terfikir untuk mencari pekerjaan kerana pada masa itu sumber pendapatan adalah lebih utama bagiku. Impian untuk memiliki rumah sendiri, kenderaan sendiri, makan di restoran mewah sering bermain-main di fikiranku. Namun demikian, apa jua yang kita idamkan belum pasti menjadi kenyataan. Hampir dua tahun aku terpaksa menganggur kerana tidak memperoleh pekerjaan tetap. Dalam dua tahun itu aku melakukan bermacam-macam pekerjaan dari menjadi pereka grafik di syarikat swasta di Kota Kinabalu sehinggalah menjadi pelayan di restoran. Impian aku untuk memiliki kediaman mewah serta makan di restoran mewah seperti tidak akan menjadi kenyataan. Aku pasrah, mungkin kerana kelulusanku dalam bidang Sains Komputer membuatkan aku sukar untuk memperoleh pekerjaan dalam bidang tersebut di negeri Sabah. Pernah juga terlintas di fikiranku untuk berhijrah ke Kuala Lumpur atau Singapura kerana aku dengar tawaran pekerjaan dalam bidang aku mudah ditemui di tempat-tempat tersebut dengan bayaran gaji yang lumayan. Namun seperti lazimnya, masalah kewangan menjadi penghalang untuk aku berhijrah ke tempat-tempat tersebut bagi mencari pekerjaan.

Setelah bergelut selama dua tahun mengharungi asam garam dunia pekerjaan, aku dimaklumkan oleh ahli keluargaku bahawa terdapat tawaran pengambilan untuk mengikuti kursus perguruan khas untuk graduan di Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia.



Khabar ini umpama sinar harapan bagiku untuk mengubah perjalanan hidupku. Namun demikian, terlintas di fikiranku; mahukah aku menjadi seorang guru? Seorang cikgu? Seorang pendidik? Sanggupkah lagi aku bangun awal pagi untuk ke sekolah? Berhadapan dengan anak-anak kecil yang sudah pasti mempunyai seribu satu macam ragam? Aku mengambil masa tiga hari untuk memikirkan tawaran tersebut. Setelah mengambil kira bahawa tawaran ini mampu memberikan aku pekerjaan tetap, aku beranikan diri mengisi borang tawaran tersebut. Mungkin sudah rencana Tuhan, aku berjaya dipanggil untuk menghadiri temu duga sebagai tapisan terakhir untuk diambil masuk ke dalam kursus tersebut. Ternyata nasib menyebelahiku. Aku berjaya lulus dalam temu duga tersebut dan ditempatkan sebagai guru pelatih di IPG Kampus Keningau, Sabah. Dan dengan itu bermulalah karier aku sebagai seorang guru.

Kalau Bukan Sekarang, Bila lagi?

Tanggal 25 Januari 2013, ketika aku sedang membaca surat khabar *Daily Express*, aku terlihat iklan tawaran pengajian peringkat Sarjana di UMS di suatu sudut kecil pada keratan muka surat akhbar tersebut. Pada mulanya aku melihat iklan tersebut secara sambil lewa, lantas membelek ke muka surat sebelah. Namun, tergerak hati ini untuk melihat semula iklan tersebut. Aku tidak pasti apa yang membuatkan aku kembali melihat iklan tersebut yang hanya mengandungi beberapa coretan yang menerangkan mengenai bidang kursus yang ditawarkan. Sedang aku meneliti iklan tersebut, secara tiba-tiba suatu persoalan timbul dalam diriku; mahukah aku sambung belajar lagi? Mahukah aku buat *Master*? Tidak pernah sebenarnya aku terfikir untuk meneruskan pengajian setelah 6 tahun bergelar guru. Aku senang dengan kehidupanku sekarang, sudah berkeluarga, mempunyai rumah serta kenderaan idaman. Namun aku tidak nafikan, wujud sedikit rasa cemburu terhadap beberapa orang rakan guru di daerah tempat aku mengajar yang aku tahu adalah graduan Ijazah Sarjana. Aku kagum dengan pencapaian mereka dan aku dapat rasakan bahawa sememangnya terdapat perbezaan status apabila aku bergaul di samping mereka. Bukanlah mereka menunjuk-nunjuk pencapaian yang mereka kecapai, namun itulah hakikatnya. Taraf pencapaian akademik lazimnya meningkatkan lagi status seseorang di mata masyarakat.

“Kalau orang lain boleh, kau pun boleh bah”. Begitulah kata-kata semangat rakan sekerjaku di saat aku menyatakan hasrat untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana. Rakanku turut bertanya, apa yang akan aku peroleh sekiranya berjaya menamatkan pengajian. Naik gred? Naik gaji? Aku katakan tidak, tiada apa-apa yang akan berubah dari segi gred mahupun gaji. Jadi mengapa aku ingin menyambung pengajian walaupun aku maklum bahawa aku tetap akan berada di kedudukan perjawatan dan gaji yang sama? Aku jelaskan pada rakanku bahawa sebagai seorang guru, aku sudah mencuba dan merasai pelbagai perkara; melatih serta mengiring murid dalam penyertaan acara sukan sama ada di peringkat daerah mahupun negeri, terlibat dengan program PIBG, menyertai pertandingan-pertandingan keceriaan sekolah, menyertai pertandingan inovasi, terlibat dengan program akademik dan bermacam-macam lagi. Aku ingin mencuba sesuatu yang baru dan menyambung pengajian adalah perkara yang ingin aku lakukan. Aku turut menambah, ‘kalau bukan sekarang, bila lagi?’

Tanpa disedari sudah dua tahun aku menamatkan pengajian dalam bidang Sarjana dan kini merupakan graduan Sarjana dalam bidang Komputer dalam Pendidikan. Seperti yang aku jangkakan, tidak ada perubahan dalam hidupku dari segi perjawatan dan gaji yang aku terima. Namun yang berubah adalah persepsi aku terhadap pengajian yang telah aku tamatkan. Tercetus rasa minat dan keterujaan dalam diriku apabila membuat penyelidikan. Aku hairan kerana aku menyukai saat-saat pencarian artikel dalam jurnal bagi membuat sorotan literatur. Aku gemar akan saat-saat mengadakan perbincangan bersama-sama rakan sekuliahku, membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan metodologi, persoalan kajian mahupun analisis kajian. Aku tersenyum riang apabila berjaya menemukan artikel berimpak tinggi yang berupaya membantu dalam penulisanku. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa sememangnya terdapat saat-saat genting dalam perjalanan Sarjanaku, terutama apabila tidak mampu menepati saranan dan cadangan daripada penyeliaku yang merupakan seseorang



yang sangat teliti. Lembaran draf penulisan *proposai* dari atas meja ke lantai sudah menjadi lumrah sekiranya tidak menepati apa yang dikehendaki oleh penyelia. “Saya suruh kamu tulis lain, kenapa kamu tulis macam ni?” Begitulah leteran yang sering aku terima. Apabila dikenang semula, terasa lucu dan mencuit hati pula.

Tiket Terbang Tinggi

Tanggal 17 Februari 2017. Aku mendapat khabar bahawa seorang rakan seperjuanganku semasa pengajian Sarjana telah menyambung pengajian ke peringkat PhD. Aku terkejut, dan dalam masa yang sama kagum, kerana rakanku tersebut tidak pernah menyatakan hasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat seterusnya. Aku tidak sempat bertemu mahupun menghubunginya, dan dengan itu tidak sempat bertanya sebab atau apa yang mendorongnya untuk menyambung pengajian. Aku pasti dia mempunyai alasan tersendiri. Bagaimana pula dengan diriku? Sememangnya aku meminat bidang kajian dan penyelidikan, tetapi tidak pasti sama ada ingin menyambung pengajian ke peringkat PhD atau sebaliknya. Aku maklum bahawa tiada jaminan seseorang akan mampu menghabiskan pengajian PhD. Masalah keluarga, masalah kewangan, beban tugas di tempat kerja dan sebagainya lagi sememang mempengaruhi fokus dan komitmen untuk menyiapkan pengajian di peringkat PhD. Namun yang lebih utama bagi diriku adalah apa yang akan aku perolehi sekiranya aku berjaya menamatkan pengajian PhD? Sekiranya aku kekal di kedudukan yang sama, lebih baik aku menceburkan diri dalam bidang perniagaan, pertanian atau pelaburan yang lebih menjanjikan keuntungan dan pulangan wang ringgit. Sedang aku memikirkan perkara tersebut, timbul semula persoalan yang pernah bermain di fikiranku semasa aku mempertimbangkan untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana; mahukah aku sambung PhD? Apakah yang akan aku perolehi sekiranya berjaya menamatkan pengajian? Kalau hanya menyakitkan kepala baik aku buat benda lain. Namun demikian, aku lebih matang dan lebih rasional ketika ini. Aku bercadang untuk berbincang dan mendapatkan pandangan daripada penyeliaku semasa pengajianku di peringkat Sarjana mengenai kebaikan atau *benefit* yang akan aku perolehi sekiranya menyambung pengajian di peringkat PhD.

Banyak perkara yang dikongsikan oleh bekas penyelia aku, namun perkara yang aku ingat sehingga ke hari ini adalah apabila beliau menyatakan bahawa memperoleh segulung Ijazah Doktor Falsafah adalah tiket untuk terbang tinggi. Segulung Ijazah Doktor Falsafah akan membuka lebih banyak peluang terutama dari segi profesion dan kerjaya. Segulung Ijazah Doktor Falsafah akan membuka ruang yang lebih luas untuk berkolaboratif dengan penyelidik dari seluruh pelosok dunia serta bergiat dengan lebih aktif dalam bidang penyelidikan yang sememangnya aku minati. Dalam masa yang sama, penyeliaku turut menyatakan pengajian di peringkat PhD bukanlah sesuatu yang mudah; aku perlu berkorban bermacam-macam perkara sekiranya ingin menamatkan pengajian. Tiada jaminan aku akan dapat menamatkan pengajian dalam tempoh 4 tahun, 5 tahun, 6 tahun bahkan 10 tahun. Ketika aku seperti berbelah bahagi sama ada mahu menyambung pengajian di peringkat PhD atau tidak, kata-kata ini telah membakar semangatku, ‘Jangan susah hati, banyak pelajar juga berjaya menamatkan pengajian PhD mereka di bawah seliaan saya’. Kalau kamu tidak cuba, mana kamu tahu’. ‘Ya Dr. Tan, saya mahu cuba’. Dan dengan itu bermulalah perjalanan pengajianku di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Aku nekad bahawa aku mahu mengubah perjalanan karierku, aku tidak mahu menjadi seorang guru sekolah rendah sehingga aku pencen.

Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

Dalam perkongsian ini aku tidak menceritakan mengenai pengalamanku sepanjang pengajian PhDku kerana aku pasti banyak pihak yang sudah mengongsikan pengalaman mereka yang sememang layak dijadikan panduan dan iktibar kepada individu yang berkeinginan menyambung pengajian ke peringkat PhD. Cabaran, halangan dan dugaan sepanjang perjalanan pengajian itu sudah menjadi kemestian bagi semua pelajar PhD dan perlu ditangani secara profesional dan sistematik. Apa yang ingin aku kongsi adalah dengan



memperoleh segulung Ijazah Doktor Falsafah, sememangnya pintu rezeki terbuka dengan lebih luas bagi diriku. Aku telah menjadi seorang pensyarah akademik di Jabatan STEM IPG Kampus Keningau, tempat di mana aku memulakan karierku sebagai seorang guru. 'Kami memerlukan Ijazah tersebut telah melayakkan aku untuk memohon jawatan pensyarah. Selain itu, aku juga sering dijemput untuk menjadi penceramah serta panel dalam perkongsian webinar terutama yang berkaitan dengan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta kajian tindakan. Suatu kebanggaan dan kepuasan bagiku adalah apabila satu artikel aku telah diterbitkan dalam *Journal of Instructions* yang merupakan jurnal Scopus Q1 pada tahun 2022! Ramai orang sudah mengenali diriku, namun ini tidak membuatkan aku bangga atau tinggi diri tapi aku melihat ini sebagai peluang untuk aku memberi sumbangan kepada masyarakat. Namun apa yang lebih penting adalah perjuangan menghabiskan pengajian PhD telah membentuk aku menjadi seorang individu yang lebih berkemampuan mempertimbangkan dengan teliti jalan penyelesaian kepada setiap permasalahan yang dihadapi.

Kata Penutup Kalam

Semoga perkongsian ini memberi semangat dan perangsang kepada mereka yang ingin menyambung pengajian di peringkat PhD namun masih berbelah bahagi. Percayalah bahawa segulung Ijazah Doktor Falsafah sememang akan membuka pelbagai peluang dan pintu rezeki. Tidak salah sekiranya dikatakan bahawa segulung Ijazah Doktor Falsafah adalah tiket untuk terbang tinggi.



Menggapai Langit Biru

Dr. Suriati Sulaiman

Pensyarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

Tanggal 5 Mei 2013, Allah mengabulkan doaku, suami dan anak-anak apabila aku berjaya mendapat Hadiah Latihan Persekutuan untuk melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran. Terima kasih Allah atas nikmat ini. Terima kasih Kementerian Pendidikan Malaysia atas kepercayaan dan peluang yang diberikan ini. Memang menjadi impianku untuk memakai *bonnet* dan bergelar Dr. Menitik air mataku apabila mendapat perkhabaran gembira itu. Dapatlah aku duduk di Temerloh bersama keluarga dalam tempoh tiga tahun pengajian ini. Anak-anak yang paling gembira. Dapatlah mereka merasa air tanganku setiap hari. Kalau tidak kena tunggu cuti hujung minggu baru boleh merasa masakanku. Tak perlulah lagi aku berulang-alik ke Kuala Lipis untuk menabur khidmat bakti di bumi Afzan. Sejak hari itu, bermulalah perjalananku sebagai pelajar PhD sepenuh masa di UPM. Selamat tinggal Afzan. Kalau diizinkan Allah kita akan bertemu lagi selepas aku tamat pengajian.

Ku sangka panas hingga ke petang, rupanya hujan ditengah hari. Dua bulan selepas aku menerima berita gembira tersebut, aku dikejutkan dengan berita sedih ini. Pagi itu Angah memanggilkku dan meminta aku menyikat rambutnya. Aku pun pelik. Selalunya Angah akan bersiap-siap sendiri sebelum pergi ke sekolah tanpa meminta bantuanku. Maklumlah dia pun dah besar, dah Tahun Enam. "Kenapa tak sikat rambut sendiri", aku bertanya tanpa acuh tak acuh. "Tangan Angah lenguh lah ma, tak boleh nak sikat rambut", jawab Angah. Ada sedikit kerisauan pada nada suaranya. "Mungkin Angah salah tidur kot", aku cuba memberi justifikasi kepadanya. Jawapanku itu sedikit sebanyak mengurangkan kerisauannya. Perbualan kami terhenti di situ sahaja. Akupun tidak memandang serius perkara tersebut.

Aku sangka perkara itu perkara biasa sahaja. Tapi perkara yang sama berlaku pada hari kedua. Aku mula tertanya-tanya kenapa perkara ini berlaku. Takkan salah tidur lagi kot. Petang itu, selepas balik dari sekolah Angah mengadu kepadaku, "Ma, kawan-kawan cakap, suara Angah lain lah". Aku terkedu mendengarnya. Betul ke? Kenapa aku tak perasan?. Selepas solat Asar, aku ke bilik Angah. Kami berbual pasal pembelajarannya. Maklumlah tahun ni Angah akan ambil UPSR. Tinggal 2 bulan sahaja lagi. Semasa kami berbual-bual panjang, baru aku perasan, suara Angah semakin lama semakin sengau. Sukar bagiku untuk memahami percakapannya. Aku banyak menyuruhnya mengulang semula apa yang diucapkan kepadaku. "Kenapa mama ni asyik suruh Angah ulang-ulang je cakap Angah?", soal Angah dengan nada kurang puas hati dengan tindakanku. Hatiku mula berdebar-debar. Kenapa dengan Angah?

Hari ketiga, percakapan Angah makin sukar untuk aku fahami. Aku mengambil keputusan untuk membawa Angah berjumpa Dr Rahman, seorang doktor di sebuah klinik swasta. Aku dan anak-anak sering mendapatkan rawatan di klinik beliau bila kami ada masalah kesihatan. Aku memberitahu Angah tentang perancanganku itu dan dia pun bersetuju. Jam 10 pagi, aku bergegas ke sekolah Angah. Setelah mendapat kebenaran Guru Besar, aku membawa Angah ke Klinik Rahman. Aku bercerita kepada Dr Rahman perihal keadaan fizikal Angah dalam tempoh 3 hari ni. Selepas mendengar penjelasanku, Dr Rahman membuat beberapa ujian fizikal ke atas Angah. Dari riak wajah Dr Rahman, aku tahu bahawa ada sesuatu yang tak kena dengan Angah. Firasat seorang ibu. Beliau terus memintaku membawa Angah ke Klinik Kesihatan Songsang dan berjumpa dengan seorang doktor pakar UD54 di situ untuk mengesahkan penyakit Angah. Tanpa bertangguh, aku terus membawa Angah ke Klinik Kesihatan Songsang dengan seribu satu soalan. Kenapa dengan Angah?

Sampai di Klinik Kesihatan Songsang, aku menyerahkan surat rujukan Dr Rahman kepada jururawat bertugas di bahagian kaunter. Beliau terus membawa kami berjumpa Dr Zaidah,



doktor pakar UD54. Alhamdulillah, kebetulan Dr Zaidah bertugas di Klinik Kesihatan Songsang pada hari itu. Setelah mengetahui Angah tidak boleh mengangkat tangan untuk mengikat rambut dan suaranya menjadi sengau, beliau telah melaksanakan 2 ujian fizikal. Beliau menyuruh Angah menulis di atas sekeping kertas dan membuat pergerakan cangkung dan bangun. Aku melihat Angah cuba melakukan aktiviti tersebut dengan penuh kepayahan seolah-olah seluruh tenaga yang ada padanya disedut oleh satu kuasa ajaib. Angah kelihatan letih dan tidak berdaya. Melihat keadaan Angah, Dr Zaidah menyuruh aku membawa Angah ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah secepat mungkin. "Puan boleh memandu? Kalau tak boleh kami boleh bawa anak Puan dengan ambulan", tanya Dr Zaidah. "Kenapa dengan Angah Dr? Perlu masuk wad ke?", aku bertanya Dr Zaidah bertubi-tubi. "Anak puan mungkin mengidap *Autoimmune disease*", jelas Dr Zaidah dengan tenang. "Lebih baik puan bawa Angah ke HOSAS segera untuk dapatkan kepastian", tambah beliau.

Aku singgah di rumah sekejap untuk mengambil beberapa helai baju Angah sebelum bergegas ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah. Sampai di hospital, Angah terus dirujuk di bahagian kecemasan untuk pemeriksaan lanjut. Dr Mary, menyuruh Angah membuat beberapa pergerakan sebelum menghantarnya ke Zon Merah. Lewat petang itu, kami didatangi oleh beberapa orang doktor diketuai oleh Dr Adham. "Kenapa dengan anak saya?", aku bertanya. "Penyakit anak puan ni agak klasik. Puan pernah dengar tentang *Myasthenia Gravis*?" "Tak pernah dengar pun. Apa tu?" "Sejenis penyakit auto immune yang disebabkan antibodinya menyerang *muscle cell* nya sendiri. Kami pun tiada pakar Neuro di HOSAS. Kami akan rujuk anak Puan dengan Doktor Pakar Neuro di Hospital Kuala Lumpur. Puan boleh *browse* internet untuk dapatkan maklumat lanjut tentang penyakit ini. Kalau ada maklumat, puan tahu apa nak tanya doktor tentang penyakit ini dan rawatan yang diperlukan nanti. Anak puan perlu ditempatkan di wad untuk rawatan lanjut", terang Dr Adham dengan panjang lebar. Terkedu aku mendengar penjelasan beliau. Penyakit klasik? *Myasthenia Gravis*? Boleh ke Angah sembuh daripada penyakit ini? Persoalan-persoalan ini berlegar-legar dalam kotak pemikiranku. "Bagaimana Puan nak bayar rawatan? Anak Puan akan diberi IVIG selama 5 hari. Kos rawatan lebih kurang 20k" tambah Dr Adham. Terkedu aku mendengarnya. Alhamdulillah bayaran kos rawatan Angah ditampung oleh kerajaan memandangkan aku seorang pegawai kerajaan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Allah kerana memudahkan urusanku. Baru aku terasa betapa beruntungnya aku menjadi pegawai kerajaan.

Angah menerima IVIG selama 10 jam tanpa henti setiap hari. Aku memohon pihak hospital menempatkan Angah di bilik Bunga Raya untuk memudahkan Angah bergerak ke tandas. Tambahan pula penyakit Angah tidak memungkinkan dia berada dalam wad yang ramai pesakit kerana rawatan yang diterima akan mengurangkan tahap imunitasnya. Implikasinya, Angah mudah mendapat jangkitan penyakit dan jangkitan ini boleh menyebabkan penyakit *Myasthenia Gravis*nya menjadi bertambah teruk.

Selama seminggu di hospital aku banyak belajar tentang *Myasthenia Gravis*. *Myasthenia Gravis* berasal daripada perkataan Greek: *mys* iaitu "*muscle*", *astheneia* merujuk pada "*weakness*" dan perkataan Latin *gravis*, "*serious*". Aku banyak membaca artikel jurnal perubatan berkaitan *Myasthenia Gravis* dari seluruh dunia. Baru aku faham, kenapa Dr Adham memberitahuku penyakit Angah ni klasik. Hanya 3 hingga 30 orang daripada 1 juta orang disahkan mendapat penyakit ini setiap tahun. Lazimnya ia berlaku kepada wanita yang berumur bawah 40 tahun sedangkan Angah baru sahaja berumur 12 tahun. Inilah ujian Allah kepada aku dan Angah. Aku berkongsi maklumat dengan Angah tentang keadaan penyakitnya dan rawatan yang perlu dilaluinya dengan bahasa yang paling mudah. Aku cuba memahami perasaan Angah melalui riak wajahnya apabila dia mendengar penjelasanku. Berat mata yang memandang, berat lagi bahu yang memikul. Aku cuba sedaya upaya untuk menyembunyikan kesedihan ini kerana aku tidak mahu Angah berputus asa dengan keadaan dirinya. Alhamdulillah, Angah menunjukkan tindak balas yang positif setelah menerima rawatan IVIG. Otot tangannya semakin kuat dan suaranya juga berubah seperti sedia kala.



Doktor membenarkan Angah balik ke rumah dengan pengambilan ubat-ubatan yang disarankan.

Semasa mengambil ubat di farmasi, aku tergerak bertanya dengan ahli farmasi bertugas tentang pengambilan ubat semasa puasa kerana bulan Ramadhan bakal tiba dan Angah berkeras hendak berpuasa pada tahun ini. Dengan persetujuan ahli farmasi, Angah dibenarkan untuk mengambil ubat dengan dos yang disarankan sebanyak tiga kali sehari berbanding lima kali sehari semasa berada di wad. Aku pun tidak bertanya lanjut dengan ahli farmasi berkenaan sekiranya perlu mendapatkan kebenaran doktor untuk mengurangkan jumlah pengambilan ubat tersebut. Sekembalinya kami dari hospital, aku dan suami cuba mendapatkan rawatan alternatif untuk Angah. Ustaz Zulkefli yang merawat Angah mengesahkan penyakit Angah bukan disebabkan masalah gangguan makhluk halus tetapi masalah fizikal. Hari-hari berikutnya Angah pergi ke sekolah seperti biasa sebagai persediaan untuk menghadapi Peperiksaan Percubaan UPSR. Rutin aku setiap hari adalah menghantar dan mengambil Angah daripada sekolah. Memandang aku masih bercuti belajar, ini memudahkan urusan aku.

Seminggu selepas Angah keluar wad, aku pergi ke IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan untuk menyelesaikan urusan kursus induksi pensyarah baharu. Aku memaklumkan kepada suami, kemungkinan, aku akan balik selepas Maghrib memandangkan program kami tamat pada jam 5 petang. Usai solat Maghrib di Kuala Lipis, aku bergegas balik ke Temerloh diiringi oleh Encik Mokhtar, seorang pensyarah kanan di Jabatan Ilmu Pendidikan. Memandangkan aku masih baharu di Kuala Lipis dan tidak biasa dengan perjalanan di waktu malam, Encik Mokhtar bersetuju untuk mengiringiku. Kebetulan pula beliau hendak balik ke Jerantut pada malam tersebut. Setiba di persimpangan Bandar Baru Tun Abdul Razak, aku menerima panggilan telefon daripada suami. "Yang, balik cepat, Angah tak boleh bergerak dan tidak boleh bernafas", ujar suamiku dengan nada cemas sebaik perbualan kami disambung melalui Bluetooth. Aku terpana sebentar setelah mendengar penjelasan suami. Aku cuba menenangkan diri. "Abang dah hubungi ambulan?" "Dah, tapi ambulan lambat sampai. Abang nak bawa Angah terus ke hospital. Nanti Yang terus ke hospital ye", tegas suamiku. Sebaik tiba di HOSAS aku terus ke bahagian kecemasan. Suamiku terus memelukku sejurus dia melihatku. Aku bertanya tentang keadaan Angah. "Doktor terpaksa komakan Angah untuk masukkan tiub oksigen. Terpaksa gunakan mesin untuk beri bantuan oksigen kepada Angah sebab Angah tak boleh bernafas sendiri dan Doktor cuba guna *mask* tetapi oksigen tak masuk. Angah dah lemas sebab paru-paru dia tak berfungsi. Alhamdulillah doktor cakap Abang bawa Angah cepat. Kalau lambat sikit, Angah mungkin dah takde", jelas suamiku dengan mata merah. Ya Allah tabahkanlah hati ini. Berilah kami kekuatan untuk menghadapi ujianMu ini.

Angah ditempatkan di ICU selama 9 hari. Sepanjang tempoh itu, Doktor terpaksa menggunakan mesin untuk memberi bantuan oksigen secara langsung kepada Angah untuk meneruskan kelangsungan hidup. Sepanjang tempoh itu juga aku menemani Angah yang berada dalam keadaan koma. Aku cuba kuatkan semangat demi Angah. Ramai rakan-rakan yang datang memberi sokongan moral kepada aku dan suami khususnya rakan-rakan guru suami dari SMK Abu Bakar. Terima kasih atas sokongan dan doa kalian. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Kunjungan rakan-rakan guru sedikit sebanyak memberi kekuatan kepada kami untuk bersabar dan redha dengan ujian Allah ini.

Selepas 7 hari, Angah mula sedar tetapi tidak boleh bercakap kerana tiub oksigen masih disambungkan ke paru-parunya. Doktor bercadang untuk menebuk lehernya sekiranya paru-parunya masih gagal berfungsi kerana takut risiko jangkitan apabila menggunakan tiub oksigen lebih daripada 2 minggu. Doktor memberinya kertas untuk memudahkannya menulis jika ingin berkomunikasi denganku. Angah banyak bertanya kepadaku tentang keadaan dirinya. Aku agak pelik kerana Angah bukanlah anak yang banyak bertanya semasa dia sihat. Apabila aku bercerita tentang keadaannya semasa dia koma sebulan selepas dia keluar dari ICU, dia memberitahuku dia tak ingat langsung apa yang dia ucapkan kepadaku. Seolah-olah ingatannya pada masa itu kosong. Aku berkongsi pengalaman ini dengan jiran sebelah

rumahku yang kebetulan mempunyai pengalaman yang sama. Anaknya terlibat dengan kemalangan dan koma selepas itu. Dia memberitahu, anaknya juga menjadi seorang yang peramah sejeurus sedar dari koma. Anaknya juga diberi bantuan oksigen dan morfin semasa rawatan.

Sejak serangan itu, keadaan Angah berubah 360°. Angah kini tidak lagi boleh berjalan. Keadaannya sama dengan pesakit yang lumpuh. Dia hanya terbaring di atas katil. Pergerakan fizikalnya benar-benar terhad tidak seperti sebelum ini. Dia hanya makan *soft diet* dan terpaksa menggunakan lampin pakai buang. Apa yang merisaukan aku adalah keadaan emosi Angah yang tidak stabil. Dia kerap menangis setiap kali selepas solat. Dia tidak mahu berjumpa dengan guru-guru dan rakan-rakannya hatta rakan baiknya. Aku cuba menahan perasaan dan menjadi kuat untuknya. Dia kerap bertanya kepadaku, “Ma, kenapa Allah jadikan saya macam ni? Ma, macamana masa depan saya? Ma, macamana pembelajaran saya?”. Aku cuba menjelaskan kepadanya mungkin ada hikmah di sebalik ujian ini. Tapi apalah kanak-kanak 12 tahun tahu tentang sabar dan redha dengan ujian Allah. Sejak hari itu, Angah terpaksa bergerak menggunakan kerusi roda. Ini membataskan pergerakannya. Namun, aku masih bersyukur kerana keadaan fizikalnya tidak menghentikan semangatnya untuk terus menduduki UPSR sebagai calon hospital. Malah, aku bersyukur kerana dengan cuti belajar ini, aku berkesempatan untuk menemaninya mengulangkaji pelajaran di wad. Kami menjadi lebih akrab. Kami banyak menghabiskan masa bersama-sama untuk membuat latihan. Doktor menasihatkan aku agar tidak memaksa Angah untuk belajar kerana tekanan yang diterima boleh menyebabkan penyakitnya menyerang semula. Aku akur dengan nasihat doktor dan berlapang dada sekiranya itulah yang terbaik untuk Angah. Aku beritahu Angah, Allah masih sayang kepadanya apabila dia berjaya meraih kejayaan 5A dalam peperiksaan UPSR dan dinobatkan sebagai calon hospital terbaik. Namun begitu, hasratnya untuk ke Kolej Tunku Kurshiah terpaksa dikuburkan. “Mungkin bukan rezeki Angah untuk ke TKC”, aku memujuknya.

Selama setahun Angah terpaksa berulang alik ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah dan Unit Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur untuk menerima rawatan susulan. Selama setahun itu juga dia terpaksa korbakan masa persekolahannya di Tingkatan 1. Kalau pelajar lain sibuk mendengar pengajaran guru di bilik darjah tapi Angah sibuk menerima IVIG selama 10 jam setiap hari. Kalau pelajar lain gelak ketawa dengan rakan-rakan tapi Angah terpaksa terlantar di atas katil wad tanpa teman bicara kecuali aku, ibunya. Kalau pelajar lain mungkin menikmati masa rehat dengan menonton tv tapi Angah hanya dapat melihat kesibukan wad dengan pelbagai kerenah pesakit. Pada Mei 2014, atas nasihat doktor pakar, Dr Khoo yang juga merupakan konsultan di wad Pediatrik, Angah menjalani pembedahan *Thymectomy* untuk membuang kelenjar *thymus* di Hospital Kuala Lumpur. Aku dimaklumkan Angah merupakan pesakit ke-8 yang menjalani prosedur pembedahan untuk mengurangkan risiko penyakit MG. Dalam tempoh setahun itu juga, aku bertungkus-lumus menyiapkan tesis di hospital. Kalau ibu lain lena tidur di waktu malam semasa menjaga anak mereka di wad, aku pula bersenggang mata menyiapkan tesis. Hanya di waktu malam ketika Angah tidur aku boleh menelaah. Kerap kali aku ditegur oleh doktor-doktor di wad, “Puan, kalau datang sini, tak bawa buku-buku dan laptop bolehke?” Aku menjelaskan, “Tak boleh doktor, saya dapat sambung belajar ni dengan biasiswa. Ia adalah duit rakyat. Saya perlu habiskan dalam tempoh 3 tahun. Itu adalah amanah rakyat.” Dan dalam keheningan malam itu, aku tertanya-tanya di dalam hati, “Adakah aku mampu melalui dugaan ini dan meraih segulung ijazah serta bergelar Dr?” Hanya Allah yang tahu. Benarlah, kita hanya merancang, Allah yang menentukannya. Mungkinkah ada sinar kebahagiaan untukku?







KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Aras 1-3, Blok 2250,
Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya,
Selangor
Tel : 03-83126666

e ISBN 978-967-2999-57-7



9 78 967 2 999 57 7